


Jilid III  
Bil. 22



Hari Rabu  
24hb Julai, 1985

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Abdul Ghani bin Misbah—Kebenaran [Ruangan 4037]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4037]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 4103]

Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti)  
[Ruangan 4112]

### USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4156]

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Rancangan Pembangunan Jalan Raya/Parit di Jinjang [Ruangan 4156]

Ordinan K.W.S.P., 1951—Pindaan [Ruangan 4158]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu)

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Musa Hitam, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr Neo Yee Pan, S.P.M.J., B.S.I. (Muar)

” Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput)

” Menteri Luar Negeri, Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu)

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan)

” Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chong Hon Nyan, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)

” Menteri Perusahaan Utama, Dato' Paul Leong Khee Seong, D.P.C.M. (Taiping)

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

” Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong)

” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi bin Junid. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

” Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Rais Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

- " Menteri Buruh, Dato' Mak Hon Kam, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim)
- " Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, D.A., P.N.B.S. (Padawan)
- " Menteri Kesihatan, Dato Chin Hon Ngian, D.S.I.J. S.M.J. (Rengam)
- " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato Shahrir bin Abdul Samad, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru)
- " Menteri Pertanian, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pauh)
- " Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James P. Ongkili, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran)
- " Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Mohamed Khalil bin Yaakob, D.S.A.P., J.S.M. (Maran)
- " Menteri Kewangan, Tuan Daim Zainuddin (Kuala Muda)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Chan Siang Sun, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' K. Pathmanaban, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang)
- " Timbalan Menteri Buruh, Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut)
- " Timbalan Menteri Buruh, Datuk William Lye Chee Hien, P.G.D.K. (Gaya)
- " Timbalan Menteri Pelajaran, Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Tuan Luhat Wan (Baram)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed (Machang)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Chow Poh Kheng @ Rosemary Chong, D.P.M.S. (Ulu Langat)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- ” Timbalan Menteri Perusahaan dan Kerajaan Tempatan, Dato S. Subramaniam, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Kewangan, Dato Dr. Tan Tiong Hong, D.S.A.P. (Raub)
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, Puan Hajjah Rahmah binti Othman, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Kewangan, Dato Sabbaruddin Chik, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru)
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato’ Oo Gin Sun, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar)
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau, B.S.K. (Keningau)
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, Dato Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Tuan Megat Junid bin Megat Ayob, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak)
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, S.M.P., A.M.N., (Kuantan)
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Dr. Ling Liong Sik, D.P.M.P. (Mata Kuching)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Lee Kim Sai, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor)
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Tuan Haji Daud bin Dato’ Haji Taha (Batu Pahat)
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tuan Law Hieng Ding, P.B.S. (Sarikei)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, Tuan Jawan anak Empaling, K.M.N. (Rajang)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Au How Cheong, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, A.M.P. (Gerik)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Awang bin Jabar, A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- ” Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mustaffa bin Mohammad, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Yeoh Poh San (Petaling)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat)
- ” Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin)
- ” Tuan Abdul Ghani bin Misbah, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kina- batangan)
- ” Dato Abdul Manan bin Othman, D.P.M.T., P.P.T.(Kuala Treng- ganu)
- ” Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar)
- ” Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan)
- ” Datuk Haji Abu Bakar bin Umar, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar)
- ” Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens (Marudu)
- ” Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis, P.P.T. (Parit)
- ” Tan Sri Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)
- ” Datuk Alfred Jabu Anak Numpang, P.N.B.S., K.M.N. (Betong)
- ” Tuan Alias bin Md. Ali, P.J.K. (Ulu Trengganu)
- ” Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu)
- ” Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim, A.M.P. (Ba- tang Padang)
- ” Tuan Bahari bin Haron (Labis)
- ” Tuan Baharom bin Haji Bakar (Padang Terap)
- ” Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah)
- ” Dr. George Chan Hong Nam (Lambir)
- ” Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi)
- ” Dr. Chen Man Hin (Seremban)
- ” Dato Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Beras)
- ” Tuan Peter Chin Gan Oon, P.M.P. (Ipoh)

- Yang Berhormat Datuk Clarence E. Mansul, P.G.D.K. (Penampang)
- ” Datuk Edmund Langgu Anak Saga, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- ” Datuk Edwin Anak Tangkun, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar)
- ” Tuan Fung Ket Wing (Sandakan)
- Tuan Newman Gaban (Bandau)
- ” Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera)
- ” Tuan V. Govindaraj, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang)
- ” Datuk Harris bin Mohd. Salleh, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas)
- ” Tuan Hassan bin Haji Mohamed, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang)
- ” Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong, J.P. (Labuk Sugut)
- ” Dato Dr. Hee Tien Lai, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam)
- ” Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus)
- ” Tuan Ismail bin Arshad, A.M.K. (Jerai)
- ” Tuan Ismail @ Mansor bin Said, A.M.N. (Kemaman)
- ” Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam)
- ” Tuan Justine Anak Jinggut (Ulu Rajang)
- ” Dato’ Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut)
- ” Tuan Kan Yau Fa, A.S.D.K. (Tawau)
- ” Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- ” Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh)
- ” Tuan Mark Koding (Kinabalu)
- ” Dr. Koh Tsu Koon (Tanjong)
- ” Dato Lee Boon Peng, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin)
- ” Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar)
- ” Dr.. Leo Michael Toyad (Mukah)
- ” Datuk Leonard Linggi Anak Jugah, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit)
- ” Dato Lew Sip Hon, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam)
- ” Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka)
- ” Tuan Lim Liang Seng, P.P.T. (Kinta)
- ” Tuan Ling Sie Ming (Sibu)
- ” Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri)
- ” Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud, A.M.N. (Pekan)
- ” Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai)
- ” Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid, P.P.N., P.P.T. (Matang)
- ” Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang)
- ” Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- ” Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak)
- ” Dato Mohammad Yahya bin Lampong, A.S.D.K. (Kota Belud)
- ” Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas)
- ” Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, S.M.K. (Bachok)
- ” Tuan Mokhtaram bin Rabidin, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian)
- ” Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)
- ” Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas)
- ” Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut)
- ” Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang)
- ” Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa)
- ” Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai)
- ” Tuan Omar bin Abdullah (Tampin)
- ” Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda)
- ” Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis)
- ” Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading)
- ” Tuan Quah Wee Liam, P.I.S., B.S.I. (Kluang)
- ” Tuan Richard Dampeng Anak Laki (Serian)
- ” Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas)
- ” Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Haji Seroji bin Haji Haron, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling)
- ” Tuan Shamsuri bin Md. Saleh, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching)
- ” Tuan Tan Koon Swan, A.M.P., J.P. (Damansara)
  - ” Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai)
  - ” Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
  - ” Tuan Thomas Salang Siden (Julau)
  - ” Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu)
  - ” Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut)
  - ” Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas)
  - ” Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh)
  - ” Wan Zainab binti M.A. Bakar, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani)
  - ” Tuan Yahya bin Haji Zakaria, P.P.T. (Bagan Datok)
  - ” Tuan Yew Foo Weng (Menglembu)
  - ” Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang)

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P.B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

### *PEMBERITA-PEMBERITA*

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 24hb Julai, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

- (ii) apakah program-program yang telah disusun oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia-belia khususnya golongan belia di luar bandar.

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG  
DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN ABDUL GHANI BIN  
MISBAH — KEBENARAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25.4.1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Misbah, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kinabatangan, dari 15hb Julai 1985 hingga 26hb Julai, 1985.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PUSAT LATIHAN BELIA —  
PENAMBAHAN BILANGAN

**1. Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan pusat-pusat latihan belia dalam negara ini selain daripada Pertak dan Pusat Latihan Belia Dusun Tua, memandangkan kepada bertambahnya jumlah bilangan para belia dalam negara ini; dan

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang bercadang untuk menambahkan beberapa buah lagi Pusat Latihan Belia di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Cadangan ini telahpun dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Bagi menjawab soalan bahagian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di antara program-program yang telah disusun dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia khususnya bagi golongan belia di kawasan luar bandar termasuk rancangan bercorak ekonomi seperti rancangan belia-niaga dan juga rancangan-rancangan latihan belia seperti kursus-kursus di pusat-pusat latihan belia dan latihan sambil bekerja serta lain-lain kursus yang tidak formal.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan, berapakah keupayaan ataupun kapasiti bagi kedua-dua Pusat Latihan Belia di Pertak dan juga Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan setakat ini berapa ramaiakah pula jumlah pemohon yang masih menunggu giliran masing-masing bagi memasuki pusat tersebut?

Yang ketiga, sama ada wujud ataupun tidak pusat latihan belia seperti ini di peringkat negeri yang ditajakan oleh Kerajaan Negeri sendiri dan jika ada, berapakah jumlah kesemuanya?

dan adakah pihak Kementerian beliau berca-dang untuk mengambilalih ataupun memberi sebarang bantuan kepada pusat-pusat latihan yang ada di peringkat negeri itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh ingat Ahli Yang Berhormat, lima soalan itu?

**Tuan Awang bin Jabar:** Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua. Berapa ramai yang boleh ditampung oleh ketiga-tiga pusat latihan beliau yang ada di negara kita sekarang ini ialah sekitar 2,000 orang.

Berapa ramai pula mereka yang sedang menunggu giliran untuk memasuki pusat-pusat ini, setakat ini apa yang difahamkan untuk kemasukan bagi bulan Julai/awal Ogos ini, lebih kurang 4,000 orang yang memohon. Ertinya ramai yang tidak akan berpeluang untuk memasukinya.

Sama ada di negeri-negeri mempunyai pusat latihan belianya sendiri, jawabnya ada di antara negeri-negeri yang mempunyai pusat latihan beliau mereka sendiri, ala negeri itu sendiri. Ada yang mengambil bidang pertanian, ada yang fokus kepada pertukangan sahaja dan berbagai-bagai lagi.

Kemudian sama ada Kerajaan Pusat akan mengambilalih pusat-pusat ini, ini kita masukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima di mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun mencadangkan untuk menubuhkan beberapa Pusat Latihan Belia lagi. Di antara lain ialah Pusat Latihan Belia Tani Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang; Pusat Latihan Belia Pantai Timur, Wakaf Tapai; Institut Belia Usahawan Bandar Baru, Seri Iskandar; Pusat Latihan Bina Semangat, Langkawi, Kedah; Kem Belia Islam Antarabangsa di Port Dickson, Negeri Sembilan; Kem Belia, Taiping; dan Pusat Latihan, Belia Negeri di Samarahan, Bahagian Pertama, Sarawak.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya berkenaan dengan pusat latihan beliau yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah iaitu Pusat Latihan Belia, Jitra yang saya difahamkan telah pun diambilalih oleh pihak Kementerian sejak tahun 1983 lagi.

Jadi adakah pihak Kementerian menyediakan peruntukan-peruntukan dan berapa banyakkah peruntukan itu dan apakah kursus-kursus yang akan diadakan di pusat latihan beliau tersebut dan berapakah peserta-peserta pada satu-satu masa yang akan diambil dan bilakah tarikh yang sebenarnya pusat latihan beliau itu akan dijalankan oleh pihak Kementerian?

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pusat latihan beliau di Jitra, Kedah, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat itu bahawa proses pengambilan masih lagi berjalan di antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri. Oleh hal yang demikian, perkara-perkara yang berikutan sama ada berapa ramai, bila hendak mula, kurikulum ataupun syllabusnya tidak dapat saya maklumkan di dalam mesyuarat ini.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat ada mengatakan iaitu rancangan-rancangan yang diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di antaranya ialah rancangan ekonomi. Yang Berhormat telah menyebut iaitu beliau niaga, Yang Berhormat tidak menyebut beliau peladang.

Dahulu ada banyak projek-projek beliau yang berbentuk beliau peladang. Memandangkan bahawa sebilangan besar daripada beliau-belie kita adalah di luar bandar, adakah rancangan beliau peladang ini diteruskan dan banyak manakah peruntukan yang diberikan dan apakah khidmat-khidmat bimbingan yang dapat diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan projek beliau peladang, semenjak awal tahun 1984 rancangan beliau peladang ini dibekukan oleh Kerajaan kerana Kerajaan ataupun Kementerian terpaksa membuat kajian semula akan projek ini. Oleh sebab beberapa problem ataupun masalah yang terdapat sepanjang melaksanakan projek-projek pada masa yang lalu. Sehingga tahun 1984

sebanyak \$15 juta lebih telah dibelanjakan untuk projek belia peladang ini. Ini tidaklah bermakna projek-projek yang sedia ada tidak diteruskan hingga sekarang.

Pembekuan berlaku kepada projek-projek baru sahaja tetapi projek-projek belia peladang yang sudah sedia ada masih diteruskan oleh belia-belie kita di seluruh negara kita ini.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Seti-  
usaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pusat-pusat latihan belia di seluruh tanahair kita ini. Saya ingin tahu sama ada pusat latihan belia yang akan ditambah ini akan memberi kursus-kursus lanjutan kepada para belia yang telah mengikuti kursus-kursus kemahiran asas di Pusat Latihan Belia Pertak dan Pusat Latihan Belia Dusun Tua ataupun pusat-pusat yang akan didirikan itu akan juga memberikan di pusat-pusat asas seperti kursus-kursus yang ada sekarang ini.

Jika sekiranya pusat-pusat yang akan didirikan itu akan memberikan kursus-kursus kemahiran asas, adakah kursus-kursus kemahiran asas seperti yang diberikan pada masa ini mencukupi kepada para belia yang mengikuti kursus-kursus tersebut memandangkan bahawa ramai belia-belie yang telah tamat mengikuti kursus-kursus kemahiran ini yang masih tidak dapat menjalankan perusahaan mereka sendiri lantaran kecacatan pengetahuan yang ditimba melalui kursus-kursus tersebut.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengubah ataupun menjadikan format kertas kerja Belia Niaga daripada yang susah dahulu kepada yang lebih simple, yang lebih sesuai setaraf dengan pemikiran para belia yang ingin memohon peruntukan Belia Niaga ini.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pusat-pusat latihan yang dicadangkan untuk dibangunkan di negara kita ini mempunyai dua matlamat iaitu dengan mengadakan latihan-latihan asas di dalam satu-satu bidang juga untuk latihan-latihan peningkatan. Sama ada kita sudah mengubah format

bagi permohonan rancangan belia niaga ini kerana kata Yang Berhormat yang berkenaan bahawa terdapat di dalam borang-borang permohonan pada masa yang lalu kerumitan-kerumitan. Perubahan untuk menyenangkan para belia dibuat dari masa ke semasa jika terdapat sebarang kerumitan Pegawai-pegawai Belia di daerah-daerah di dalam negara kita ini sedia memberi khidmat nasihat sama ada membantu para belia ini di dalam menyediakan kertas kerja dan juga memberi tunjuk ajar di dalam perkara-perkara yang lain.

**Tuan Mohammed Yussuf bin Haji Yakob:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapannya Yang Berhormat tadi ada menyatakan bahawa Kementerian belia akan menambah bilangan pusat-pusat latihan belia di seluruh negara.

Saya ingin tahu sama ada Kementerian belia bercadang untuk membina sebuah sekolah yang tersebut di Sabah?

Kedua, adakah beliau sedar bahawa di Kin-  
ru, Sabah ada sebuah Outward Bound School dalam pembinaan. Jika sedar, adakah Kementerian belia bercadang untuk mengambil alih Outward Bound School ini demi menyelaraskan kegiatan-kegiatan belia di seluruh negara.

**Tuan Awang bin Jabar:** Sama ada Kementerian akan bercadang untuk membina sebuah pusat latihan di Sabah, perkara ini boleh dirundingkan mengikut kesesuaian masa dan mengenai satu pusat latihan Outward Bound School di Sabah itu, Kerajaan menerusi Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan di Sabah sentiasa memberi perhatian dan kerjasama kepada pusat ini.

## TELEFON DAN TENAGA ELEKTRIK — KADAR BAYARAN

**2. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah benar bayaran telefon dan tenaga elektrik di negara kita adalah di antara yang termahal di dunia. Sekiranya benar, adakah kementerian nya bercadang untuk menurunkan kadar bayaran tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa bayaran telefon yang dikenakan oleh negara kita adalah di antara yang termahal di dunia ini. Berdasarkan kepada laporan yang telah dibuat oleh pihak Bank Dunia kepada Jabatan Perdana Menteri adalah didapati kadar bayaran telefon dalam negeri kita terlalu rendah jika dibandingkan dengan Thailand, Indonesia dan kebanyakan negara maju seperti Amerika, United Kingdom dan France. Jika perlu, saya akan memberi perangkaan-perangkaan bagi beberapa negara lain untuk membuktikan keadaan yang sebenarnya.

Bagi mengimbangkan keadaan ini laporan berkenaan mengesyorkan supaya struktur kadar bayaran perkhidmatan telefon negara disusun semula setimpal dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan telefon serta kepentingan perhubungan perdagangan dan pelaburan negara.

Dengan itu keputusan telah dibuat iaitu mulai daripada 16.7.85 bayaran telefon dalam negeri dinaikkan daripada 10 sen kepada 13 sen seunit dengan tujuan untuk menampung perbelanjaan dalam penyediaan perkhidmatan ini.

Seperti Dewan yang mulia ini maklum, kadar bayaran 10 sen seunit itu telah diperkenalkan sejak tahun 1965 dan jika dikira berdasarkan faktor inflasi dan nilai wang mengikut tunjuk harga pengguna bayaran yang patut dikenakan ialah 23 sen. Sementara itu mulai tarikh yang sama juga bayaran panggilan telefon antarabangsa telah dikurangkan antara 10% hingga 55.5% iaitu selaras dengan dasar negara untuk meningkatkan pelaburan dan mengeratkan lagi hubungan dagang negara. Adalah ditegaskan bahawa kadar bayaran telefon ini bukanlah dikenakan dengan begitu sahaja tetapi ianya dilakukan berasaskan kepada keperluan negara dan juga perbandingan dengan negara-negara lain terutamanya negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tenaga elektrik pula, sayogia dimaklumkan bahawa kadar bayaran tenaga elektrik yang ditetapkan adalah

bergantung kepada kos untuk memberi bekalan tersebut kepada pengguna-pengguna. Dalam menentukan kos memberi bekalan tersebut pula, beberapa faktor perlu diambil kira seperti harga bahan api, jenis loji yang digunakan untuk menjana tenaga elektrik iaitu sama ada logi hydro ataupun haba kecekapan pentadbiran dan sebagainya. Untuk membuat perbandingan kepada tenaga elektrik dengan adil dan saksama di beberapa buah negara asas yang sama adalah diperlukan. Memandangkan dasar amalan dan punca tenaga yang terdapat di negara-negara lain adalah berlainan, adalah sukar mendapatkan asas yang sama untuk membuat perbandingan ini. Umpamanya, adalah sukar untuk membandingkan harga penjanaan tenaga elektrik di negara yang mengimpot bahan apinya untuk penjanaan kuasa dengan negara yang menguntukkan bahan apinya untuk kemudahan ini dengan harga yang nominal atau harga tanda sahaja.

Malaysia mengimpot bahan apinya untuk penjanaan kuasa, sementara negara Thai, Indonesia, Filipina menguntukkan bahan api bagi penjanaan kuasa dengan harga yang nominal sahaja. Sebenarnya harga purata seunit tenaga elektrik yang dibayar oleh pengguna-pengguna di negara kita bukanlah merupakan harga yang termahal di dunia. Kadar harga ini adalah setanding dengan harga yang dibayar oleh pengguna-pengguna lain di dunia. Akan tetapi, akhir-akhir ini terdapat beberapa perubahan yang menyebabkan Kementrian saya sedang membuat kajian semula ke atas tarif elektrik dengan tujuan untuk menukarkan kadarnya. Perubahan-perubahan yang dimaksudkan itu ialah:

- (1) Harga minyak bahan api telah menurun.
- (2) Penggantungan ke atas minyak bahan api dalam penjanaan tenaga elektrik telah berkurangan iaitu daripada 85% kepada 76% berikutan dasar dan strategi mempelbagaikan penjanaan elektrik melalui empat bahan api iaitu gas, arang batu, hydro dan minyak.
- (3) Hasrat Kerajaan untuk menggalakkan sektor industri pelancungan.

**Dr. Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sama ada terdapat perbezaan ongkos penjanaan elektrik iaitu dengan izin 'the cost of generating electricity', bagi bahan-bahan api yang berlainan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu arang batu, hydro, gas, minyak disel dan juga sumber-sumber lain seperti tenaga suria dan tenaga atom. Sekiranya terdapat perbezaan ongkos, kenapa Kerajaan tidak menumpu kepada sumber yang termurah sekali supaya dapat merendahkan lagi ongkos penjanaan elektrik dan juga dengan itu kadar harga elektrik. Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa satu faktor yang menentukan harga elektrik ialah kecekapan pentadbiran. Adakah Kementerian mengambil langkah-langkah untuk menetapkan atau memastikan bahawa pentadbiran itu benar-benar cekap dan tidak ada apa-apa pembaziran?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, pihak LLN hanya memulakan penggunaan arang batu dan kos baru sahaja. Oleh itu adalah sukar bagi kita menentukan kosnya untuk menjanakan elektrik. Tetapi bagi cara hydro dan steam, disel, kita dapat ketahui kos untuk menjana seyunit elektrik itu ialah lebih kurang 2.3 sen sahaja seyunit. Melalui steam pula kosnya ialah lebih kurang 17 sen. Bagi disel pula kosnya lebih kurang 22.2 sen. Ini menunjukkan terdapat juga perbezaan kos bagi bahan api berlainan yang digunakan untuk menjanakan elektrik. Memang kita tidak menggunakan suatu bahan sahaja ataupun satu cara sahaja untuk menjanakan elektrik oleh kerana ini adalah satu dasar diadakan dengan sengajanya supaya negara kita tidak payah bergantung atas satu jenis bahan atau satu cara untuk menjanakan kuasa. Dan seperti apa yang saya katakan tadi, buat sementara waktu ini Kerajaan pun telah mengadakan suatu polisi iaitu untuk mempelbagaikan empat jenis bahan iaitu arang batu, gas, disel dan hydro. Dan peratusannya akan diubah dari masa ke semasa supaya kita tidak bergantung kepada mana-mana satu cara sahaja.

Mengenai kecekapan, memang pihak LLN selalu berusaha sedaya upaya untuk memberi perkhidmatan seberapa yang boleh tetapi kita

pun cuba juga dari masa ke semasa untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberi.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

**3. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha yang akan diambil untuk membaiki perhubungan dua hala dengan Republik Rakyat Cina dalam erti-kata diplomatik, kebudayaan dan hubungan perdagangan apabila beliau melawat negara tersebut dalam bulan November tahun ini.

25.7.85

**47. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau bercadang melawat Negeri China, sama ada Ketua Pembangkang Y.B. Tuan Lim Kit Siang dan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang lain akan juga diminta menyertai rombongannya apabila beliau melawat Negeri China kelak; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Luar (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 25.7.1985, kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada bulan November ini adalah satu langkah untuk meningkatkan perhubungan dua hala, selain daripada membalas lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada tahun 1981. Dan lawatan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membincangkan dua hala dan isu-isu isu-serantau serta antarabangsa. Dalam perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin China mengenai hal-hal dua hala, saya menjangka Yang Amat Berhormat akan memberi penumpuan kepada isu-isu ekonomi. Sebagaimana kita sedia maklum, Malaysia sentiasa mengalami kekurangan perdagangan dengan China dan oleh itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membincang cara konkrit untuk membetulkan ketidakseimbangan

perdagangan dua hala ini. Dalam hal ini Kerajaan akan juga meneliti bagaimana kita boleh memperbaiki prestasi eksport kita dengan China.

Selain daripada isu ekonomi dan perdagangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga akan mengemukakan sekali lagi rasa kebimbangan kita terhadap sokongan China yang berterusan kepada Parti Komunis Malaya dan unsur-unsur dasar luar China yang boleh menjejaskan keselamatan dan perpaduan negara kita.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang menyelesaikan masalah 400,000 kad pengenalan merah sebagaimana yang dijanjikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan sama ada membenarkan rakyat Malaysia melawat negeri China secara bebas.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal 400,000...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah kad pengecnaan merah itu urusan Yang Berhormat atau urusan Yang Berhormat tersebut yang duduk di tepi.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkait dengan lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak. Soal 400,000 orang yang memegang kad pengenalan merah adalah urusan rumah tangga kita. Oleh sebab itu, kita akan mencari cara-cara kita sendiri untuk menyelesaikan perkara ini.

Keduanya, sebagaimana yang telahpun diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu-baharu ini, kita memanglah bercadang untuk melonggarkan sedikit sebanyak cara-cara untuk membenarkan rakyat kita melawat negeri China.

**Tuan Lim Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu siapakah yang akan menganggotai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau melakukan lawatan ke Negeri China dan sama

ada Ahli-ahli Parlimen juga diminta untuk menyertai rombongan itu termasuk Ahli-ahli dari Pembangkang. Sekian. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, senarai penuh rombongan tersebut belum disediakan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun baharu-baharu ini mengatakan di Kulim atau di Baling, tidak boleh makan angin di luar negeri.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya ada enam soalan tambahan; pendek-pendek sahaja, jangan bimbang.

Yang pertama tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri mengatakan bahawa satu penghalang untuk meningkatkan hubungan yang lebih rapat di antara kedua-dua negeri kita ialah sokongan Negeri China kepada MCP, bukan Male Chauvinistic Pig, tetapi Malayan Communist Party. Soal saya ialah, bagaimanakah kita akan mendesak pihak Kerajaan Negeri China supaya mengambil langkah-langkah yang perlu menyelesaikan masalah ini supaya hubungan dua hala yang ada sekarang iaitu di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan boleh ditingkatkan kepada hubungan ke peringkat di antara rakyat dengan rakyat.

Yang kedua, Negeri China baharu-baharu ini membuka 14 buah bandar-bandar besar sebagai Zon Ekonomik Khas (SEZ — Special Economic Zone) yang merupakan peluang besar-besaran untuk pelabur asing. Soalan saya ialah, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertujuan untuk mengambil peluang (take advantage) ini untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan menambahkan pelaburan dalam usahasama ini supaya meninggikan kepentingan Malaysia.

Soalan ketiga terhadap masalah Kampuchea. Adakah pihak Kerajaan Malaysia bertujuan untuk membincangkan dengan Negeri China supaya menyasiat bagaimanakah boleh Negeri China boleh memainkan peranan yang penting untuk melakukan tekanan ke atas Vietnam sebagai satu strategi tambahan untuk menyelesaikan masalah Kampuchea.

Keempat, bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan satu pengumuman Kerajaan bahawa usahwan-usahwan, peniaga-peniaga yang berumur kurang daripada 30 tahun boleh melawat Negeri China bagi tujuan perdagangan.

Kelima, adakah pihak Kerajaan Malaysia bertujuan untuk mewujudkan prinsip ataupun bandaraya-bandaraya kembar dua, contohnya, di antara Kuala Lumpur dengan Peking. Terima kasih.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai sokongan Negeri China terhadap MCP, suka saya menegaskan di sini bahawa satu dasar sebuah negara di mana mereka mengiktiraf dan ada pertalian diplomatik dengan sebuah Kerajaan dan di dalam masa itu juga menyokong sebuah pasukan yang bertujuan untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah atau cara kekerasan, itu adalah satu dasar yang kita tidak boleh terima, dan saya juga rasa tidak ada siapa boleh terima. Jadi, itulah sebabnya kita memandang berat dasar Kerajaan China, sungguhpun ini dikatakan dasar parti tetapi kita tahu bahawa Kerajaan dan parti di Negeri China itu ataupun di mana-mana sistem socialist tidak boleh dipisahkan.

Soal Special Economic Zone dan sebagainya dan juga soal usahwan-usahwan di bawah 30 tahun sama ada boleh melawat negeri China dan sama ada kita mengambil advantage dari beberapa kelonggaran....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mengambil kesempatan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Mengambil kesempatan dari beberapa kelonggaran yang telahpun ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri China itu, suka saya menyatakan bahawa Kabinet telahpun meluluskan berbagai peraturan-peraturan baharu untuk sedikit sebanyak melanggorkan lawatan-lawatan rakyat Malaysia ke negeri China, khususnya bagi maksud perdagangan dan sebagainya. Segala rangka yang sebenarnya mengenai lawatan-lawatan tersebut sedang dikaji dengan mendalam oleh pegawai-pegawai yang berkenaan sebelum diimplimentasi atau dilaksanakan.

Soal Kampuchea memang kita mempunyai perundingan yang terus menerus dengan Negeri China dan sudah tentulah saya rasa apabila Perdana Menteri melawat Negeri China perkara ini akan ditukar-tukar pandangan.

Tentang twin city, saya rasa itu adalah satu perkara yang berat sungguhpun Kerajaan telah membuat satu keputusan untuk melanggorkan lawatan ke Negeri China dan sebagainya, tetapi ingin saya tegaskan di sini bahawa kita akan terus-menerus berjaga-jaga dalam meningkatkan hubungan kita dengan Negeri China, dan setakat manakah kita akan meningkatkan hubungan kita dengan negeri China itu banyak bergantung kepada sikap negeri China sendiri dalam masa kita mula meningkatkan hubungan itu.

#### AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN — KAJIAN SEMULA

**4. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa supaya menambah pelaburan dalam industri-industri sebagai satu gantian kepada kurangan dalam perbelanjaan Kerajaan, sama ada beliau akan menimbang untuk mengkaji semula Akta Penyelarasan Perindustrian (I.C.A.) agar pengecualian bagi syarikat-syarikat daripada lesen-lesen perkilangan dengan lebih liberal khasnya meningkat jumlah pelaburan dan bilangan pekerjaan kepada had-had yang lebih tinggi sebelum I.C.A. digunakan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa menimbang langkah-langkah yang sesuai dengan tujuan meningkatkan lagi pembangunan dan perkembangan perindustrian di negara kita dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Ini termasuklah mengkaji semula peraturan-peraturan yang sedia ada supaya lebih berkesan dalam usaha mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah menyedari akan kepentingan peranan-peranan sektor swasta bagi pertumbuhan ekonomi serta untuk memastikan kadar pertumbuhan yang pesat dalam sektor-sektor industri. Oleh itu, Kerajaan telah membuat

beberapa usaha untuk menggalakkan pelaburan yang lebih daripada sumber-sumber asing dan tempatan di dalam sektor pengilangan. Di antara usaha-usaha utama tersebut adalah penawaran galakan-galakan cukai yang menarik kepada pelabur asing dan tempatan. Rancangan pengswastaan yang dilakukan oleh Kerajaan juga merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih daripada sektor swasta di dalam ekonomi negara. Di antara langkah-langkah utama yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menilai dan menambahkan peluang-peluang pelaburan masa hadapan, sektor pengilangan ialah penyediaan Pelan Induk Perindustrian yang bertujuan untuk merangka dengan terperinci kegiatan sektor pengilangan dan sektor perusahaan kecil.

Kerajaan juga sedang mengkaji semula Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) termasuk aspek-aspek berkenaan pengecualian bagi syarikat-syarikat daripada lesen-lesen pengilang dengan tujuan memperbaiki lagi iklim pelaburan negara ini. Pada masa ini, Akta ini hanya mengecualikan syarikat-syarikat pengilangan yang mempunyai modal Pemegang Saham kurang daripada \$250,000 dan mempunyai pekerja sepenuh masanya kurang daripada 25 orang.

Beberapa sesi dialog telah diadakan oleh Jawatankuasa Kecil Majlis Penasihat Perindustrian (Industrial Advisory Council) yang diwakili oleh pihak Kerajaan dan pihak Swasta terhadap isu-isu berkenaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini akan memberi kesan yang mendalam maka Kerajaan perlu membuat kajian yang teliti sebelum sebarang keputusan boleh dibuat.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar para pelabur asing menganggap seksyen-seksyen tertentu yang terkandung dalam Akta Penyelarasan Perindustrian sebagai penghalang kepadanya. Jika ya, apakah kelonggaran-kelonggaran atau pindaan-pindaan yang akan dicadangkan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menerima banyak pandangan daripada banyak pihak terutama daripada sektor swasta dan di kalangan

pelabur-pelabur asing tentang beberapa peruntukan yang telahpun disediakan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian dan juga perakuan-perakuan yang dibuat supaya Akta ini dipinda sesuai dengan perkembangan semasa.

Pada dasarnya kita bersetuju bahawa mungkin ada bahagian-bahagian tertentu yang perlu dikaji semula terutama bahawa Akta ini telahpun diwujudkan semenjak tahun 1975. Tetapi saya tidak berapa bersetuju mengatakan bahawa banyak bahagian di dalam Akta ini yang menjadi penghalang kepada usaha kita untuk menarik pelabur-pelabur asing bahkan setakat ini, cuma saya tidak dapat menyenaraikan satu persatu bahawa jumlah pelaburan kita khasnya daripada sektor swasta dan pelaburan asing telahpun meningkat semenjak kita melaksanakan Akta ini pada tahun 1975 sehingga sekarang, tahun demi tahun jumlah pelaburan itu dan nilainya juga telahpun bertambah. Ini telah membuktikan dengan jelas bahawa Akta ini sebenarnya tidak menjadi penghalang kepada usaha kita untuk menarik pelabur-pelabur daripada luar negeri dan walaupun begitu cadangan-cadangan telahpun dikemukakan dan perkara ini sebagaimana yang saya maklumkan sedangpun dikaji dan keputusannya akan dibuat kemudian kelak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berancang untuk memansuhkan Akta tersebut dan dengan itu pelaburan yang disebutkan sekian tahun sekian meningkat, adakah kadar meningkat? Bolehkah Yang Berhormat menyatakan kadar peningkatan pelaburan ini dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan sama ada peningkatan kadar pelaburan ini setakat penyertaan daripada pihak-pihak yang tertentu sahaja ataupun pelaburan yang sebenarnya.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat khasnya mungkin pada ketika itu belum menjadi Ahli Parlimen, bahawa Akta itu telahpun diluluskan oleh Parlimen, dibahas dan dibincangkan dengan mendalam daripada banyak aspek dan satu daripada yang terpenting di bawah Akta ini ialah semangat untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh sebab itu, kecuali kalau DAP tidak committed kepada perjuangan untuk mencapai

matlamat itu, mungkin Akta itu boleh dihapuskan bila DAP menjadi Kerajaan, tetapi sehingga kita dalam Barisan Nasional menjadi Kerajaan, kita tidak akan menghapuskan Akta Penyelarasan Perindustrian selagi matlamat Dasar Ekonomi Baru itu tidak tercapai.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa memang sebenarnya, cuma angka-angka tidak dapat saya bentangkan kerana saya memerlukan notis, sebenarnya dari segi hakiki, dari segi penilaian modal pelabur-pelabur asing telahpun meningkat dan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ingin mendapatkan angka-angka itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya akan menyampaikan kemudian kelak.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan dalam kadar pertumbuhan perindustrian dalam negara ini sebelum mengadakan Akta ini dibandingkan dengan selepas mengadakan ICA ini, adakah pencapaian itu memuaskan?

Soalan kedua, tujuan untuk mengadakan Akta ini ialah untuk penyelarasan pertumbuhan industri di dalam negara kita. Adakah selepas mengadakan ini kita ada mencapai tujuan ini dan apakah garis panduan ataupun isu-isu lain yang timbul oleh sebab mengadakan Akta ini yang akan diambil kira dalam langkah mengkaji semula Akta ini?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya bahawa selepas kita melaksana dan menjalankan usaha untuk meningkatkan perindustrian selepas Akta ini dijalankan bahawa sebagaimana yang telahpun saya sebutkan, kita tidak merasa ia merupakan satu penghalang, bahkan usaha untuk menarik pelaburan telahpun berjaya dalam ertikata yang sebenarnya dan Akta ini tidak seharusnya menyekat perkembangan kita dalam sektor perindustrian. Cuma yang dikemukakan oleh pihak sektor swasta khususnya oleh Persatuan Pengilang Malaysia yang telahpun mengemukakan memorandum kepada Kementerian ialah beberapa bahagian-bahagian tertentu di dalam Akta ini iaitu khususnya dari segi 'cut-off level', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kadar yang ditekankan di bawah Akta

ini, umpamanya Akta ini menyatakan bahawa seseorang pengusaha yang hendak menjalankan sesuatu usaha pembuatan dan mempunyai modal lebih daripada \$25,000 perlu mendapat lesen dan perlu memohon lesen daripada pihak Kementerian, tetapi mereka yang memiliki modal di bawah daripada \$25,000 ataupun pekerjaanya kurang daripada 25 orang tidak memerlukan lesen dan pihak Persatuan Pengilang telahpun mengemukakan pandangan bahawa kerana perubahan-perubahan masa dari segi kos dan kadar inflasi, mungkin peratus 'cut-off level' yang disebutkan tadi tidak begitu berseesuaian dan aspek ini sedang pun dikaji oleh pihak Kementerian, belum ada keputusan dibuat tentang perkara ini.

Keduanya, mungkin cadangan pihak Persatuan Pengilang dari segi capacity pengeluaran bahawa perlu dilesenkan pengeluaran sektor pembuatan ini untuk memungkinkan industri kita berkembang dengan lebih sihat dan sebab itu perlu diadakan kawalan dari segi jumlah lesen-lesen yang hendak dikeluarkan bagi sesuatu jenis perusahaan. Maka ini dipandang penting oleh pihak Kerajaan supaya kita tidak mengecualikan terlalu banyak lesen sehingga menjejaskan perusahaan kita yang pada peringkat awalnya memerlukan serba sedikit bentuk perlindungan.

Jadi aspek-aspek lain tidak banyak dipertikaian oleh pihak sektor swasta sama ada pelabur asing ataupun pelabur tempatan. Dan oleh sebab itu, tidak ada sebab mengapa kita perlu merasa risau tentang Akta ini bahkan sebagaimana yang telahpun saya nyatakan, kita akan mengkaji aspek-aspek terpenting supaya pada jangka panjangnya ia akan membantu kita dalam meningkatkan usaha perindustrian dalam negara ini.

#### KERETA PROTON SAGA — TEMPAHAN AWAL

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah sambutan 'Tempahan Awal' bagi kereta-kereta PROTON SAGA yang akan mula dipasarkan

September depan sama ada daripada pembeli-pembeli tempatan atau daripada pengimport-pengimport asing. Nyatakan sebanyak manakah tempatan awal yang telah dibuat oleh tiap-tiap pihak atau firma-firma yang terbabit setakat ini. Mengikut jangkaannya adakah kilang PROTON itu akan dapat memenuhi semua permintaan pengimport-pengimport asing dan lain-lain pembeli tempatan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, Edaran Otomobil Nasional Sdn. Berhad (EON), syarikat yang telah ditubuhkan untuk memasarkan kereta Proton Saga telah menerima sambutan yang baik daripada pembeli-pembeli tempatan. Ia juga menerima sambutan yang serupa daripada pengimport-pengimport asing. Walau bagaimanapun, di peringkat permulaan ini kereta nasional hanya dapat dipasarkan di dalam negeri sahaja.

Mengikut perancangan, pasaran eksport akan dilaksanakan berperingkat-peringkat di satu masa kelak.

Pada peringkat permulaan ini, pengeluaran adalah kecil dan mungkin tidak dapat memenuhi permintaan dalam negeri kesemuanya. Apabila pengeluaran meningkat kepada jumlah yang kian bertambah akan membolehkan kita mengkaji kemungkinan untuk mengeksport.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah beliau sedar bahawa bentuk kereta Proton Saga ini sama dengan jenis kereta Mitsubishi. Jadi apakah persamaan ini akan menyebabkan tawaran kepada kereta Proton Saga ini akan berkurangan?

Yang kedua, simbol motokar itu diambil daripada bendera Malaysia, tetapi serupa dengan simbol KSM. Apakah kaitannya syarikat KSM (Koperasi Serbaguna Malaysia) yang bintang-bintangnya sama? Jadi apakah cadangan untuk mengubah simbol itu supaya sesuai dengan kehendak-kehendak kita yang sebenarnya?

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun bentuk Proton Saga itu agak serupa dengan buatan Mitsubishi akan tetapi sebenarnya kereta itu dibuat di Malaysia. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkesempatan, silalah melawat ke kilang HICOM di Shah Alam di mana kereta ini sedang di.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat sudahpun melawat pada pagi tadi, sebab itu banyak sangat soalan ini (*Ketawa*).

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Maksud saya ialah bahawa sebenarnya lebih kurang 42% daripada komponen-komponen yang digunakan untuk membina kereta ini pada ketika ini pun dibuat di sini dan adalah diharapkan bahawa di masa hadapan 100% komponennya akan dibuat di sini dan kalau pun rekabentuknya agak serupa dengan Mitsubishi, saya percaya model-model yang akan datang itu boleh kita reka dengan variasi ataupun rupa yang lain sedikit. Sepatutnya ini tidaklah membawa keruncingan bagi kita.

Mengenai dengan simbol itu sekiranya ada persamaan dengan simbol bendera KSM, itu tidaklah disengaja dan ini akan diambil perhatian.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah benar pagi tadi ramai Ahli-ahli Parlimen melawat Proton Saga. Pada pandangan kita bahawa masa hadapan kereta Proton Saga adalah sangat baik terutama dari segi kualiti dan daya tahan. Seperti yang dimaklumkan bahawa kereta ini akan diedarkan di peringkat awal, apakah langkah-langkah pihak Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. untuk memastikan bahawa tidak akan berlaku dari segi sabotaj kepada pengeluaran awal kerana dalam perniagaan mungkin ada pihak-pihak pengeluar kereta yang lain akan melakukan sabotaj kepada perkara ini? Ini sebagai ingatan awal.

Adakah pihak EON akan menentukan bahawa pembeli-pembeli yang pertama dikenal pasti terlebih dahulu mereka yang membeli untuk mengelakkan perkara-perkara seperti ini berlaku? Oleh kerana ini adalah merupakan

kereta nasional, sekiranya berlaku perkara ini, adakah mereka yang terlibat akan dianggap sebagai anti nasional?

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengulangi apa yang pernah saya katakan di Parlimen semasa menjawab soalan yang seperti ini dahulu iaitu bahawa kita mengamalkan satu sistem 'free enterprise' iaitu ekonomi yang terbuka dan dalam konteks ini memanglah kita tidak boleh menegah lain-lain syarikat pemasangan kereta yang ada di negara kita ini untuk menjalankan persaingan dengan Proton Saga atau dengan Proton, syarikat kita. Misal kata di negara kita semasa Syarikat Proton ditubuhkan dalam tahun 1983, terdapat 12 syarikat ataupun kilang pemasangan kereta di Malaysia dan 6 syarikat pengedar yang mengedarkan lebih kurang 50 jenis kereta di Malaysia pada tahun 1983. Kedudukan itu saya rasa kalau bukan bertambah tetap dengan angka-angka yang saya telah katakan tadi. Walau bagaimanapun dalam konteks ekonomi terbuka kita ini, kita tidak khawtir Syarikat Proton mempunyai strategi-strategi pemasarannya sendiri dan apa yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu tentu sekali akan diambil perhatian.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Proton Saga telah dikeluarkan dalam jangka masa yang singkat, kita ucapkan syabas. Tetapi dalam masa pengeluaran yang singkat ini bermacam-macam halangan yang mungkin akan dihadapi oleh Proton Saga. Salah satu daripadanya saya rasa perang saraf telahpun dibuat oleh pengeluar-pengeluar kereta lain. Sebagai contoh, saya misalkan umpamanya ada orang perli kereta Proton Saga dengan mengatakan 28 tahun pengalaman dalam pengeluaran kereta, jadi seolah-olah di sini, perang saraf yang dimaksudkan ialah menunjukkan bahawa kereta Proton Saga itu sendiri adalah sebuah kereta ataupun satu pengeluaran kereta yang tidak bermutu kerana pengalamannya yang terlalu singkat, tidak seperti pengeluar-pengeluar kereta yang lain. Apakah langkah-langkah bagi menghadapi segala halangan ini supaya Proton Saga dapat terus berjalan.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pengalaman-pengalaman yang lama yang telah dialami oleh pembuat-pembuat ataupun pemasangan-pemasangan kereta walaupun 28 tahun ataupun dua kali 28 — 56 tahun tidak menjadi soal, kerana kita sedia maklum ada syarikat-syarikat yang mengeluarkan kereta misal kata daripada Britain yang dahulu kita beli begitu banyak di Malaysia sebelum merdeka, kini sudah lumpuh dan tiada kelihatan lagi dan ke mana pengalaman yang lama itu sedangkan kenderaan-kenderaan atau jenis-jenis kereta yang dibuat itu sekarang tidak mendapat pasaran yang baik lagi di dunia. Lamanya memasang kereta itu tidak semestinya menjadi satu pegangan yang baik untuk mengatakan bahawa satu syarikat yang baru seperti Proton ini yang mengeluarkan Proton Saga akan mengeluarkan kereta yang tidak baik.

Pada hemat saya, kita telah merancang dan melaksanakan pembinaan Proton Saga itu dengan begitu cermatnya dan bersabarlah dahulu sehingga bulan September apabila ia mula keluar daripada kilang dan kita akan boleh menguji dengan sepuas hati kita.

## JALAN KAMPUNG — PENYELENGGARAAN

**6. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan Kampung (jalan pegawai daerah) tidak mencukupi. Memandangkan Bahagian Pembangunan Pejabat-pejabat Daerah menghadapi masalah untuk memperbaiki jalan yang banyak rosak adakah Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, masalah berhubung dengan penyelenggaraan jalan-jalan kampung telah dijelaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Dalam jawapan-jawapan yang lalu pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menegaskan bahawa tugas untuk menyelenggarakan jalan-jalan kampung adalah terletak di bawah tanggung

jawab Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan telah membantu Kerajaan Negeri menaikkan taraf jalan-jalan kampung ke jalan-jalan tar dan wajarlah pihak Kerajaan Negeri menyelenggarakan jalan-jalan tersebut.

### KEMPEN BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA

**7. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sehingga kini setakat manakah kejayaan dan keberkesanan kempen 'Belilah barang buatan Malaysia' dengan menyatakan:

- (a) berapa jumlah jualan (volume of sale) dari segi mata wang;
- (b) berapa jumlah jualan barangan (volume of goods); dan

apakah jenis-jenis barangan yang disukai ramai.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kempen 'Belilah barangan buatan Malaysia' yang baru sahaja dilancarkan bertujuan untuk menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar di dalam negeri. Ia juga bertujuan untuk menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pengilang-pengilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telahpun disusun dan dijalankan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah saya minta ruang untuk mengemukakan satu lagi soalan selepas ini?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya habiskan jawapan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat mengambil masa sedikit supaya saya boleh membentangkan satu lagi soalan?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya cuba.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telahpun disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telahpun disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana akhbar dan sebagainya. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran 'Anugerah Barangan Cemerlang' mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaran-pasaraya atau 'supermarket' di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran buatan Malaysia.

Manakala dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang essei dan syarahan telahpun membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini. Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan 'response' yang kita terima, objektif kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

Mengenai soal kesan kempen ini ke atas import, pertukaran wang asing dan pusingan dalam negara, ingin saya nyatakan bahawa ia sukar diketahui atau ditentukan. Menentukan

kesan kempen dari sudut-sudut ini memerlukan satu kajian yang mendalam dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan wujudnya perhubungan ataupun pertalian sama ada positif ataupun negatif di antara kempen dan angkuh-angkuh (variables) yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kalaupun terdapat perubahan pada angkuh-angkuh ini, umpamanya import telah menurun ataupun kadar pusingan wang telah naik, namun tidak boleh juga dibuat kesimpulan secara langsung bahawa perubahan-perubahan ini adalah semata-mata disebabkan oleh kempen ini sahaja kerana ada faktor-faktor lain juga dalam lingkungan ekonomi yang boleh dan akan mendatangkan kesan ke atas angkuh-angkuh itu. Tambahan pula, perubahan-perubahan seperti itu mengambil masa yang lama sebelum dapat dilihat ataupun dikesan.

Walaupun tidak dapat diukur kesan kempen dengan cara demikian, saya penuh yakin bahawa usaha-usaha kempen yang melibatkan proses pendidikan dan yang dijalankan secara berterusan akan mengwujudkan dan meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna, sama ada orang perseorangan mahupun industri dan lama kelamaan akan membawa kepada perubahan nilai dan sikap kepenggunaan di kalangan rakyat ini ke arah menyokong dan melanggan barangan dan perkhidmatan tempatan dengan adanya usaha-usaha industri tempatan meninggikan mutu keluaran dan menjual barangan ataupun membekalkan perkhidmatan mereka dengan harga yang berpatutan.

## PEMOHON MEMBELI RUMAH

**8. Tuan Lee Lam Thyeminta** Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) berapa ramai pemohon rumah yang telah berdaftar dengan Dewan Bandaraya di bawah sistem pendaftaran terbuka sehingga 30-6-1985 dan juga bilangan permohonan untuk membeli dan untuk menyewa;
- (b) berapa ramai orang yang telah ditawarkan untuk membeli rumah dan berapa pemohon yang ditawarkan menyewa sehingga 30.6.1985 dengan memberi butir-butir tentang tempat-tempat;

- (c) berapa banyak unit rumah yang telah disediakan oleh Dewan Bandaraya untuk diduduki di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan berapa banyak unit lain yang hendak disediakan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat, dan daripada projek ini berapa banyak yang telah diswastakan; dan
- (d) berapakah peruntukan kuota yang terdapat sekarang untuk berbagai golongan seperti bekas perajurit, kakitangan Dewan Bandaraya dan lain-lain disamping kelompok kaum yang ada sekarang.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) jumlah yang mendaftar untuk mendapat rumah kos rendah di bawah sistem pendaftaran terbuka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hingga Jun 1985 ialah sebanyak 94,145 orang. Dari jumlah ini 40,356 mendaftar untuk menyewa dan 53,789 mendaftar untuk membeli.
- (b) bilangan unit rumah pangsa yang telah ditawarkan kepada orang awam daripada pendaftaran terbuka ini untuk tujuan sewaan melalui sistem pendaftaran tersebut bagi rumah pangsa yang baru siap dibina ialah seramai 1,633 orang atau 1,633 unit. Sementara rumah pangsa juga ditawarkan kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan. Dan jumlah yang telah ditawarkan ialah sebanyak 1,752 unit. Sebanyak 937 permohonan telah dipilih untuk rumah pangsa yang akan siap di Cheras, Bandar Tun Razal dan bandar baru Sentul. Bagi pembelian pula jumlah unit rumah pangsa yang telah ditawarkan untuk dibeli ialah sebanyak 6,784 unit.
- (c) di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 13,100 unit telah disediakan dan telahpun diduduki. Sebanyak 10,322 unit lagi dijangka siap pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat.
- (d) rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ditawarkan kepada berbagai golongan masyarakat seperti orang

awam, setinggian yang terlibat dengan projek Kerajaan, pesara-pesara Kerajaan dan juga kakitangan Kerajaan. Di samping itu terdapat juga penyewa berkelompok seperti kakitangan Keretapi Tanah Melayu, anggota Polis Di-Raja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia serta kakitangan Jabatan Penjara dan Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.9 hingga 48 adalah diberi di bawah ini).*

### PENAGIH DADAH DITAHAN DI PUSAT PEMULIHAN

**9. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menentukan penagih-penagih yang ditahan dalam Pusat-Pusat Pemulihan tidak dapat terlepas dan boleh dapat rawatan yang sewajarnya. Nyatakan bilangan penagih-penagih yang ditahan di Pusat-Pusat Pemulihan sekarang dan antara bilangan ini berapakah yang ditahan untuk diberi rawatan semula.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah bagi meentukan penagih-penagih yang ditahan di dalam Pusat Pemulihan tidak dapat terlepas boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu, kawalan fizikal (memperkemas dan memperbaiki kawalan keselamatan) dan pendekatan psikologi (menyediakan program-program bagi menimbulkan minat untuk mengikuti program rawatan dan pemulihan disamping menghindarkan kebosanan tinggal di pusat).

(i) Kawalan Fizikal.

Kementerian Dalam Negeri dari masa ke semasa telah berusaha memperkemas dan memperbaiki sistem keselamatan di Pusat bagi mengelakan penagih-penagih yang tinggal di Pusat melarikan diri, antara lain:-

(a) Membina pagar-pagar baru dua lapis setinggi 12 kaki. Beberapa buah

Pusat yang dahulunya hanya mempunyai pagar selapis setinggi 8 kaki telahpun diubahsuaikan.

- (b) Mengujudkan jawatan-jawatan pengawal keselamatan di Pusat-Pusat Pemulihan Dadah yang dahulunya dikawal oleh 8 orang pengawal tetapi memandangkan bilangan pengawal berkenaan tidak mencukupi untuk memberi kawalan keselamatan yang rapi maka Kementerian ini telah mengujudkan jawatan sejumlah antara 26 hingga 46 orang berdasarkan jumlah muatan dan keadaan fizikal Pusat-Pusat berkenaan.
- (c) Mengadakan sistem amaran (siren). Kesemua Pusat-Pusat dilengkapi dengan sistem siren bagi memudahkan kakitangan bersiap sedia apabila berlaku pelarian-pelarian. Dengan cara ini tindakan serta-merta dapat dibuat untuk mengawal ataupun menangkap pelarian berkenaan.
- (d) Memperkukuhkan binaan bangunan-bangunan. Melalui pengalaman didapati banyak pelarian-pelarian dilakukan melalui dinding, ceiling ataupun tingkap yang dipecahkan. Oleh sebab itu binaan dimana pelarian-pelarian kerap berlaku telah diperkukuhkan, antara lain membina jejaring yang kukuh di tingkap-tingkap dan di seiling.
- (e) Pihak Pusat diharapkan supaya sentiasa membersihkan kawasan sekitar supaya penagih-penagih tidak dapat menyembunyikan diri di tempat-tempat tersebut.

(ii) Pendekatan Psikologi.

Walaupun kawalan secara fizikal diperkemas dan diperbaiki tetapi ini tidaklah semestinya dapat menghalang berlakunya pelarian-pelarian dari Pusat memandangkan Pusat-Pusat Pemulihan Dadah adalah merupakan institusi terbuka dimana banyak program-program yang dijalankan oleh Pusat-Pusat bukan

sahaja diadakan di luar kawasan yang dipagar malahan juga diadakan di luar kawasan Pusat sendiri. Oleh sebab itu usaha-usaha dijalankan untuk mengelakkan keinginan penagih-penagih dari melakukan pelarian dengan cara menubulkan perasaan minat kepada semua program-program yang dijalankan, mengelakkan kebosanan dan menimbulkan perasaan takut melakukan pelarian.

Program yang dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut ialah:-

- (a) Mengadakan aktiviti-aktiviti yang diminati oleh penagih-penagih sama ada latihan vokasional, aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sukan, dan sebagainya.
- (b) Mengujudkan perasaan sayang kepada Pusat dengan mengujudkan hubungan yang rapat antara penagih dengan kakitangan Pusat.
- (c) Menimbulkan kesedaran untuk terus mengikuti program-program melalui aktiviti kaunseling.
- (d) Menyediakan aktiviti-aktiviti bagi mengelakkan perasaan bosan, terutama di waktu lapang seperti permainan luar dan dalam (indoor game) dan kemudahan bacaan.
- (e) Dari masa ke semasa pihak pentadbir memberi amaran kepada penagih-penagih supaya menjauhkan keinginan untuk melarikan diri memandangkan tindakan tegas yang diambil oleh pihak mahkamah terhadap mereka yang melakukan pelarian, seperti memerintahkan mereka yang melarikan diri di tahan di penjara.

Disamping tindakan-tindakan yang disebutkan di atas, Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah sentiasa mengingatkan dan memberi amaran kepada pihak-pihak Pusat supaya sentiasa sensitif terhadap sebab-sebab mereka melarikan diri dari Pusat dan mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mengatasi masalah

yang dihadapi oleh penagih-penagih. Pihak Pusat juga sentiasa mengingatkan bahawa tindakan-tindakan yang tegas akan diambil kepada kakitangan yang didapati cuai dalam melaksanakan tugas mereka sehingga menyebabkan penagih-penagih berjaya melarikan diri dari Pusat. Tindakan tegas disebutkan termasuklah tindakan disiplin dan juga tindakan melalui mahkamah.

Bilangan penagih-penagih yang ditahan di Pusat Pemulihan pada 15.7.1985 ialah 1443 orang.

Dari jumlah yang tersebut di atas seramai 229 orang atau 15.9% adalah terdiri daripada mereka yang diberi rawatan semula.

## **PENYAKIT CHAMPAK BAGI BAYI-BAYI**

**10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan betapa bahayanya penyakit campak (kuman virus) itu di mana bayi-bayi yang di-hinggapi penyakit itu akan mengalami kecacatan di mata, otak, jantung, hati, limpa dan tulang, apakah langkah-langkah positif telah, sedang dan akan dilakukan oleh pihak Kementerianya bagi membasmi penyakit yang amat merbahaya itu di negara ini, dan sehingga setakat ini berapa banyakkah kes-kes yang dapat dikesan di seluruh negara.

**Tuan Yeoh Poh San:** Penyakit yang dimaksudkan oleh Y.B.Dato'Haji Saidin bin Haji Mat Piah ialah dipanggil penyakit RUBELLA ataupun German Measles. Penyakit ini adalah biasanya satu penyakit yang ringan jika ia menyerang kanak-kanak. Tetapi jika ianya menyerang ibu yang sedang hamil 3 bulan dan ke bawah, akibatnya bayi yang dilahir mungkin cacat seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat dalam soalnya. Kementerian Kesihatan memang sedar di atas merbahayanya penyakit RUBELLA ini. Pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang menjalankan satu kajian awal berkenaan immunisasi RUBELLA di 4 negeri iaitu Selangor, Johor, Trengganu dan Pulau Pinang yang melibatkan 8,000 orang perempuan berumur 15 hingga 44 tahun dan kanak-kanak sekolah (perempuan) di Tingkat I

dan II. Tujuan utama kajian ini ialah menentukan kemungkinan dan penerimaan orang ramai terhadap immunisasi RUBELLA.

Kes-kes RUBELLA yang telah dilaporkan di semua hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara adalah:-

	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984
Pesakit Dalam	18	32	27	16	83	25	20
Pesakit Luar	25	31	33	41	138	30	39
Jumlah	43	63	60	57	221	55	59

### KENAIKAN YURAN SEKOLAH DI AUSTRALIA/ENGLAND

**11. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang bahawa Negara Australia dan England sentiasa menaiki yuran sekolah dan menghadkan jumlah penuntut negara kita, apakah langkah-langkah akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi hal ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Pada masa ini, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk memperluaskan tempat-tempat pengajian di luar negeri bagi pelajar-pelajar kita. Untuk tujuan ini, kerajaan telahpun menghantar ramai pelajar-pelajar Malaysia untuk belajar di Amerika, Kanada, Jepun, Korea dan lain-lain negara. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk menambahkan bilangan pelajar di universiti-universiti tempatan.

### PENGANGGURAN BERDAFTAR

**12. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Buruh menyatakan peratus pengangguran yang terdapat pada masa ini yang berdaftar dengan Kementerian beliau dan berapakah pertambahan peratusnya bila dibandingkan dengan tahun yang lalu dan adakah keadaan inflasi pada masa sekarang ini menjadikan keadaan pengangguran lebih buruk lagi.

**Menteri Buruh (Dato Mak Hon Kam):** Jumlah pengangguran yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Buruh

pada tahun 1984 ialah 72,059 orang. Pada tahun 1983 jumlahnya 67,467 orang. Angka ini menunjukkan pertambahan sebanyak 4,592 atau 6.4.

Pertambahan peratusan kadar pengangguran sedikit sebanyak adalah akibat kemelesetan ekonomi dunia yang telah juga membawa kesan terhadap ekonomi negara kita. Ini adalah disebabkan oleh keperluan penyusunan semula strategi-strategi ekonomi oleh industri-industri dalam keadaan ekonomi yang lembab.

### QURAN DAN TAJUID — PELAJARAN MEMBACA

**13. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang:-

- (a) untuk memperkemaskan pentadbiran dan cara-cara mengajar Quran Tajuid yang ada sekarang;
- (b) untuk mewajibkan semua murid-murid Islam mempelajari Quran Tajuid dan menetapkan masa yang khusus serentak di seluruh negara; dan
- (c) untuk memberi latihan-latihan kepada guru-guru Quran Tajuid dengan sukatan pelajaran yang sama dan untuk meletakkan kedudukan guru-guru Quran Tajuid ini pada satu kategori yang sesuai serta dibayar gaji tetap tidak bayaran elaun seperti sekarang yang berbeza-beza.

### Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Kementerian Pelajaran telah dan terus berusaha untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam termasuk pelajaran membaca Quran dan Tajuid di sekolah rendah dan menengah. Sebagai contoh, 2/3 daripada masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah, ditekankan kepada pelajaran membaca Quran dan Tajuid. Pelajaran Tajuid diajar secara praktikal mulai daripada darjah 1 hingga

darjah IV dan buku teks Pendidikan Islam bagi sekolah rendah juga mengandungi pelajaran membaca Quran dan Tajwid.

- (b) Sebagaimana yang sedia maklum, semua murid yang beragama Islam diwajibkan mengikuti pelajaran Pendidikan Islam di semua peringkat sekolah rendah dan menengah.
- (c) Di peringkat sekolah rendah (KBSR) kursus-kursus pendedahan bagi mata-pelajaran Pendidikan Islam termasuk cara mengajar Quran dan Tajwid diberikan kepada guru agama yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam.

Di peringkat sekolah menengah, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk memasukkan pelajaran membaca Quran dan Tajwid ke dalam kurikulum baru Pendidikan Islam Sekolah Menengah.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada jawatan khas guru-guru Quran dan Tajwid dalam Perkhidmatan Pelajaran. Perkara ini boleh diajar oleh Guru-guru Agama yang ada sekarang. Oleh itu soal bayaran gaji tetap dan bayaran elaun yang berbeza-beza tidak timbul.

#### HOSPITAL BESAR KELANG — BILANGAN KATIL

**14. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan katil yang dapat ditampung oleh Hospital Besar Kelang yang baru dan bilangan pesakit luar yang dirawat setiap hari. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula sistem rekabentuk bangunan hospital yang baru. Jika tidak, mengapa dan jika ya, bila. Bagaimanakah kajian tersebut akan dilaksanakan.

**Tuan Yeoh Poh San:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Besar Baru Kelang

telah direkabentuk untuk menampung sebanyak 779 buah katil. Bilangan pesakit-pesakit luar yang dirawat dalam sehari di hospital baru ini ialah seramai lebih kurang 320 orang.

Kementerian Kesihatan memang membuat kajian ke atas sistem mereka-bentuk bangunan hospital-hospital dari masa ke semasa. Ini adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu rekabentuk dari segi penyampaian perkhidmatan serta penyelenggaraan bangunan dan prestasi pembinaan bangunan-bangunan hospital baru.

Secara ringkasnya kajian-kajian dibuat melalui penilaian sistem mereka-bentuk yang diamalkan serta bangunan hospital baru yang dihasilkan untuk mengesan kelemahan-kelemahan. Di samping itu Kementerian Kesihatan juga mengkaji sistem-sistem mereka-bentuk bangunan-bangunan hospital di negara-negara lain. Sistem yang didapati sesuai akan dipilih untuk dijadikan panduan.

#### BAYARAN HUTANG KERAJAAN

**15. Dr. Koh Tsu Koon** minta Menteri Kewangan menyatakan bayaran hutang yang dibayar oleh Kerajaan pada tahun 1982, 1983 dan 1984, serta anggaran bayaran hutang bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 berdasarkan pinjaman-pinjaman yang telah dijanjikan. Setakat manakah usaha Kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan sektor-sektor awam pada beberapa tahun kebelakangan ini berjaya untuk mengurangkan jumlah hutang Kerajaan serta bayaran hutang kepada satu paras yang lebih terkawal. Adakah usaha mengurangkan perbelanjaan sektor awam ini perlu diteruskan dalam tempoh rancangan lima tahun yang akan datang. Pada amnya, apakah strategi Kerajaan pada keseluruhannya untuk mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan di samping meningkatkan kecekapan dan memajukan pertumbuhan ekonomi.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Jumlah bayaran hutang yang dibayar oleh Kerajaan pada tahun

1982, 1983 dan 1984 serta anggaran bayaran hutang hingga 1987 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>\$ Juta</b>
1982	1,477
1983	860
1984	1,944
1985	4,027
1986	1,966
1987	2,475

Dalam usaha untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam, Kerajaan telah mengambil langkah semenjak tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan di samping mengawal perbelanjaan mengurus Kerajaan. Langkah ini telah memberi kesan yang ketara terhadap kedudukan pinjaman Kerajaan. Dalam tahun 1984, jumlah pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan telah berkurangan kepada \$6,970 juta berbanding dengan \$8,837 juta dalam tahun 1983. Manakala pada tahun 1985, adalah dijangkakan jumlah pinjaman-pinjaman baru yang akan dicperolehi ialah sebanyak \$5,981 juta.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan, di samping meningkatkan kecekapan serta memajukan pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan sektor awam akan terus dikawal kepada tahap yang sesuai dan selaras dengan kedudukan hasil negara dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara. Ini juga meliputi Agensi-agensi Luar Belanjawan yang mana Kerajaan akan mengawasi perbelanjaan mereka sama seperti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang lain.

Untuk meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran sektor awam, Kerajaan juga telah melancarkan beberapa konsep baru dalam pentadbiran Kerajaan seperti Kumpulan Kawalan Mutu Kerja (QCC), Kepimpinan Melalui Teladan dan peningkatan produktiviti kakitangan awam. Di samping itu, juga pengambilan

kakitangan baru dan pengisian jawatan dibekukan melainkan jika betul-betul diperlukan, memandangkan jumlah kakitangan sektor awam masa kini yang akan besar bagi negara.

Untuk menambahkan penglibatan sektor swasta dalam pembentukan ekonomi negara, Kerajaan telah mengamalkan konsep persyarikatan Malaysia dan juga penswastaan beberapa aktiviti tertentu sektor awam. Ini dijangka akan menambahkan lagi kecekapan ekonomi negara pada keseluruhannya.

### **SEKOLAH MENENGAH UGAMA BERASRAMA PENUH**

**16. Tuan Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah buah Sekolah Ugama Berasrama Penuh akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kementerian Pelajaran bercadang mendirikan 4 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berasrama Penuh dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sekolah-sekolah itu akan didirikan di Kedah, Kelantan, Johor dan Selangor. Walau bagaimanapun cadangan ini tertakluk kepada keputusan Kerajaan terhadap cadangan-cadangan di RML- (Rancangan Malaysia Kelima).

### **KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK**

**17. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapakah makin kerap berlaku kemalangan yang dahsyat di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak; apakah punca kerap terjadinya kemalangan itu; adakah Kementerian akan mengadakan penyelidikan rapi dan mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan itu.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Velly):** Kemalangan memang ada berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak, akan tetapi adalah tidak tepat menyatakan bahawa makin kerap berlakunya kemalangan yang dahsyat di Lebuhraya itu.

Mengikut hasil kajian dan penyiasatan yang telah dilakukan, punca utama kemalangan di Lebuhraya tersebut adalah kecuaiannya pemandu-pemandu itu sendiri seperti memotong di tempat-tempat yang dilarang memotong, meletakkan kenderaan di tempat yang dilarang dan keadaan Kenderaan yang tidak baik, atau 'vehicle defect', seperti keadaan berek yang tidak begitu 'EFFECTIVE'.

Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian saya memang sentiasa menjalankan kajian dengan tujuan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengatasi kejadian kemalangan-kemalangan yang berlaku bukan sahaja di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak bahkan juga di semua lebuhraya-lebuhraya yang lain, seperti menambahkan tanda-tanda isyarat lebuhraya, membaiki dan meluruskan lagi selekoh-selekoh dan melebarkan bahagian-bahagian tertentu di lebuhraya-lebuhraya yang mana kemalangan-kemalangan sering berlaku.

## **PESAKIT DI HOSPITAL — KEKASARAN JURURAWAT**

**18. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar sejak kebelakangan ini banyak berlaku kejadian layanan yang buruk diterima oleh pesakit-pesakit yang melawat hospital-hospital Daerah. Pemeriksaan doktor-doktor sambil lewa serta kekasaran jururawat-jururawat sedang kian berleluasa, memandangkan ini apakah tindakan Kementerian terhadap gejala ini demi untuk menaikkan imej hospital Kerajaan.

**Tuan Yeoh Poh San:** Soal layanan yang tidak memuaskan terhadap pesakit di hospital-hospital sering dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini di masa-masa lepas dan saya telahpun menjawabnya.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bilangan pesakit luar yang menerima rawatan di hospital-hospital Kerajaan adalah lebih daripada 11 juta orang setahun. Manakala bilangan pesakit yang dimasukkan ke hospital-hospital Kerajaan pula ialah lebih kurang 963,000 orang. Jumlah bilangan kakitangan yang bertugas di hospital-hospital adalah hampir 48,000 orang.

Maka dengan bilangan pesakit dan kakitangan yang begitu ramai, yang juga mempunyai bermacam-macam ragam dan kelakuan, termasuk perangai semula jadi, kelemahan-kelemahan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, mustahil dapat dihapuskan sama sekali ataupun dengan sekali gus sahaja.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya berazam dan sentiasa berikhtiar untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan dengan mengadakan kursus-kursus latihan dan juga penyeliaan yang lebih rapi dan berkesan.

Saya benar-benar berharap Ahli Yang Berhormat ataupun orang ramai apabila merasa tidak puas hati tentang apa-apa aspek layanan di hospital-hospital dapatlah memberi maklumat yang spesifik yang boleh menyenangkan tindakan siasatan dijalankan. Jika maklumat itu secara umum sahaja, siasatan kami yang akan juga secara umum sahaja, kerana ini sudah tentu akan melemahkan semangat atau moral serta dedikasi mereka pada keseluruhannya, kerana yang bertanggungjawab melakukan kesalahan-kesalahan ini adalah sebilangan kecil sahaja.

Saya boleh memberi jaminan, iaitu, sekiranya diterima aduan-aduan yang spesifik dan beralasan, tindakan yang tegas dan setimpal akan diambil oleh pihak yang berkuasa tata-tertib Kementerian saya terhadap kakitangan yang didapati bersalah itu.

## **INSIDEN LETUPAN BOM DI SABAH**

**19. Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada satu siasatan menyeluruh telah diadakan ke dalam beberapa insiden letupan bom yang berlaku di Kota Kinabalu baru-baru ini, siapakah yang melakukannya dan sama ada motif mereka ialah untuk mengugut Kerajaan Sabah yang dipilih baru-baru ini.

**38. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam letupan-letupan bom yang berlaku di Sabah baru-baru ini di mana seorang telah terbunuh dan beberapa orang

lain tercedera; sama ada letupan-letupan tersebut mempunyai unsur-unsur politik dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menjamin keselamatan Negeri Sabah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jawapan kepada soalan ini dan soalan nombor 38 telah saya jawab pada 15.7.1985 iaitu jawapan kepada soalan dari YB. Tuan Ng Cheng Kuai.

### PELAJARAN TINGGI/UNIVERSITI BERKEMBAR

**20. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) memandangkan belanja \$1.4 billion yang dihantar ke luar negeri setiap tahun untuk pelajaran tinggi, apakah Kerajaan akan mengkaji semula dasar menghadkan bilangan Universiti tempatan;
- (b) jika ya, apakah universiti-universiti baru akan diwujudkan di merata tempat selaras dengan konsep 'Universiti Berkembar'; dan
- (c) apakah cadangan-cadangan Kementerian bagi Rancangan Malaysia Kelima.

**Datuk Abdullah Ahmad Badawi:**

- (a) Selain daripada mengkaji perkembangan universiti-universiti, Kerajaan juga mengambil kira skop kewangan dan keupayaan universiti-universiti yang sedia ada bagi menempatkan pelajar-pelajar secara maksima dalam jangka panjang. Oleh itu anggapan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Kerajaan mengamalkan dasar menghadkan bilangan universiti-universiti tempatan tidaklah benar.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep 'Universiti Berkembar' yang sedang dalam perundingan adalah merupakan cadangan kerjasama dua hala di antara universiti-universiti tempatan dengan universiti-universiti luar negeri dalam bidang

tertentu. Ini bukanlah bermakna kerjasama dua hala itu akan melibatkan penubuhan universiti-universiti baru oleh Kerajaan

- (c) Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pelajaran bercadang memperbanyak, memperluas dan menumpukan bidang pengajian profesional di universiti-universiti tempatan di peringkat diploma dan ijazah.

### KELAS IBUNDA DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

**21. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah permohonan yang diterima daripada Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di setiap negara yang hendak mengajar kelas ibunda tahun ini; jumlah permohonan yang diluluskan dan jumlah yang ditolak dan sebab-sebab penolakan; jumlah wang yang di peruntukan untuk kelas ibunda bagi tahun ini dan jumlah kelas-kelas ibunda yang dibiayai sepenuhnya dan sebab-sebab mengapa yang lain tidak dibiayai sepenuhnya serta nyatakan jumlah kelas-kelas ibunda yang dijalankan tahun ini pada waktu biasa sekolah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Jumlah permohonan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah untuk mengadakan kelas Bahasa Ibunda bagi tiap-tiap negeri pada tahun ini adalah seperti berikut:-

Johor	—	220
Kedah	—	50
Kelantan	—	8
Melaka	—	97
Negeri Sembilan	—	114
Pahang	—	121
Perak	—	268
Perlis	—	11
Pilau Pinang	—	158
Sabah	—	24
Sarawak	—	24

Selangor	—	332
Terengganu	—	6
W. Persekutuan	—	125
<b>JUMLAH:</b>		<u>1495</u>

Setakat maklumat yang ada semua permohonan Sekolah Rendah dan Menengah yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi mengadakan kelas-kelas bahasa ibunda adalah diluluskan. Jumlah wang yang diperuntukan untuk kelas bahasa ibunda bagi tahun ini ialah \$15,120,000.00. Semua kelas bahasa ibunda dibiayai sepenuhnya dan setakat maklumat yang ada jumlahnya ialah 9,450 dan jumlah kelas bahasa ibunda tahun ini yang dijalankan pada waktu biasa sekolah ialah 7,445.

### PEKERJA ASING

**22. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Buruh menyatakan:-

- (i) berapa ramai pekerja-pekerja asing secara sah dan secara haram yang terdapat di negara ini dalam berbagai-bagai sektor. Setakat mana usaha-usaha, strategi dan insentif Kerajaan dan majikan-majikan swasta untuk memobilisasi dan menarik buruh-buruh tempatan mengisi pekerjaan-pekerjaan yang dianggap tidak menarik oleh tenaga pekerja tempatan seperti dalam sektor ladang, pembinaan dan lain-lain;
- (ii) berapa kerugian negara dan majikan-majikan kerana kekurangan tenaga pekerja, dengan memberi contoh sektor pertanian, dan lain-lain yang dapat dipastikan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Setakat hari ini seramai 445 orang buruh telah dibenarkan bekerja di Malaysia mengikut perjanjian pengambilan buruh yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia. Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai angka-angka mengenai pendatang haram sama ada yang bekerja ataupun tidak di negara ini.

Oleh kerana kemasukan mereka secara haram itu adalah dilakukan secara sulit pada masa ini, adalah terlalu awal untuk menilai strategi pengambilan buruh asing bagi mengisi kekosongan pekerjaan-pekerjaan yang terdapat di sektor peladangan dan pembinaan di negara ini.

Daripada bncian yang telah dibuat oleh badan-badan tertentu seperti Persatuan Penanam Malaysia, Majlis Penanam Kelapa Sawit Malaysia dan Persatuan Majikan-Majikan Malaysia, kekurangan tenaga pekerja dalam sektor peladangan dan pembinaan telah mengakibatkan kerugian kepada ladang-ladang kelapa sawit dan getah sebanyak \$14 juta dalam tahun 1980 dan \$74 juta dalam tahun 1981. Kerajaan juga dianggar kehilangan cukai eksport sebanyak \$17 juta dalam tahun 1981.

### BAYARAN PENCEN KEPADA PESARA

**23. Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pemerosesan wang pencen diperlembahkan di mana setengah-setengah gurun yang pencen dalam tahun 1984 hanya menerima wang mereka dalam tahun 1985 dan jumlah besar yang telah dibayarkan sebagai pencen pada setiap tahun bagi setiap kategori perkhidmatan awam. Apakah jumlahnya menjelang tahun 2005. Apakah kadar pertambahan dalam bilangan kakitangan Kerajaan yang bersara setiap tahun. Apakah kadar pertambahan jumlah wang pencen bagi setiap tahun. Bagaimanakah Kerajaan akan dapat memperolehi jumlah yang kian bertambah ini. Bilakah rancangan-rancangan untuk mengatasi beban pembayaran wang pencen akan dimulakan.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Adalah tidak benar pemerosesan wang pencen diperlembahkan malahan adalah menjadi objektif Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membayar faedah-faedah persaraan kepadapesara-pesara dalam masa satu bulan mulai daripada tarikh persaraan. Kelewatan berlaku apabila dokumen-dokumen yang diperlukan lewat dikemukakan ke Jabatan ini seperti:

- (i) Sijil Akuan Berhutang/Tak Berhutang;
- (ii) Sijil Pelepasan Cukai Pendapatan;
- (iii) Borang KWSP 1036 mengenai caruman di KWSP.

Selain daripada itu terdapat juga rekod-rekod perkhidmatan yang tidak kemaskini dan teratur yang menyebabkan sukar untuk diproses. Walau bagaimanapun Jabatan ini telah dan sedang mengambil tindakan untuk memudahkan lagi memproses kertas-kertas pesaraan.

Menjelang tahun 2005 perbelanjaan untuk pencen adalah dianggarkan berjumlah \$4,989.8 juta. Kadar pertambahan jumlah wang pencen bagi setiap tahun adalah dianggarkan sebanyak 10%.

Peruntukan yang diperlukan bagi membayau pencen adalah diuntukkan di bawah maksud Tanggungan T.13 Anggaran Belanjawan Tahunan pada setiap tahun. Jumlah tersebut adalah ditemui daripada hasil Kerajaan dan akan terus ditemui daripada hasil Kerajaan walaupun jumlah tersebut akan kian bertambah.

Sebuah Jawatankuasa telah pun ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan pada 9 Januari 1985 untuk mengkaji beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi mengatasi beban pembayaran wang pencen yang semakin meningkat. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan sendiri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara. Setakat ini, Jawatankuasa berkenaan telah pun mengkaji 8 kertas kerja behubung dengan perkara ini.

Jawapan kepada pertanyaan mengenai jumlah besar yang telah dibayarkan mengikut kategori tertentu bagi tempoh mulai 1982 hingga 1984 adalah dalam bentuk perangkaan. Oleh itu saya mohon izin supaya jawapan tersebut diberi secara bertulis kepaah Ahli Yang Berhormat itu.

(Soalan No.24. Sila Lihat Jawapan No.6 pada 17.7.85)

#### **KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND**

**25. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian setakat ini untuk mengawal

sempadan negara kita dengan jiran Thailand, memandangkan kemasukan secara haram rakyat negeri Thai ke negara kita, dan penyeludupan barang-barang tanpa cukai serta senjatapi.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang tegas serta berkesesuaian bagi mengawal kemasukan secara haram warganegara asing ke negara ini, termasuk warganegara Thai. Selain daripada itu, kawalan-kawalan yang ketat dan rapi juga diperhebatkan dan diperkemas di kawasan tertentu dan sempadan daratan negara ini. Dalam pada itu, keselamatan topografi kawasan sempadan daratan di negara Thai dan kawasan pantai dan tertentu yang luar meninggalkan kesulitan kepada pihak Kementerian untuk mencegah penyeludupan atau penyelusupan sepenuhnya. Walau bagaimanapun mana-mana warganegara asing, termasuk warganegara Thai yang memasuki negara ini secara haram tetap akan diambil tindakan tegas mengikut undang-undang Imigresen. Usaha-usaha untuk mencegah penyeludupan dan penyeludupan orang-orang dan barang-barang seperti senjatapi ke negara ini adalah dilaksanakan secara bersepadu diantara Jabatan Imigresen dengan Jabatan-jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Kastam dan Lembaga Padi dan Beras Negara dalam unit yang dinamakan Unit Pencegah Penyeludupan.

#### **KONTRAKTOR PENDAWAIAN — SIJIL UJIAN**

**26. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar banyak projek-projek Kerajaan tergendala kerana kelewatan penerimaan sijil pendawaian oleh LLN. Perkara ini berlaku kerana kontraktor yang mneyiupkan kerja-kerja pendawaian tidak menyerahkan sijil-sijil berkenaan. Untuk menyelesaikan masalah berkenaan adakah pihak LLN bercadang mengkaji semula sistem kerja yang diamalkan sekarang dan mengenakan tindakan disiplin yang berat kepada kontraktor pendawaian.

**Tuan Au How Cheong:** Saya berharap soalan Yang Berhormat adalah untuk bertanya tentang kelewatan penyerahan Sijil Ujian Pendawaian atau Surat Akuan Ujian untuk Pemasangan Pendawaian daripada kontraktor kepada LLN kerana bagi kerja-kerja pendawaian LLN tidak mempunyai sijil-sijil yang lain kecuali Sijil Ujian Pendawaian itu.

Setakat ini didapati hanya sebahagian kecil kontraktor yang lewat mengemukakan Sijil Ujian Pendawaian kepada LLN. Kelewatan ini berlaku antara lain adalah berpunca dari pertelingkahan diantara kontraktor dengan bakal pengguna atau masalah pembayaran upah dan lain-lain. Oleh yang demikian adalah sukar bagi LLN untuk campur tangan bagi masalah tersebut. Di samping itu adalah sukar bagi LLN untuk menyambung bekalan elektrik kepada pengguna jika sekiranya pihak kontraktor gagal/tidak dapat mengemukakan sama ada Sijil Ujian Pendawaian, wang cagaran atau menandatangani perjanjian di antara LLN dan Kontraktor. Walau bagaimanapun pihak LLN sentiasa bersedia untuk memberi apa-apa nasihat dan tunjukajar kepada pengguna jika mereka memerlukannya.

#### KERAJAAN NEGERI ALAMI DEFISIT

**27. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar banyak Kerajaan-kerajaan Negeri mengalami defisit;
- (b) jika ya, sebutkan kedudukan kewangan mereka bagi 1984 dan 1985; dan
- (c) apakah nasihat Kementerian beliau kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:**

- (a) Dari semakan penyata kewangan yang telah dibuat setakat tahun 1983, adalah benar banyak negeri menghadapi defisit dalam akaun mengurusannya.
- (b) Mengikut anggaran bagi tahun 1984 dan 1985, semua negeri kecuali Negeri Melaka, Sabah dan Sarawak dijangka mengalami defisit dalam akaun mengurusannya.

(c) Selain daripada Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa dan saranan-saranan yang dibuat di dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telahpun mengadakan lawatan ke semua negeri dan telah menasihatkan negeri-negeri supaya memperbaiki kedudukan kewangan mereka bagi mengamalkan dasar belanjawan yang seimbang. Di antara langkah yang perlu diambil ialah seperti berikut:-

- (i) penambahan dan peningkatan pungutan hasil dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan di samping menghapuskan apa jua bentuk pembaziran;
- (ii) peningkatan disiplin kewangan di semua Jabatan-jabatan Negeri;
- (iii) penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Negeri bagi mengurangkan bilangan kakitangan dan meningkatkan produktiviti;
- (iv) pembekuan pengwujudan jawatan-jawatan baru dan pengisian jawatan-jawatan kosong sedia ada yang tidak menjejaskan prestasi Jabatan-jabatan Negeri khususnya Jabatan-jabatan yang berhubung secara langsung dengan rakyat;
- (v) pelaksanaan projek-projek yang benar-benar mendatangkan faedah secara langsung kepada rakyat sahaja.

#### PERSIDANGAN POLITIK MENGUNAKAN BANGUNAN SEKOLAH

**28. Tuan Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa Bangunan-bangunan Kerajaan seperti Sekolah-sekolah atau sebagainya yang dilarang diguna oleh Parti-Parti Politik itu diberi kebenaran oleh parti-parti Kerajaan seperti UMNO menggunakan Bangunan sekolah-sekolah sebagai tempat persidangan politik mereka atau

adakah Kerajaan akan memberi kebenaran yang sama kepada parti-parti politik pembangkang di negara ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kementerian Pelajaran sebenarnya tidak menggalakkan bangunan-bangunan sekolah digunakan oleh mana-mana parti politik sebagai tempat persidangan politik. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak ada tempat lain dapat diperolehi, permohonan perlulah dikemukakan kepada Bahagian Pendaftar sekolah dan Guru, Kementerian Pelajaran untuk dipertimbangkan.

### LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASATAN BMF

**29. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengumumkan laporan-laporan terbaru Jawatankuasa Penyiasatan BMF yang dikemukakan kepada beliau itu kepada orang ramai tanpa pindaan atau perubahan, jika tidak, mengapa dan apakah benar ini disebabkan kerana ramai pemimpin-pemimpin atasan di negeri ini disebut dalam laporan-laporan tersebut, dan jika ya, sila namakan mereka.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Laporan terbaru yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Yang Berhormat Tan Sri Ahmad Noordin kepada saya bertajuk 'Special Brief'. Yang Berhormat Tan Sri Ahmad Noordin telah menasihatkan Kerajaan supaya tidak mengumumkan 'brief' tersebut kepada orang ramai kerana ianya melaporkan secara 'detail' mengenai pinjaman-pinjaman tertentu yang dilaporkan dalam 'Interim Report'.

Adalah tidak benar sama sekali Kerajaan mengambil tindakan tidak mengumumkan laporan tersebut kerana terdapat ramai pemimpin-pemimpin negara disebut dalam 'brief' tersebut.

Sebagaimana yang saya nyatakan dalam Dewan ini pada 16hb Julai, 1985 (semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka), Kerajaan akan mengumumkan laporan akhir Jawatankuasa itu kepada orang ramai kecuali jika bahagian-bahagian tertentu

laporan tersebut melibatkan satu-satu perkara berkaitan dengan 'banking secrecy'. Dalam keadaan itu ianya perlu dipinda atau dikeluarkan sebelum diumumkan bagi mengelakkan apa-apa implikasi atau tindakan undang-undang terhadap Kerajaan.

### KONTRAKTOR INDUSTRI PETROLEUM

**30. Tuan Mutang Tagal** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor oleh Sarawak Shell adalah seperti berikut:-

#### KATEGORI KONTRAK

	Jumlah Bayaran (Ringgit)	
	1981	1984
Sarawak Bumi:	10 juta	33 juta
Lain Bumi	131 juta	126 juta
Jumlah Bumi:	141 juta	159 juta
Syarikat Malaysia lain (termasuk Syarikat Kerjasama dengan Syarikat asing)	466 juta	200 juta
Jumlah Malaysia	603 juta	359 juta
Syarikat Asing	200 juta	133 juta

Memandangkan kedudukan ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan PETRONAS supaya penglibatan Syarikat tempat Sarawak dalam sektor 'downstream dan upstream' industri minyak dan gas di Malaysia ditingkat lagi memandangkan dalam tahun-tahun yang lepas ini, kebanyakan kontrak telah diberi kepada kontraktor dari Semenanjung Malaysia.

#### **Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):**

Antara tahun 1981 hingga 1984, kontrak-kontrak dalam sektor 'upstream' industri petroleum yang bernilai lebih dari \$50,000 berjumlah sebanyak \$235 juta telah diberikan kepada syarikat-syarikat di mana rakyat Sarawak memiliki ekuiti sebanyak 30% hingga 100%. Dari jumlah tersebut, kontrak-kontrak berjumlah sebanyak \$81 juta iaitu 34% telah diberi kepada syarikat-syarikat yang berpejabat di Kuala Lumpur di mana ekuitinya dimiliki 100% atau sebahagian oleh rakyat Sarawak.

PETRONAS telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan penyertaan rakyat Sarawak dalam industri petroleum, antara lain:

- (a) memberi keutamaan kepada para bumiputera tempatan dalam perlantikan pengusaha stesen minyak dan pengedar bahan-bahan petroleum di Sarawak;
- (b) mengkhaskan serta membuka tender-tender hanya kepada syarikat-syarikat bumiputera Sarawak bagi projek-projek di mana mereka mampu untuk melaksanakannya, seperti penyelenggaraan bangunan dan pembekalan perkhidmatan bantuan (support services);
- (c) memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bumiputera bagi kontrak-kontrak selain dari yang dinyatakan di atas, ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang dikeluarkan dari semasa ke semasa; dan
- (d) menyiapkan suatu 'Blueprint' yang bertujuan untuk mempercepatkan serta meningkatkan penyertaan dan pencapaian bumiputera dalam industri petroleum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH BAGI PELAJAR-PELAJAR

**31. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan, demi menyelesaikan masalah polarisasi kaum adakah beliau berhasrat memperuntukkan sekolah-sekolah berasrama penuh kepada pelajar-pelajar dari semua kaum.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kementerian Pelajaran sememangnya telah memperuntukkan tempat Sekolah Berasrama Penuh kepada pelajar-pelajar dari semua kaum. Sebahagian besar dari mereka adalah terdiri dari pelajar-pelajar luar bandar.

### PERSATUAN BADAN MANDARIN DI UNIVERSITI MALAYA

**32. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah menerima permohonan untuk menubuhkan Persatuan Badan Mandarin di Universiti Malaya; jika ya, bilakah permohonan tersebut diterima dan nyatakan keputusannya berhubung dengan permohonan tersebut.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk menubuhkan Persatuan Bahasa Mandarin baru sahaja diterima oleh Kementerian Pelajaran. Memandangkan Jawatankuasa Penaja Penubuhan Persatuan Bahasa Mandarin ini terdiri daripada ahli-ahli yang menaja Penubuhan Persatuan Bahasa Tionghua, maka Kementerian Pelajaran menganggap bahawa Persatuan Bahasa Mandarin dan Persatuan Bahasa Tionghua adalah pertubuhan yang sama dengan menggunakan dua nama yang berlainan. Oleh kerana itu Kementerian saya terpaksa meneliti permohonan tersebut supaya kejadian yang berlaku kepada Persatuan Bahasa Tionghua yang dahulu tidak akan berulang lagi.

### PERWIRA HABIB BANK — TUDUHAN RASUAH

**33. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara ke dalam tuduhan mengenai rasuah (kickbacks) yang berlaku dalam pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Perwira Habib Bank serta amalan-amalan curang yang berlaku berhubung dengan pinjaman-pinjaman di Perwira Habib Bank.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Pemeriksaan yang dijalankan oleh Bank Negara ke atas Perwira Habib Bank pada penghujung tahun 1984 adalah suatu pemeriksaan biasa yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia mengikut kehendak Akta Bank, 1973. Adalah tidak benar bahawa pemeriksaan itu dijalankan untuk menyasat tuduhan-tuduhan tertentu mengenai rasuah (kickbacks) serta amalan-amalan curang yang berlaku berhubung dengan pemberian pinjaman oleh Perwira Habib Bank.

Daripada pemeriksaan yang dijalankan, setakat ini belum ada bukti menunjukkan perbuatan rasuah (kickbacks) berlaku dalam pemberian pinjaman oleh bank tersebut. Walau bagaimanapun, pemeriksaan itu telah mendedahkan berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh beberapa pegawai bank tersebut. Hasil pemeriksaan itu telah disampaikan oleh Bank Negara Malaysia kepada Lembaga Pengarah bank berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

### REFORMASI INDUSTRI BANK

**34. Dr. Cheng Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah untuk mereformasikan industri bank memandangkan terdapat hakisan keyakinan yang serius yang disebabkan oleh skandal Bumiputra Malaysia Finance serta laporan-laporan mengenai amalan-amalan yang tidak beretika seperti sogokan daripada pinjaman-pinjaman besar yang diberikan kepada pengarah-pengarah bank di lain-lain bank.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Sistem Bank di negara ini adalah kukuh dan teguh. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa orang ramai harus khuatir dengan keutuhan sistem bank kita. Keyakinan terhadap sistem bank mungkin telah terjejas disebabkan oleh khabar-khabar angin yang disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Bank Negara Malaysia mengambil langkah-langkah tertentu dari masa ke semasa bagi menentukan pengawasan rapi dibuat ke atas bank-bank. Bagi membolehkan Bank Negara mengawasi urusan niaga di antara cawangan-cawangan di luar negeri, semua pejabat cawangan bank-bank Malaysia di luar negeri sekarang ini dikehendaki mengemukakan penyata bulanan aset dan tanggungan mereka kepada Bank Negara. Semua pinjaman cawangan-cawangan luar negeri yang melebihi \$1 juta serta penyata bulanan aset dan tanggungan anak-anak syarikat di luar negeri, juga dikehendaki dilaporkan kepada Bank Negara.

Selain dari itu, pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta Bank 1973 bagi menguatkan lagi struktur asas dan memperketatkan pengawalan ke atas bank-bank. Untuk menghadkan

pendedahan (exposure) sesebuah bank kepada satu-satu pelanggan atau kumpulannya, Bank Negara telah menguatkuasakan peruntukan seksyen 27A Akta Bank, yang membolehkan Bank Negara menentukan saiz kredit kepada seseorang pelanggan dalam bentuk peratusan kepada kumpulan wang modal bank berkenaan. Seksyen 26A pula telah diperkenalkan bagi melarang pinjaman kepada usahania-ga-usahania di mana kakitangan atau pengarah bank itu mempunyai kepentingan.

Untuk mengelakkan penyalahgunaan dalam bidang pinjaman, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan meminda Akta Bank bagi menguatkan lagi kawalan kita ke atas pemberian kemudahan-kemudahan kredit.

### PENGHARAMAN KAPAL NUKLEAR OLEH NEW ZEALAND

**35. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia berhubung dengan kontroversi yang ditimbulkan akibat pengharaman kapal-kapal bertenaga nuklear oleh Kerajaan New Zealand memandangkan kepada usaha Malaysia untuk mewujudkan zon keamanan, kebebasan dan berkecuali di Asia Tenggara.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ialah mengenai masalah pakatan ANZUS, satu pakatan tentera yang terdiri dari Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat. Dalam hal ini, pendirian Malaysia adalah jelas di mana kita tidak akan campurtangan didalam masalah-masalah yang dihadapi di kalangan anggota-anggota ANZUS. Walau bagaimanapun, kita berharap apa-apa masalah yang dihadapi oleh pakatan tersebut dapat di atasi dengan secara aman dan damai. Seterusnya, kami berpendapat, masalah pakatan ANZUS tersebut tidaklah merupakan satu gejala yang akan menjejaskan atau mengancam usaha-usaha kita ke arah mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

## BERSARA SECARA SUKARELA KAKITANGAN KERAJAAN

**36. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar, terdapat setengah-setengah Jabatan Kerajaan mempunyai kakitangan yang berlebihan dan mengakibatkan Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar kerana membayar gaji mereka. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk melonggarkan syarat 'Bersara Secara Sukarela' kepada kakitangan Kumpulan C dan D yang telah berkhidmat selama tidak kurang dari 300 bulan tanpa mengira had umur.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Kerajaan sedar bahawa terdapat setengah-setengah Jabatan Kerajaan mempunyai kakitangan yang dikatakan berlebihan dan tindakan sedang diambil untuk menyelaraskan keadaan yang sedemikian. Di beberapa Jabatan, kakitangan yang berlebihan itu adalah daripada Kumpulan D yang gajinya dibayar di bawah Peruntukan Terbuka iaitu khas untuk menyelenggarakan satu-satu projek seperti penyelenggaraan projek Leboh Raya Karak, Leboh Raya Timur Barat, dan lain-lain.

Bagi kakitangan seperti ini soal faedah persaraan tidak timbul oleh kerana mereka memegang jawatan-jawatan sementara dan tidak layak untuk menikmati sebarang faedah persaraan kecuali caruman kepada KWSP.

Pada masa ini tidak ada peruntukan 'Bersara secara Sukarela' seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Tetapi jika dimaksudkan Persaraan dengan Pilihan Sendiri mengikut Peruntukan Seksyen 12 Akta Pencen 1980 maka persaraan pilihan sendiri itu sekarang ini hanyalah bagi mereka yang telah mencapai umur 50 tahun bagi kakitangan lelaki dan 45 tahun

bagi kakitangan perempuan yang memegang jawatan tetap dan berpenen, telah disahkan dalam jawatan dan diletakkan ke dalam jawatan berpenen.

## KWSP - CARUMAN TERKUMPUL

**37. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah caruman kumpulanwang yang berada dalam KWSP sehingga 30.6.1985;
- (b) jumlah pengeluaran caruman KWSP untuk tempoh selama 3 tahun dan sehingga 30.6.1985 dengan memberi butir-butir amaun itu dan sebab-sebab pengeluaran yang dibenarkan di bawah ordinan KWSP;
- (c) berapa ramai majikan yang gagal membayar caruman KWSP, berapa banyak wang yang terlibat dan apakah rancangan yang KWSP bercadang untuk mengambil bagi mendapatkan caruman itu; dan
- (d) apakah perkembangan terakhir ke atas cadangan KWSP untuk membina dan menjual rumah-rumah terus kepada pencarum.

## Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):

- (a) Jumlah caruman terkumpul kumpulan wang yang dalam KWSP sehingga 30hb Jun, 1985 ialah 21,509 juta.
- (b) Jumlah pengeluaran caruman KWSP untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 1982 hingga 1984 dan sehingga pengeluaran 30hb Jun, 1985 serta jenis pengeluaran yang dibenarkan di bawah Akta KWSP 1951 adalah seperti berikut:

	1982	1983	1984	Sehingga 30.6.85
	(\$ Juta)			
a) Pengeluaran kerana kematian	30.6	34.8	42.5	22.0
b) Pengeluaran faedah kematian	8.6	10.8	12.8	5.8
c) Pengeluaran pada umur persaraan 55 tahun	159.1	204.8	239.6	165.1

	1982	1983	1984	Sehingga 30.6.85
	(\$ Juta)			
d) Pengeluaran kerana tidak berkeupayaan bekerja	6.0	8.3	9.5	5.3
e) Pengeluaran kerana meninggalkan Malaysia	25.7	26.4	28.7	14.8
f) Pengeluaran satu pertiga (1/3) caruman pada umur 50 tahun	68.6	85.0	106.2	79.7
g) Pengeluaran bagi pembelian rumah kos rendah	5.0	3.7	3.5	6.9
h) Pengeluaran bagi pembelian rumah jenis bukan kos rendah	80.0	141.5	187.1	117.8
i) Pengeluaran faedah tahunan	20.3	0.3	0.5	0.76
	383.87	515.6	630.4	418.16

(c) Jumlah purata majikan yang tidak membuat caruman-caruman pekerja ialah 3,000 orang sebulan atau 2.3% dari seluruh majikan. Jumlah caruman yang tidak diserahkan adalah di antara \$6 juta hingga \$10 juta sebulan. Majikan-majikan yang enggan menyerahkan caruman-caruman pekerja dalam tempoh 3 bulan selepas peringatan-peringatan dikeluarkan, akan dikunjungi oleh inspektor-inspektor KWSP yang akan membuat taksiran tunggakan yang mesti dijelaskan oleh majikan dalam tempoh masa 14 hari. Tindakan Mahkamah akan diambil jika majikan gagal menyerahkan caruman dalam tempoh masa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KWSP sentiasa mengawal keadaan ini dan jika perlu, sistem kutipan akan dikemaskini dari masa ke semasa.

(d) Pihak KWSP pada masa ini tidak akam mencebur diri secara langsung dalam membina dan menjual rumah

terus kepada pencarum-pencarum. Ini adalah kerana pihak KSWP tidak mahu melaksanakan perkhidmatan yang bertindih dengan pihak-pihak yang sedang membina dan menjual rumah kepada orang ramai misalnya Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri dan syarikat-syarikat swasta. Juga dengan keadaan yang ada sekarang di mana pasaran perumahan masih lembab pada keseluruhannya pihak KWSP tidak ingin memburukkan lagi keadaan ini.

### PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI TEMPATAN

39. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar Melayu, China, India, Kadazan dan Iban dan lain-lain yang telah dibenarkan belajar kelima-lima universiti tempatan sejak tahun 1980 dengan memberikan angka-angka bagi setiap tahun dan nyatakan jumlah mereka yang berlepas ke

luar negeri dalam tempoh yang sama untuk pelajaran peringkat universiti dengan memberikan angka-angka bagi kaum-kaum yang dinyatakan di atas, jumlah daripadanya yang diberi biasiswa dan jumlah yang dibiayai sendiri.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:**  
Oleh kerana jawapan bagi soalan ini mengandungi banyak angka, dan akan memakan banyak masa untuk dibacakan, saya memohon izin untuk menyampaikan jawapan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**KEMASUKAN PELAJAR KE KURSUS IJAZAH PERTAMA  
DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN BAGI SESI  
1980/81 — 1984/85**

Universiti	1980/81				
	B	C	I	LL	J
U.M.	1062	870	141	24	2097
U.K.M.	1049	276	87	-	1412
U.S.M.	519	430	66	3	1018
U.P.M.	434	84	45	2	565
U.T.M.	163	23	12	11	209
Jumlah	<u>3227</u>	<u>1683</u>	<u>351</u>	<u>40</u>	<u>5301</u>

Universiti	1981/82				
	B	C	I	LL	J
U.M.	1064	881	195	22	2162
U.K.M.	1021	299	61	11	1392
U.S.M.	609	467	103	15	1194
U.P.M.	571	143	31	3	748
U.T.M.	253	70	16	2	341
Jumlah	<u>3518</u>	<u>1860</u>	<u>406</u>	<u>53</u>	<u>5837</u>

Universiti	1982/83				
	B	C	I	LL	J
U.M.	1067	834	206	26	2133
U.K.M.	1057	443	109	13	1622
U.S.M.	539	413	92	13	1057
U.P.M.	652	236	60	7	955
U.T.M.	260	78	19	3	360
Jumlah	<u>3575</u>	<u>2004</u>	<u>486</u>	<u>62</u>	<u>6127</u>

\*Catatan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,—universiti-universiti tempatan tidak mempunyai rekod bilangan pelajar-pelajar Kadazan dan Iban. Ianya dimasukkan ke dalam kategori pelajar Bumiputera secara keseluruhannya.

Universiti	1983/84					1984/85				
	B	C	I	LL	J	B	C	I	LLJ	J
U.M.	1065	838	200	29	2132	1077	802	169	18	2066
U.K.M.	1098	532	144	18	1792	988	660	131	18	1797
U.S.M.	707	541	119	19	1386	738	540	99	43	1420
U.P.M.	693	312	96	29	1130	558	325	102	30	1015
U.T.M.	316	99	25	10	450	363	137	55	3	558
U.U.M.	-	-	-	-	-	236	79	21	-	336
Jumlah	<u>3879</u>	<u>2322</u>	<u>584</u>	<u>105</u>	<u>6890</u>	<u>3960</u>	<u>2543</u>	<u>577</u>	<u>112</u>	<u>7192</u>

**Bilangan Pelajar-pelajar Anjuran Kerajaan  
dan Separuh Kerajaan Yang Melanjutkan Pelajaran  
Ke Luar Negeri Mengikut Kaum dari tahun 1980/1984**

Tahun	Bukan		Jumlah
	Bumiputera	Bumiputera	
1980	8,350	275	8,625
1981	3,551	153	3,704
1982	6,696	335	7,031
1983	4,890	26	4,916
1984	2,767	288	3,055
Jumlah	<u>26,254</u>	<u>1,077</u>	<u>27,331</u>

## PERANCANGAN DAN PENGANALISAAN EKONOMI

**40. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mewujudkan satu sistem maklumat lengkap di satu tempat sahaja bagi mengatasi percanggahan maklumat dan data-data bagi maksud perancangan dan penganalisaan ekonomi.

**Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob:** Pada masa ini pengumpulan maklumat dan data-data bagi tujuan perancangan ekonomi dijalankan secara 'decentralised' di bawah kelolaan beberapa agensi pusat. Agensi-agensi yang berkenaan termasuk Jabatan Perangkaan, Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Unit Penyelidikan

Sosio Ekonomi, Bank Negara dan semua Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan.

Bagi tujuan mengadakan satu sistem maklumat yang lengkap di satu tempat, satu Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE) bertempat di Pejabat Perdana Menteri sedang ditubuhkan. Sistem ini akan mengumpul dan menyatukan semua data dari semua jabatan dan agensi kerajaan yang perlu bagi perancangan. Semua Ketua Jabatan dan Kementerian serta Kerajaan Negeri akan diberikan 'access' kepada data-data tersebut dan maklumat-maklumat penting bagi usaha-usaha perancangan dan pelaksanaan serta mengesan dan menilai dasar-dasar dan strategi Kerajaan. Sistem ini telah ditubuhkan dalam bulan Ogos tahun lalu dan dijangka siap pada penghujung tahun 1986. Dengan sistem ini, semua data asas bagi perancangan akan diselaraskan.

## SEKOLAH BERASRAMA PENUH BAGI PENUNTUT CINA/INDIA

41. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan-tindakan pembetul akan diambil untuk membuka sekolah-sekolah berasrama kepada penuntut-penuntut kaum Cina dan India memandangkan kepada hakikat bahawa di bawah Tinjauan Rancangan Malaysia Keempat, adalah ditentukan bahawa sekolah-sekolah berasrama menyumbangkan kepada polarisasi kaum di sekolah-sekolah, dan bahawa ramai penuntut-penuntut Melayu yang kaya telah dapat faedah meskipun matlamat asal ialah bagi penuntut-penuntut yang miskin daripada mana adalah ramai bukan Melayu yang tidak diterima ke sekolah-sekolah begini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Didalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat tidak terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa sekolah berasrama penuh menyumbang kepada polarisasi kaum di sekolah-sekolah dan juga tiada kenyataan yang menyatakan bahawa ramai penuntut-penuntut Melayu yang kaya telah mendapat faedah. Hakikat sebenarnya ialah sebanyak 70% pelajar-pelajar di SBP adalah dari luar bandar yang terdiri dari golongan miskin.

## RAMPASAN KUASA DI SABAH — LAPORAN POLIS OLEH DAP

42. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas laporan polis yang dibuat oleh Timbalan Setiausaha Agong DAP, P. Patto, di Kuala Lumpur pada 22.6.85 berhubung dengan perlakuan berbagai kesalan di bawah Kanun Seksaan termasuk 'kesalahan-kesalahan terhadap negara', Bab I Kanun Keseksan oleh beberapa pemimpin USNO dan BERJAYA dalam hal 'perampasan kuasa' secara haram di Sabah pada awal April 22, 1985 selepas keputusan pilihan umum Sabah diumumkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pihak polis masih menjalankan siasatan.

(a) Baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan yang kesemuanya adalah bertujuan memperkuatkuasaan lagi syiar Islam di samping

mencegah pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan Islam.

(b) Kemasukan pengaruh-pengaruh yang membahayakan perpaduan rakyat di negara ini adalah sentiasa diawasi dan dihalang melalui berbagai proses pentadbiran dan undang-undang yang sedia ada. Ini termasuklah pelaksanaan langkah-langkah berikut:-

(i) menafikan pemberian visa-visa kepada mana-mana individu/kumpulan asing, sekiranya dikhuatiri dengan kemasukan mereka ke negara ini boleh menggugat perpaduan rakyat;

(ii) memendekkan tempoh tinggal di Malaysia bagi individu atau kumpulan berkenaan yang sudah masuk ke negara ini sekiranya diketahui motif jahat mereka;

(iii) menguatkuasakan sepenuhnya semua syarat-syarat kemasukan mereka ke negara ini melalui proses pentadbiran dan undang-undang di bawah peruntukan dalam Akta Imigresen Malaysia;

(iv) melaksanakan pemeriksaan rapi segala bahan cetak dan filem yang dibawa dari luar negeri dengan berpandukan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Mesin Cetak dan Pentadbiran 1984 di mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya.

## PENGARUH SYIAH

43. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi dari perkembangan pengaruh Syiah yang mana didapati pengaruh Syiaah telah ada mula meresap dalam kalangan rakyat Malaysia; dan

(b) cara manakah Kerajaan menyusun kegiatan-kegiatan menyekat dari kemungkinan pengaruh-pengaruh yang membahayakan perpaduan rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohammad Noor):**

(a) Bukan semua aliran Syiah itu terkeluar dari akidah Islamiah. Di Malaysia umpamanya, Majlis Muzakarah Mufti-mufti mengakui aliran Syiah Jaafariah dan Zaidiah tidak terkeluar dari akidah Islamiah. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk mengukuhkan akidah Islamiah kepada penganut-penganut Islam di Malaysia, Kerajaan dengan agensi-agensi dan institusi-institusi keagamaan yang ada sentiasa mengawasi pengaruh Syiaah yang tidak diiktiraf keislamannya terus meresap kepada penganut Islam di sini.

Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Islam disetiap negeri adalah memainkan peranan penting dalam soal ini dan ia bertanggungjawab memberi laporan setiap masa kepada Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama di Peringkat Negeri dan seterusnya di peringkat Kebangsaan. Banyak Jawatankuasa-jawatankuasa lain berkaitan dengan Agama Islam telah ditubuhkan.

Perlulah saya tegaskan di sini bahawa pelaksanaan kuatkuasa undang-undang sahaja belumlah memadai dan sempurna sekiranya tidak ada usaha-usaha diambil oleh semua pihak secara bersepadu bagi meneguhkan semangat perpaduan di negara ini.

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

**44. Tuan Patrick Anek Uren** minta Perdana Menteri menyatakan dasar Kerajaan mengenai peruntukan wang bagi pembangunan, apakah bidang-bidang keutamaan dan adakah pertimbangan politik adalah kriteria yang besar, dan

jika ya, adakah Kerajaan anggap dirinya hanya sebagai pemegang amanah ke atas wang yang dikutip daripada rakyat yang sepatutnya pergi kepada rakyat bergantung kepada keperluan sebenarnya.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Peruntukan pembangunan adalah dibuat sedemikian rupa bagi memastikan penggunaan sumber negara secara optima dan bagi faedah rakyat keseluruhannya. Pertimbangan politik adalah dalam ertikata bagi mengujudkan sebuah negara yang maju, aman dan sejahtera bagi rakyat. Kriteria terpenting ialah pencapaian objektif dan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan pertumbuhan ekonomi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, kriteria-kriteria seperti penjimatan/penghasilan pertukaran asing, juga sedang ditimbang.

Selaras dengan kriteria yang tersebut, keutamaan dari segi pembahagian peruntukan pembangunan adalah ditumpukan kepada sektor pertanian/pembangunan luar bandar dan perdagangan serta perindustrian.

**PENILAIAN KEMAMPUAN JABATAN — KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**45. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan berapa lamakah tempoh diberi kepada Ketua Setiausaha Negara membuat penilaian kemampuan jabatan-jabatan di semua kementerian dalam menjalankan tugas masing-masing.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Sebenarnya, arahan-arahan dari Kerajaan dan usaha-usaha ke arah meninggikan produktiviti dan kemampuan jabatan-jabatan di semua kementerian telahpun berjalan. Peningkatan produktiviti adalah satu proses yang berterusan yang sedang diberikan perhatian utama. Selaras dengan ini, Kerajaan telahpun dan sedang mengambil berbagai langkah seperti menggunakan Sistem Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Sistem Pusat Bayaran Setempat, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, Pengurusan melalui Mesyuarat, Pengurusan Harta Kerajaan dan sebagainya.

Untuk memperbaiki lagi prestasi dan produktiviti di semua Jabatan Kerajaan, dan kesan-kesannya kelihatan Kerajaan telahpun mengarahkan pembentukan satu Pasukan Khas khusus untuk melawat dan menilai perjalanan kerja di semua Jabatan Kerajaan.

## DASAR KONSEP DAN COGANKATA

**46. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana dasar-dasar konsep-konsep dan cogan-kata-cogankata seperti 'Rukunegara', 'Revolusi Mental', 'Pembangunan Luar Bandar', 'Buku Hijau' dan lain-lain yang didukung oleh Kerajaan pada masa dahulu masih diamali dan ditekankan sekarang.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Dasar, konsep dan cogankata sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu masih terus diamal dan ditekankan sekarang walaupun beberapa pengubahsuaian telah dibuat ke atas pelaksanaannya mengikut perubahan dan keperluan masa.

Prinsip 'Rukunegara', umpamanya masih menjadi asas panduan perancangan pembangunan negara sebagaimana termaktub dalam Dokumen Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat.

Begitu juga dengan konsep 'Revolusi Mental' adalah diteruskan untuk membentuk sikap, semangat dan fikiran positif di kalangan rakyat bagi bersama-sama bertanggungjawab menayakan rancangan-rancangan pembangunan negara.

'Pembangunan Luar Bandar' merupakan program yang penting yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan. Sebahagian besar peruntukan dalam rancangan lima tahun ialah untuk sektor ini bagi mengadakan program-program seperti pembangunan semula kampung-kampung tradisional, penempatan semula penduduk, menghidupkan aktiviti ekonomi, meningkatkan kemudahan-kemudahan sosial dan memajukan industri-industri kecil. Kini halacara pembangunan luar bandar juga memberi penekanan kepada pertanian berkelompok mengikut pengurusan moden, pembangunan

industri kampung dan penyusunan semula secara berkelompok bagi mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru lengkap dengan kemudahan asas.

'Rancangan Buku Hijau' pula telah dipergiatkan lagi pada tahun 1983 di kalangan rakyat di luar bandar supaya bertani dan berternak di kawasan keliling rumah dan tanah yang tidak diusahakan, untuk keperluan keluarga sendiri dan juga untuk memenuhi permintaan tempatan.

## JAWATANKUASA KABINET NAIK PANGKAT

**47. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang menuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk membetulkan diskriminasi dan penafian peluang-peluang rekrutmen dan kenaikan pangkat bagi orang-orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam yang diakui secara awam oleh seorang Menteri Kabinet sebagai satu masalah yang serius.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan belum bercadang berbuat demikian.

## NAMA JAMBATAN PULAU PINANG/CUKAI JALAN

**48. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan telah menentukan nama yang akan diberi kepada Jambatan di antara Pulau Pinang dan Butterworth dan juga menyatakan cukai jalan yang akan dikenakan atas setiap jenis kenderaan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan belum lagi memutuskan tentang nama yang akan diberikan kepada jambatan yang sedang dibina. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akar mencadangkan nama jambatan itu sebagai 'Jambatan Pulau Pinang' kepada jemaah Menteri bagi menepati permintaan penduduk-penduduk Pulau Pinang yang sebegitu ramai supaya jambatan itu dinamakan sedemikian.

## RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." (23hb Julai, 1985).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Menteri berkenaan menyambung jawapan.

3.36 ptg

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan ini habis sidangnyanya semalam, saya telah berkesempatan untuk memberi gambaran bahawa tindakan Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan telekom negara kita ini ialah diambil selepas kajian yang mendalam diadakan. Dan saya juga telah membayangkan tindakan seperti itu bukan sahaja diamalkan di negara kita ini bahkan juga diadakan di negara-negara yang lain. Misalnya di Great Britain, di Amerika Syarikat atau di negeri Jepun dan negara-negara yang lain.

Soalan pokok yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap ialah adakah menguntungkan negara kita pada masa hadapan jika perkhidmatan telekom diswastakan. Mengikut kajian-kajian yang telah kita dapati sudah tentu perkembangan telecommunication di negara kita ini memerlukan satu bentuk organisasi yang lebih flexible, dengan izin, dari apa yang biasa diamalkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan. Dan didapati pula organisasi yang mungkin dapat beroperasi seperti itu lebih-lebih lagi diwujudkan di bawah Akta Syarikat. Dengan tujuan sedemikian Kerajaan membuat keputusan secara polisi bahawa perkhidmatan dan pengendalian Telekom di negara kita ini baik bagi tujuan menguntungkan negara dan rakyat dikendalikan oleh satu badan yang berbentuk syarikat. Ini juga selaras dengan polisi Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam mengendalikan perkhidmatan di negara kita ini.

Dengan mewujudkan satu syarikat menjadi hasrat Kerajaan beban kewangan itu boleh dibantu bersama di antara Kerajaan dan pelabur-pelabur dan rakyat jelata. Dari segi itu saya berasa tidaklah perlu bagi kita di Dewan ini berasa ragu-ragu lagi apakah yang dibayang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang ialah memang biasanya tidak kira apa bentuk atau tujuan polisi Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan rakyat di negara kita ini ada pula timbul bahawa mereka tidak bersetuju. Ini perkara biasa mereka di mana Kerajaan memang tetap bersedia dan tahu sebagai satu langkah yang kekal dicjalankan oleh pihak Pembangkang. Begitu juga pihak Pembangkang semua menyatakan bahawa Dewan ini tidak diberi masa yang cukup untuk meninjau Rang Undang-undang yang dibahaskan semalam, tetapi kita sudah mendengar juga ucapan-ucapan dari sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri khususnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat wakil Kerajaan menerangkan bahawa mereka telah mendapati masa untuk meneliti Rang Undang-undang ini dan setelah mendapati pendirian itu, mereka berkata dan berasa yakin bahawa tujuan Kerajaan pun memang munasabah.

Jadi bagi Kerajaan Tuan Yang di-Pertua kita tidaklah boleh menerima pandangan-pandangan, atau bantahan-bantahan yang telah dikemukakan oleh pihak Pembangkang semalam. Pihak Pembangkang juga ada menyoalkan, adakah tujuan perkhidmatan telekom ini kalau dikendalikan oleh satu syarikat ianya dapat menaikkan mutu perkhidmatannya lebih tinggi dari sekarang? Kita berharap dan kita percaya memang inilah tujuan dan hasrat Kerajaan.

Perkhidmatan telekomunikasi di negara kita ini sekarang, jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk negara-negara jiran kita, melainkan sebahagian kecil sahaja adalah memuaskan. Dan kita berterima kasih serta membuat pujian kepada kakitangan Jabatan Telekom sekarang yang telah menjalankan tugas itu dengan baik dan dengan sempurna, tetapi kita juga sedar bahawa perubahan teknologi telekomunikasi pesat berubah dengan cepat, dan kita mendapati asalkan ianya dikendalikan oleh Jabatan Kerajaan yang terpaksa

mengikut caraccara bekerja yang biasa diadakan oleh Jabatan Kerajaan, akan mengurangkan kecekapan mereka bertugas dan untuk mengendalikan perkhidmatan telekom di negara kita ini.

Seperti saya juga terangkan semalam, tujuan Rang Undang-undang yang ada di depan kita sekarang sebenarnya bukan tujuan untuk menubuhkan syarikat pengganti, itu akan dibahas, saya berharap pada hari ini juga. Tetapi untuk membolehkan Kerajaan menubuhkan suatu badan yang akan mengawasi tugas-tugas dan menjaga bahawa syarikat yang akan mengendalikan perkhidmatan telekom di negara kita ini mengamalkan National Telecommunications Policy negara termasuk untuk menentukan kehendak-kehendak rakyat di luar bandar, tidak ketinggalan juga termasuk menentukan harga-harga atau ratenya yang berpatutan dan sebagainya, termasuk juga kita menjaga kepentingan keselamatan (security).

Di waktu kita meninjau pindaan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang juga mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pindaan ini, pindaan dari undang-undang yang asal di mana peruntukan-peruntukan dalam undang-undang pokok atau yang asal itu tidak disentuh dan tidak diubah, ianya kekal menjadi Undang-undang Telekomunikasi di negara kita ini. Saya rasa penting menyebut hal ini untuk menerangkan bersabit dengan perkara security yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam. Memang sudah ada dalam Akta Telekomunikasi 1950, dalam seksyen 23, 24 dan 25 menyentuh kedudukan bagaimanakah kita menjaga kepentingan keselamatan.

Begitu juga saya suka mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang ada menyentuh bersabit dengan perkara saluran jalan di mana syarikat-syarikat itu perlu menarik wire, kabel dan sebagainya, bersabit, dengan izin, right of way menggunakan tanah iaitu kekal di bawah Akta asal dalam seksyen 20 di mana dijelaskan bahawa kuasa-kuasa untuk berbuat

demikian yang sekarang ini diamalkan oleh Jabatan Telekom secara langsung boleh saya bacakan, dengan izin:

“Apply to a person licensed under section 3(3) to place, lay, carry or maintain any posts, cables or wires on, along, through, under, or across any land as though references to the telecommunications authority wherever appearing in this PART were references to the person so licensed.”

Ini bermakna syarikat yang akan dilesenkan oleh Kerajaan menjalankan tugas perkhidmatan telekom berhak mengikut sisi undang-undang untuk menjalankan kuasa sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan juga untuk menerangkan sedikit sebanyak satu dua perkara secara detail, mungkin yang telah ditimbulkan semalam.

Pertamanya saya suka menerangkan, apakah tujuan Kerajaan untuk memasukkan dalam Rang Undang-undang pindaan ini bahawa Director General atau Ketua Pengarah Jabatan Telekom yang akan kita wujudkan nanti mempunyai pengalaman sebagai satu telecommunication engineer. Perlu dijelaskan kita bukan menyentuh dengan syarikat yang akan dictubuhkan. Soal ini ialah Director General Telecom yang akan menjadi Ketua Badan Kawalselia Kerajaan (Regulatory Body), bukan operating company dan kita merasa oleh kerana tugas Badan Kawalselia ini ialah untuk menjaga perkara yang amat teknikal, yang memerlukan pengalaman kejuruteraan yang tertentu, penting kita menentukan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kelulusan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada juga menyoalkan dari segi monopoli atau soa monopoli dan mengatakan bahawa selepas perkhidmatan pengendalian telefon diserahkan kepada satu syarikat, lebih baik kalau bukan satu syarikat sahaja menjalankan tugas itu, tetap dibahagi-bahagikan. Sebenarnya soalan ini memang soalan yang basic, yang telah ditinjau dengan sedalam-dalamnya oleh pihak Kerajaan.

Perlu saya menerangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa peruntukan kewangan untuk mengadakan satu National Telecommunications Network memerlukan perbelanjaan yang besar, pokok modal yang besar. Di negara kita ini sekarang kita ada kira-kira 800,000 pelanggan, dari segi 800,000 pelanggan itu difikirkan belum tiba masanya untuk kita memikirkan, membahagi-bahagikan perkara ini, kerana dari segi, dengan izin, economies of scale tidak atau belum dapat kita berbuat demikian. Kita sedar bahawa di negara-negara lain ada diwujudkan beberapa buah badan yang menjalankan tugas perkhidmatan telekom. Misalnya, di Amerika Syarikat memang banyak, begitu juga di United Kingdom ada dua badan atau dua syarikat, tetapi di United Kingdom pun kita melihat satu syarikat yang ditubuhkan baru itu, baru sahaja masuk dalam perkhidmatan ini.

Bahkan pula di Amerika Syarikat walaupun banyak syarikat mengendalikan perkhidmatan, mereka diberi dan dibahagi-bahagikan secara, dengan izin, geographical zoning di mana syarikat-syarikat yang tertentu diberi 'franchise' berkait dengan perkhidmatan dalam satu-satu geographical area yang mempunyai pelanggan berjuta-juta orang. Ini juga memberi kesan yang cukup dari segi economies of scale.

Di negara kita ini oleh kerana pelanggan masih belum kepada taraf yang dapat mengambil kesan yang untung dari economies of scale, kita merasa bukan menguntungkan jika perkhidmatan itu dibahagi-bahagikan kepada lebih dari satu syarikat pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, kita sedar banyak perkhidmatan-perkhidmatan telekom sampingan, dengan izin, apa yang dikatakan value added services, ini sudah diamalkan sebagai satu polisi Kerajaan bahawa mengadakan perkhidmatan value added services ini kita menggalakkan persaingan, bahkan polisi ini sudah berjalan dan sekarang pun mereka yang menjualkan alat-alat telefon, radas-radas telefon boleh menjual terus kepada pelanggan jika mereka berminat dan juga seperti penjual-penjual radas-radas teleks dan sebagainya memang sudah diamalkan dan diikuti sekarang. Jadi, polisi Kerajaan sekarang jelas, sebagai kuasa bertanggungjawab mengendali dan memasangkan

National dan International Telecom Network terpaksa difikirkan kekal kepada satu badan tetap untuk memberi perkhidmatan sampingan atau value added ini digalakkan disaingkan kepada syarikat-syarikat yang berminat.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bersabit dengan kedudukan tarif telefon sekarang dan jika perkhidmatan ini dikendalikan oleh sebuah syarikat, apakah kedudukan, kenaikan taraf dan sebagainya. Seperti yang saya telah jelas semalam kita memang menyedari bahawa soal ini soal yang penting difikirkan. Oleh itu, Kerajaan melalui undang-undang yang kita bincangkan sekarang telah memberi kuasa kepada Kerajaan untuk bertindak bersama dengan syarikat menentukan tarif telekom di negara kita ini dalam masa yang akan datang walaupun ianya dijalankan oleh satu syarikat.

Ada mereka mengatakan, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat dari Kepong, bahawa memberi peruntukan 6 bulan sahaja sebagai menetapkan permohonan bersabit dengan tarif pada anggapan beliau tidak mencukupi oleh kerana mungkin birokrasi dan sebagainya tidak cukup masa untuk meneliti dan membuat keputusan yang betul. Jadi saya merasa pandangan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah kita perlu bimbang sekali oleh kerana kecekapan kakitangan Kerajaan di negara kita ini dibandingkan dengan kecekapan kakitangan Kerajaan di negara-negara yang lain tidak juga terlampau rendah, ianya baik dan ianya boleh juga dibanggakan. Walau bagaimanapun, kita sedar kalaulah kita tidak menentukan masa mungkin timbul soalan bahawa ada kemungkinan tindakan tidak diambil dengan secepat-cepat yang boleh oleh kerana tujuan kita untuk menambahkan kecekapan kakitangan Kerajaan kita menentukan tarikh di mana keputusan itu perlu dibuat dan menjadi tanggungjawab Menteri yang menjaga tugas perkhidmatan ini untuk menentukan amanah rakyat dan Kerajaan yang disalurkan melalui beliau dibetulkan dan diwujudkan. Jadi, pada pandangan saya anggapan dan pandangan Yang Berhormat itu tidak menjadi masalah yang meragu-ragukan kita.

Bersabit dengan soalan bagaimanakah masa depan kakitangan Jabatan Telekom sekarang, apakah kedudukan mereka dan sebagainya, saya melihat ada dalam Order Paper kita ini satu Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) akan juga dikemukakan dan dibahas dalam Dewan ini. Jadi, saya tidaklah perlu mengambil masa panjang bersabit dengan perkara ini, cuma saya suka menyebutkan bahawa welfare dan masa depan kakitangan Kerajaan, termasuk kakitangan Jabatan Telekom yang akan berubah corak, kesan dari pelaksanaan polisi penswastaan Kerajaan memang sentiasa diambil kira dengan teliti, memang sentiasa difikirkan, bahkan Kerajaan akan mengambil tindakan meminda undang-undang yang tertentu untuk kita dapat berbuat demikian. Seperti yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu Rang Undang-undang yang bersabit dengan perkara pencen yang akan juga dibahaskan dalam Dewan ini, saya tidak bercadang untuk menerang dengan lebih panjang lagi dalam hal ini sekarang.

Bersabit dengan dakwaan bahawa kakitangan yang diambil berkhidmat dalam Jabatan Telekom nampak tidak seimbang dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam telah juga mengatakan bahawa banyak sangat atau lebih ramai kakitangan Melayu diambil bekerja bertugas dalam Jabatan Telekom baru-baru ini dan beliau merasa apakah kedudukan dan masa hadapan bila perkhidmatan ini dikendalikan oleh satu syarikat. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa meninjau perkara ini bukan dari segi satu bentuk Jabatan sahaja, bukan dari satu sudut sahaja. Kita perlu meninjau dari segi apa yang benar-benar berlaku dalam negara keseluruhan dan jika Kerajaan telah dapat menambahkan kakitangan bumiputera sebagai jurutera bertugas mengendalikan Jabatan Telekom dan Perkhidmatan Telekom, pada pandangan saya perkara ini patut menggembirakan kita semua oleh kerana pihak bumiputera sudah juga tercapai ke taraf bahawa mereka juga mempunyai kelayakan profesional yang setanding dan cukup untuk mendapatkan mereka bertugas dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang profesional dan teknikal seperti Telekom. Jadi pada pandangan saya bukan perkara ini patut disoalkan lagi, bahkan ianya patut menggembirakan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada juga menyentuh dengan seksyen 42A(1), membangkitkan keperluan mengadakan juga peruntukan bagi mendakwa mereka yang melakukan kesalahan berhubung dengan penerimaan wang rasuah yang melebihi \$300 di bawah seksyen 42A(1) Akta Telekomunikasi 1950.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 42A(1) ini merupakan seksyen baru yang memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Bahagian Pelesenan, Kementerian Penerangan untuk mengkompaundkan pesalah-pesalah berhubung dengan lesen TV dan radio dengan amaun wang tidak melebihi \$300 dan bukan bertujuan untuk mendakwa mereka yang melakukan kesalahan berhubung dengan penerimaan wang rasuah yang tidak melebihi \$300. Jadi, mungkin Ahli Yang Berhormat itu salah anggap tujuan seksyen ini. Tujuan memberi kuasa mengkompaund kepada pegawai-pegawai Bahagian Pelesenan adalah untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan serta mengurangkan beban kerja mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang banyak lagi perkara-perkara yang disentuhkan tetapi saya merasa apa yang telah saya sebut ialah bersabit dengan perkara-perkara yang penting dan pokok dan kalaulah sebahagian yang disentuhkan tidak dijawab sebentar tadi dengan panjang perkara itu akan diambil kira di waktu kita mengkaji Hansard-hansard selepas Dewan ini habis bersidang nanti. Walau bagaimanapun, saya suka mengambil peluang sedikit untuk mengulas, ialah Kerajaan berpendapat perkhidmatan telecommunications di negara kita ini perlu diperbaiki dan untuk memperbaikinya ianya akan memerlukan ubah corak organisasi dan juga memerlukan pendatang hasil dan perbelanjaan yang lebih dan bertambah dalam masa yang akan datang.

Ditinjau dari keperluan seperti itu Kerajaan berpuas hati setelah mengkaji dan meneliti kesan-kesan kajian-kajian yang dibuat dalam setahun, dua tahun yang sudah. Masanya tiba untuk kita mengasingkan tugas kawalselia dan regulation yang patut dikekal sebagai tanggungjawab Kerajaan untuk menjaga kepentingan awam dan memberi kuasa dan tugas pengendalian perkhidmatan telekom kepada

satu badan yang lain. Oleh kerana kita juga selaras dengan polisi penswastaaan Kerajaan yang telah lama sudah diperbincangkan dalam banyak tempat dan media di negara kita ini bahkan juga telah menjadi satu perkara yang sudah diterima oleh rakyat jelata bahawa satu badan dan satu perkhidmatan yang dapat dan patut diswastakan ialah perkhidmatan telecommunication. Walau bagaimanapun, kita sedar di-waktu melaksanakan tindakan dan polisi ini kita sentiasa mengambil kira kesan-kesan dan implikasi dengan mendalam termasuk kedudukan sekuriti, termasuk kedudukan perkhidmatan yang diperlukan bagi mereka yang diam di luar bandar, termasuk kepentingan orang awam secara keseluruhannya, termasuk juga untuk menentukan dalam masa hadapan perkhidmatan telecommunication yang amat penting dan perlu sebagai satu asas pembangunan negara yang hendak membangun dan majukan diri sebagai satu negara yang bercorak berperindustrian dan memupuk berperindustrian perlu juga kita mengikut dan menubuhkan bentuk organisasi yang dapat memberi kita possibility, dengan izin, atau kemungkinan mencapai matlamat itu.

Dengan hujah-hujah demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi terima kasih sekali lagi dan saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sama mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bersabit dengan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 26* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI (SYARIKAT PENGGANTI)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan  
Ketiga)**

*4.08 ptg.*

**Datuk Leo Moggie Anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletakkan harta dan hak-hak liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini juga. Jadi, tidaklah payah bagi saya menyebut dan mengulangkan semula asas-asas polisi bagaimana kita mewujudkan Rang Undang-undang ini. Tetapi walau bagaimanapun, perlu saya mengambil peluang ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan sedikit sebanyak bersabit dengan Rang Undang-undang Akta Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985.

Pengendalian dan penyelenggaraan rangkaian telekomunikasi seperti yang saya telah sebutkan tadi dikeluarkan daripada fungsi Jabatan Kerajaan. Telekomunikasi merupakan teknologi yang kian berubah dengan pesatnya. Organisasi yang bertanggungjawab terhadap kendalian perkhidmatan Telekomunikasi seharusnya berkeupayaan untuk bergerak ke arah

perubahan itu serta mempunyai kelenturan atau flexibility pengurusan untuk bertindak dengan segera demi kepenentingan perkhidmatan telecommunication dan negara.

Adalah dirasakan perlu pada masa ini untuk mengeluarkan fungsi biasa ini yang dikendalikan sekarang oleh Jabatan Kerajaan kepada satu syarikat. Kami yakin bahawa pengendalian dan penyelenggaraan perkhidmatan telekomunikasi boleh diuruskan dengan lebih baik oleh sebuah organisasi dengan kelenturan yang menasabah yang lebih berkemungkinan memperolehinya dalam suatu organisasi yang beroperasi di bawah Akta Syarikat.

Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan dan langkah-langkah untuk melaksanakan keputusan ini hendaklah dibuat secara beransur-ansur, dalam lain perkataan, walaupun adalah tujuan Kerajaan untuk menswastakan operasi sistem telekomunikasi dari segi penyertaan equiti oleh pihak swasta, proses ke arah penswastakan seharusnya dijalankan secara beransur-ansur. Oleh kerana itu, sebagai langkah pertama untuk membolehkan penswastakan pada akhirnya adalah hasrat Kerajaan untuk memperbadankan sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat Tahun 1965, dengan equitinya dimiliki oleh Kerajaan pada mulanya, penyertaan equiti oleh sektor swasta akan berlaku pada peringkat kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini iaitu Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) adalah bertujuan untuk membolehkan sebuah syarikat ditubuhkan bagi mengambil alih fungsi pengendalian dan penyelenggaraan rangkaian telecommunication Malaysia di dalam dan di luar negeri daripada Jabatan Telekom. Ianya menyediakan peruntukan untuk meletakkan harta, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telecommunication kepada syarikat yang akan mengambil alih pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan itu serta mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara kewangan dan kakitangan dan lain-lain hal berkaitan bagi syarikat itu.

Bahagian II Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi pemindahan harta dan sebagainya kepada syarikat pengganti termasuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu.

Seksyen 3 di Bahagian itu memperuntukan pemindahan semua harta, hak dan liabiliti Jabatan Telekom sekarang kepada syarikat itu pada tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bersabit dengan perkhidmatan telekom, melainkan tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan yang diperlukan oleh Jabatan Telekom bagi menjalankan fungsinya sebagai badan kawal selia.

Pemindahan tersebut termasuk pemindahan semua pinjaman Kerajaan kepada Syarikat Pengganti yang akan dikehendaki menandatangani perjanjian-perjanjian yang baru dengan Kerajaan, pada tarikh perbadanan tanah yang akan dipindah-milik kepada Syarikat Pengganti adalah tanah Jabatan Telekom yang berada di Wilayah Persekutuan dan tanah Jabatan Telekom yang diperolehi secara perjanjian persendirian atau secara private treaty, tanah-tanah lain yang akan dipindah-milik dengan cara perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya Syarikat Pengganti terpaksa menjadi sebuah syarikat yang dilantik sepenuhnya oleh Kerajaan tetapi hasrat Kerajaan dalam masa depan memang bertujuan untuk menarik minat pelabur-pelabur selain dari Kerajaan untuk memegang equiti syarikat itu.

Dalam konteks ini Seksyen 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan pengeluaran security syarikat itu kepada Menteri Kewangan diperbadankan atau Minister of Finance (Incorporated) dan juga membolehkan Menteri Kewangan melupuskan security itu kepada mana-mana pihak swasta atau orang ramai apabila difikirkan perlu.

Seksyen 6 pula memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memperolehinya security Syarikat Pengganti atau mana-mana anak syarikatnya serta melupuskan security itu.

Seksyen 7 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik calun-calun bagi melaksanakan sebahagian daripada fungsi-fungsinya.

Seksyen 8 Rang Undang-undang ini memperuntukkan struktur kewangan Syarikat Pengganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada Bahagian III Rang Undang-undang ini. Bahagian ini menyediakan enabling provision untuk menguruskan pemindehan kakitangan daripada Jabatan Telekom kepada Syarikat Pengganti yang dicadangkan. Dalam proses melaksanakan dasar penswastan, Kerajaan akan sentiasa mengambil kira kebajikan anggota kakitangan yang terlibat. Oleh kerana itu adalah perlu untuk meyakinkan kakitangan Jabatan Telekom, kepentingan dan masa hadapan mereka disisi undang-undang telah dipertimbangkan sepenuhnya dalam melaksanakan dasar penswastan berhubung dengan Jabatan Telekom.

Akta ini membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi perkara itu. Pertamanya Syarikat Pengganti yang mengambil alih fungsi pengendalian perkhidmatan telecommunication hendaklah menerima di dalam pengajian semua kakitangan Jabatan Telekom yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan dan yang telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

Keduanya, mereka yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Syarikat Pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas terma-terma, syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya mereka berhak sebelum sahaja tarikh pemindahan.

Saya juga ingin mengatakan bahawa adalah hasrat Kerajaan untuk membuat pindaan-pindaan yang sesuai kepada Akta Pecen Tahun 1980 bagi menentukan bahawa kakitangan yang terlibat dalam penswastan dan memilih untuk berkhidmat dalam Syarikat Pengganti yang ditubuhkan untuk melaksanakan dasar penswastan tidak akan berkerugian dari segi pecen.

Memandangkan kedudukan yang dijelaskan itu, Tuan Yang di-Pertua, maka adalah perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini untuk mengenakan peruntukan bagi meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkait dengannya.

Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat ini, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.20 ptg.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini sebentar tadi telah meluluskan satu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 yang dinamakan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985 yang membolehkan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini dikendalikan oleh pihak swasta dalam konsep penswastan.

Akta yang kita bincangkan sekarang ini ialah berkait rapat dengan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985 itu kerana ianya membolehkan meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti

Kerajaan Malaysia berhubungan dengan perkara-perkara perkhidmatan telekomunikasi pada syarikat pengganti.

Perkara-perkara penting seperti yang telah disebutkan ialah meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubungan dengan perkhidmatan telekomunikasi pada satu syarikat, membuat perkiraan-perkiraan kewangan, mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Saya berpendapat adalah tepat bahawa Menteri Kewangan diperbadankan sebagai Menteri yang diberikan kuasa membuat perintah menetapkan tarikh pemindahan, menentukan harta ditetapkan, memperoleh pelaburan Kerajaan dalam sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau subsidiarinya dan boleh melantik mana-mana penama bagi Menteri Kewangan.

Konsep penswastan yang menjadi salah satu dasar Kerajaan memang telah mendapat sokongan majoriti rakyat di negara kita ini. Memang kita bersetuju bahawa mana-mana agensi ataupun jabatan-jabatan Kerajaan yang lemah, yang mendatangkan kerugian dan juga bankrap memang patut diswastakan dengan tujuan untuk menaikkan lagi imej Kerajaan Malaysia dan di samping itu memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Tetapi bagi agensi-agensi, jabatan-jabatan dan badan-badan yang berjalan dengan baik, licin dan lancar yang memberikan keuntungan sewajarnya tidaklah perlu diswastakan kerana ianya boleh menjadi contoh dan teladan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan kerana kita tidak mahu segala-gala dalam Kerajaan negeri kita ini diswastakan.

Mengenai isu utama dalam Akta ini ialah syarikat pengganti. Syarikat Pengganti yang dipilih seperti yang telahpun disuarakan sejak semalam, hendaklah benar-benar dipilih berdasarkan kebolehan, kemampuan, pengalaman dan hasil kerja yang tinggi mutunya. Janganlah hendaknya ianya berdasarkan pilih kasih atau berasaskan kriteria lain yang boleh dianggap oleh rakyat sebagai penyelewengan. Kita tidak

rela nama Kerajaan Barisan Nasional tercemar akibat pemilihan syarikat-syarikat tertentu yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat.

Saya turut setuju dengan pendapat bahawa syarikat pengganti ini tidaklah satu sahaja dipilih yang boleh memonopoli seluruh keadaan dan kita tahu keadaan monopoli memang membawa lebih banyak mudharat dari yang manfaat. Tetapi dalam hal ini ternyata seperti dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, Kerajaan telah memutuskan satu dasar iaitu memberikan kepada satu syarikat sahaja. Namun saya berharap, setelah satu syarikat ini diberi peluang dalam satu tempoh yang ditentukan dan kemudiannya khidmat-khidmatnya mestilah dinilai dan ditentukan bahawa khidmat-khidmatnya itu adalah bermutu tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga bahawa syarikat yang dipilih ini tidaklah syarikat asing, sama ada dari Timur ataupun dari Barat, dari Utara ataupun dari Selatan, tetapi khususnya adalah syarikat-syarikat tempatan dan memberikan keutamaan kepada syarikat bumiputera yang tulin. Jika diserahkan kepada syarikat asing, sampai bila-bila pun ternyata syarikat bumiputera tidak akan mendapat pengalaman dan tidak akan dapat menikmati hasil mahsul dalam negerinya sendiri.

Dari segi perkhidmatan, memang tujuan utama mengadakan penswastan adalah untuk mendapatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan diharapkan supaya dalam penswastan ini, teknik-teknik yang termoden hendaklah digunakan dan di samping itu tidak membebankan pengguna-pengguna.

Saya sebagai seorang wakil rakyat daripada luar bandar begitu merasa runsing atas masalah pengguna-pengguna telefon di luar bandar kerana apabila perkhidmatan telefon atau telekomunikasi ini diswastakan mestilah ditentukan bahawa perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar tidak terjejas mutu khidmatnya ataupun menimbulkan bebanan kewangan kepada pengguna. Saya berharap juga syarikat pengganti akan memberikan subsidi atau mensubsidise khidmat luar bandar dari keuntungan yang diperolehi dari bandar-bandar besar ataupun dari golongan-golongan perdagangan.

Saya ingin bertanya juga bagaimana pula dengan khidmat telefon awam di kampung-kampung di mana kita sekarang ini telahpun memberikan khidmat telefon awam ini dengan mengadakan pondok-pondok telefon di kampung-kampung. Sudah tentulah orang-orang kampung, khususnya pengundi-pengundi saya tidak mampu kalau dimestikan mereka itu membayar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 'installation fees' yang tinggi bagi menyediakan pondok-pondok telefon dan segala peralatannya kerana pada masa sekarang ini semuanya ditanggung oleh Kerajaan khususnya oleh Jabatan Telekom.

Di Bahagian II Seksyen 8 (2) iaitu rizab statutory itu hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer-syer belum terbit syarikat itu yang akan diumpukkan kepada anggota-anggota syarikat itu sebagai syer-syer bonus dibayar penuh. Adalah diharapkan syer-syer ataupun equiti syarikat itu dibuka jualannya pertama kepada kakitangan ataupun kepada koperasi kakitangan syarikat itu dan kedua kepada orang ramai melalui syarikat-syarikat tempatan.

Di Bahagian III, Bahagian ini seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, memanglah mustahak kerana ia menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan yang diambil terus daripada ataupun dipindahkan daripada khidmat Jabatan Telekom kepada syarikat pengganti. Kebajikan dan masa depan pekerjaanya adalah perkara mustahak kerana kejayaan dan kemajuan satu-satu perkhidmatan bergantung juga kepada pasukan pekerja-pekerjanya. Bagi menjaga kepentingan mereka sudah tentulah mereka itu nanti meminta dan akan dibenarkan menubuhkan kesatuan sekerja dan harapan saya pula adalah supaya kesatuan sekerja itu adalah organisasi yang bertanggungjawab menentukan mutu perkhidmatan yang tinggi.

Kesatuan sekerja mestilah menentukan sikap pekerja-pekerjanya supaya tidak terus bekerja secara dalam Jabatan Kerajaan. Mereka haruslah berubah mengikut penukaran keadaan seperti yang dituntut oleh pihak ataupun bahagian swasta. Kedua pihak, majikan dan

kesatuan sekerja hendaklah mengadakan kemudahan bagi pekerja-pekerja menambah pengetahuan, kemahiran terutama dalam bidang teknikal kerana ini adalah satu bidang yang kita dapati bahawa pekerja-pekerja ataupun mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini masih berkurangan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jerantut.**

*4.29 ptg.*

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk menyokong Akta ini iaitu yang dinamakan Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti), 1985.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ramai daripada Ahli Parlimen, rakan-rakan saya yang telah berucap semalam di bawah Akta yang dibentangkan sebelum ini dan juga telah diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, namun saya juga turut ingin membangkitkan pendapat, walaupun sebahagian daripadanya telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian khususnya Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom oleh kerana saya merasakan dasar Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Kementerian inilah yang pertama sekali yang telah mempelopori ataupun melaksanakan hasrat ataupun dasar Kerajaan pada hari ini.

Dalam perbahasan Belanjawan pada tahun 1983 dan 1984, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh dengan panjang lebar berkenaan dengan konsep penswastaaan dan salah satu daripada perkhidmatan yang saya membuat contoh ialah perkhidmatan telekom.

Dan pada hari ini, kita membincangkan Akta ini yang seterusnya akan dilaksanakan konsep penswastaaan bagi perkhidmatan telekom ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di antara sebab-sebab yang terpenting penswastaaan perkhidmatan telekom ini, pertamanya ialah perkhidmatan ini memang telah bercorak perdagangan. Maka perkhidmatan ini perlulah diuruskan dengan secara perdagangan. Misalnya yang kita lihat sekarang ini, perkhidmatan telekom yang mana mendatangkan hasil pada Jabatan ini dan seterusnya hasilnya digunakan untuk menjalankan perkhidmatan. Perkara-perkara yang diberikan perkhidmatan ini semuanya adalah bercorak perdagangan.

Sebab yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkhidmatan yang diperdagangkan ini seterusnya yang kita bincangkan, perkhidmatan telekom akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik yang lebih cekap dengan diswastakan. Seperti yang saya sebut tadi, perkhidmatan yang bercorak perdagangan tentunya secara lojik akan boleh lebih cekap perkhidmatan jika ianya diswastakan atau ditadbirkan dengan cara perdagangan. Ini termasuklah khidmat-khidmat seperti pemasangan telefon dan juga khidmat-khidmat pembaikan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dengan penswastaaan perkhidmatan telekom ini akan mempercepatkan wujudnya industri-industri sampingan oleh pihak swasta. Misalnya, dari segi pembekalan dan juga pengeluaran kabel, industri-industri pembuatan seperti membuat gagang telefon dan alat-alat telefon yang lain dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan pemasangan kabel dan lain-lain.

Keempatnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan yang sihat dalam industri-industri yang berkaitan dengan perkhidmatan telekom ini akan mewujudkan, pertamanya peluang-peluang pekerjaan yang lebih kepada rakyat Malaysia.

Yang kedua penjimatan dari segi pertukaran asing iaitu tentulah wujud industri untuk mengeluarkan barang-barang yang diperlukan oleh perkhidmatan telekom ini dikeluarkan dalam negara kita sendiri yang tidak diimpot lagi daripada luar negeri dan ini akan menjimatkan dari segi pertukaran asing.

Yang ketiganya, pihak yang ternyata hasil daripada wujudnya industri ini ialah dari segi pemindahan teknologi dalam bidang ini yang mana dari segi jangka panjangnya pemindahan teknologi ini akan menguntungkan negara pada keseluruhannya.

Yang Kelima, Tuan Yang di-Pertua, dengan penswastaaan ini ataupun tugas perkhidmatan telekom ini diambil oleh syarikat swasta akan mengurangkan beban pekerjaan dari segi menanggung perbelanjaan yang berkait dengan perkhidmatan telekom.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara saya berpandangan perlulah diberikan perhatian oleh Kerajaan dalam melaksanakan perkara ini.

Yang pertama, Kerajaan atau Kementerian khususnya Kementerian yang berkenaan masih sebagai badan yang bertanggungjawab dari segi yang pertamanya mengeluarkan lesen bagi perkhidmatan telekom ini.

Yang kedua, badan pengawas bagi mempastikan syarikat-syarikat swasta yang memberikan perkhidmatan ini nanti tidak akan menyeleweng. Jika syarikat tersebut menyeleweng dengan bertentangan dengan kepentingan orang ramai, maka Kementerian bolehlah mengambil tindakan yang tegas sehingga kepada membatalkan lesen ataupun kebenaran bagi menjalankan perkhidmatan ini. Ini juga telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Perkara kedua yang harus diambil perhatian ialah, dengan terlaksananya perkhidmatan telekom oleh syarikat pengganti ini, Kerajaan juga dari masa ke semasa haruslah dapat menjamin bahawa perkhidmatan yang lebih cekap diberikan oleh syarikat pengganti ini berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Telekom selama ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan telekom selama ini adalah merupakan satu perkhidmatan yang mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan, dan telah memberikan sumbangan pendapatan kepada Kerajaan.

Ini kita boleh dapat lihat daripada hasil-hasil yang telah diterima oleh Jabatan ini seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan tiap-tiap tahun.

Jadi, oleh itu satu peraturan ataupun satu perkara haruslah diambil perhatian oleh Kerajaan supaya syarikat pengganti yang akan menjalankan perkhidmatan telekom ini mestilah membayar kepada Kerajaan sejumlah bayaran sebagai pampasan kepada kehilangan pendapatan ataupun hasil Kerajaan ini ataupun pembayaran itu boleh kita takrifkan sebagai pembayaran oleh kerana diberikan peluang mengadakan perkhidmatan yang sebelum ini diadakan oleh Kerajaan. Ini adalah satu daripada tambahan kepada hasil Kerajaan walaupun sudah sedar bahawa syarikat pengganti juga akan dikenakan cukai syarikat seperti yang dikenakan kepada lain-lain syarikat jika sekiranya mendapat keuntungan. Tetapi bayaran pampasan ini ataupun boleh juga disebut sebagai bayaran lesen bagi perkhidmatan ini akan mendatangkan hasil serta menjamin Kerajaan ataupun Jabatan ini tidak akan kehilangan pendapatan yang selama ini dinikmatinya.

Yang keempatnya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah memerhatikan kadar-kadar bayaran-bayaran, bayaran pemasangan, kadar sewa telefon ini tidak membebankan rakyat. Ini telah banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan pada hari semalam dan juga pada hari ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Tanjung Karang sebentar tadi. Tetapi saya cuba menekankan di sini bila ditadbirkan oleh pihak swasta, Kerajaan juga harus memberi perhatian supaya kadar-kadar ini tidak membebankan rakyat ataupun pengguna.

Tindakan tegas dari segi penguatkuasaan ini adalah perlu dijalankan oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penswastan perkhidmatan telekom pada pandangan saya bukanlah satu perkara yang baru. Sebenarnya Jabatan ini sejak pada awal-awal lagi telah menampakkan sifat-sifat perdagangan perkhidmatan. Sebagai contoh, Jabatan Telekom telah mengadakan apa yang dinamakan Kedai Telekom yang mana Kedai Telekom ini ia lebih bercorak

perdagangan dan perniagaan untuk kita membayar bil, untuk kita mendapatkan perkhidmatan dan sebagainya.

Yang keduanya, pada tahun 1983 dan 1984, pihak Kementerian dan juga Jabatan Telekom telah memberikan kerja-kerja kontrak menanam dan memasang kabel kepada pihak-pihak swasta yang selama ini dijalankan oleh Jabatan yang berkenaan sendiri.

Kemudian ketiganya, memberikan hak-hak membuat, mengimport dagang telefon dan alat-alat telefon kepada syarikat swasta. Jadi, saya berpandangan bahawa tidak ada mendatangkan masalah dari segi mengwujudkan Syarikat Pengganti sebagai satu langkah kepada penswastan perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan dalam Akta ini seperti yang saya faham Kerajaan masih ataupun akan memiliki 100% saham di dalam syarikat yang akan ditubuhkan ini. Jadi, saya merasakan ini sebagai satu langkah yang tepat oleh kerana pada peringkat permulaan ini, banyak perkara yang harus dipastikan oleh Kerajaan perkhidmatan ini akan berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa saya percaya kawalan Kerajaan ke atas syarikat ini tentunya akan makin berkurangan dan saham-sahamnya akan dijual kepada orang ramai. Jadi, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya dalam memberikan peluang-peluang pemilikan saham ini nanti akan diberikan kepada rakyat yang lebih ramai seperti juga yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang telah bercakap sebelum ini. Jadi, kita tidak mahu lagi wujud keadaan-keadaan yang sebelum ini di mana peluang-peluang umpamanya penyusunan semula syarikat, bank-bank dan syarikat insuran serta institusi kewangan yang lain, hanya beberapa pihak ataupun syarikat-syarikat kecil sahaja jumlah bilangannya telah diberikan peluang dalam penyusunan semula equity syarikat-syarikat yang berkenaan. Kita mahu seluruh rakyat ataupun semua pihak dan juga orang ramai akan mendapat peluang yang sama seperti didapati oleh lain-lain pihak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan dan juga Kementerian ialah berkait dengan perkhidmatan luar bandar dalam bidang perkhidmatan telekom. Sebelum ini Kerajaan atau jabatan yang berkenaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya pada perkhidmatan luar bandar dan sifat tanggungjawab Kerajaan ini adalah kerana perkara itu dikawal ataupun dijaga oleh Kerajaan tetapi saya berharap Syarikat Pengganti yang diwujudkan ini akan dapat memberikan perhatian kepada perkhidmatan telekom di luar bandar. Dan kerjasama daripada Kementerian ataupun ketegasan daripada Kementerian adalah perlu supaya perkhidmatan di luar bandar ini tidak diabaikan. Di antara perkhidmatan itu ialah seperti pembinaan telefon awam.

Yang kedua yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan kadar sewa telefon di luar bandar ini. Kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar yang berjauhan daripada ibusawat ataupun pencawang biasanya dikenakan bayaran sewa yang agak tinggi oleh kerana mengikut jauh ataupun jumlah jarak jauh daripada pencawang yang berkenaan. Jadi, saya menyeru kepada Kerajaan setelah diswastakan perkhidmatan ini untuk mengambil perhatian supaya dibina banyak lagi pencawang-pencawang di luar bandar yang demikian ia akan menurunkan sewa ataupun kadar sewa yang dikenakan tidaklah begitu tinggi berbanding dengan kawasan-kawasan bandar yang telah maju yang mana berhampiran dengan pencawang-pencawang yang berkenaan. Seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi, saya juga bersetuju perkara ini ataupun perkhidmatan luar bandar ini tidak menguntungkan haruslah dianggap oleh Syarikat Pengganti ini sebagai satu subsidi kepada perkhidmatan di luar bandar. Saya menjangkakan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak akan menjadi satu kerumitan oleh kerana kalau kita ambil contoh dalam segi pembinaan rumah kos rendah ataupun perumahan awam kos rendah, syarikat-syarikat swasta telah terbukti dapat menjayakan program Kerajaan ini iaitu dengan menjual rumah-rumah kos rendah dengan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan mereka mendapat untung daripada rumah-rumah kos rendah dan mahal. Begitu juga saya berpendapat dalam perkhidmatan telekom ini

perkara yang sama adalah mungkin dapat dijalankan dengan kerjasama daripada swasta dan juga Kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merakamkan sokongan saya kepada Akta ini dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

*4.45 p/mg.*

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk memberi pendapat sedikit sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletak hak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kaitan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini saya rasa hampir-hampir serupa dengan Akta yang baharu sahaja kita bahaskan sebentar tadi, dan kedua-duanya kalau dikira sebetulnya mempunyai satu tujuan iaitu penswastan. Dari segi prinsip atau falsafah penswastan ini ada dua perkara diambil kira. Yang pertama, bagi pendapat saya iaitulah untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh Kerajaan untuk menanggung ongkos membiayai pengendalian kemudahan-kemudahan awam di Malaysia.

Yang kedua, ialah bertujuan untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan satu-satu jabatan yang mempunyai tanggungjawab memenuhi kehendak rakyat dari segi perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, telekomunikasi ini merupakan satu perkara yang amat penting sekali dalam satu-satu negara, bahkan ada di antara orang berpendapat bahawa sanya kemajuan satu-satu negara itu satu daripada cara mengukur kemajuan negara itu ialah dari segi

komunikasi — sejauh mana efisennya komunikasi yang terdapat dalam satu-satu negara. Oleh itu, komunikasi di Malaysia seharusnya bukan sekadar kita mengekalkan apa yang ada tetapi memperbaiki mutu khidmat untuk tujuan-tujuan tertentu. Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun satu syarikat akan ditubuhkan untuk mengambil alih tugas-tugas telekomunikasi di Malaysia ini, keuntungan bukan seharusnya menjadi satu perkiraan sahaja tetapi perkara-perkara sosial yang begitu penting sekali seperti intergrasi nasional ini harus diambil kira bila mana syarikat ini akan ditubuhkan kelak. Misalnya, kita di Sabah yang kalau dikira dari segi jarak jauh dari Semenanjung Malaysia lebih kurang 1,200 batu, perhubungan seharian hanya dapat dilakukan dengan cepat melalui telekomunikasi. Oleh itu, saya rasa perhubungan menerusi telekomunikasi di antara Sabah dan Semenanjung dan di antara Sabah dengan Sarawak seharusnya diambil kira dengan serius oleh syarikat yang akan mengendalikan tugas. Saya menyokong benar Undang-undang ini asalkan perkara-perkara berikut dapat dipertimbangkan untuk kebaikan negara kita. Pertamanya, saya rasa jaminan bagi kakitangan yang ada dalam Jabatan Telekom dan Kementerian ini harus tidak akan dibuang kerja oleh syarikat. Dan juga komposisi kaum yang sudah ditetapkan oleh dasar-dasar Kerajaan harus diambil kira juga kerana satu-satu syarikat itu dalam mana ia menjalankan tugasnya sebagai satu organisasi yang ingin mengaut keuntungan kadangkala kadang terlupa dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan layanan kepada orang ramai. Layanan yang diberikan oleh kakitangan yang mempunyai hubungan rapat dengan orang ramai. Kita harap dengan dasar penswastaan ini layanan yang diberikan oleh syarikat berkenaan kepada orang ramai dapat dipertingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, jika kita berpeluang pergi ke satu Jabatan Telekom di Sandakan, Sabah, dan kalau kita temuduga pegawai yang berkenaan di sana tentang kejadian-kejadian keganasan-keganasan yang dilakukan oleh orang ramai terhadap kakitangan, tentu barangkali kita merasa terperanjat kerana bukan satu dua kali perkara ini berlaku.

Apa sebabnya? Ini adalah kerana sedikit kekesaran terhadap orang ramai. Kita harap dengan adanya penswastaan ini maka kejadian mengganas di Jabatan Telekom ini dapat dielakkan atau dikurangkan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan khidmat yang cepat terutamanya di kawasan di Sabah di mana hanya terdapat pusat-pusat tertentu sahaja iaitu seperti Kota Kinabalu, Sandakan, barangkali Tawau, di mana perhubungannya boleh dikatakan setanding dengan Semenanjung, tetapi daerah-daerah yang lain perhubungan telekomunikasinya masih 'below standard', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keempat, ialah khidmat murah. Oleh sebab kita menggalakkan dasar perpaduan negara terutamanya di antara negeri-negeri yang jauh daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak, maka rasa saya harus diberi pertimbangan untuk diberi sekurang-kurangnya mungkin barangkali secara subsidi.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan khidmat telefon di luar bandar Sabah. Pada hari ini terdapat 23 daerah di Sabah. Daripada jumlah 23 ini barangkali separuh daripadanya hanya mempunyai satu atau tidak ada mempunyai talian telefon dengan mana-mana Jabatan Kerajaan di Sabah dan Semenanjung. Ini menyukarkan lagi perkhidmatan kerana bila terdapat satu-satu masalah yang berbangkit dalam satu daerah itu amat sukar sekali untuk menghubungi Ketua-ketua Jabatan di Kota Kinabalu kerana ketiadaan telefon.

Oleh itu saya rasa kalau syarikat berkenaan dapat memberi pertimbangan berkenaan dengan perkara ini, adalah lebih baik lagi. Ada kalanya seperti daerah Beluran pula, walaupun terdapat perkhidmatan telefon di Beluran tetapi hanya di kawasan Beluran sahaja sedangkan daerah Beluran ini luasnya seperti Negeri Sembilan. Ada tempat di kawasan ini kerap berlaku banjir dan juga masalah-masalah lanun, tetapi alat telekomunikasi walaupun di dalam Daerah Beluran sekalipun hampir-hampir tidak ada. Baru-baru ini ketika satu cadangan dikemukakan untuk membekalkan satu telefon di satu tempat yang kerap berlaku banjir, kami telah

diberitahu oleh Jabatan Telekom bahawasanya ongkos pembiayaan memasang telefon itu mesti ditanggung oleh orang ramai, sedangkan pemasangan telefon ini mempunyai fungsi yang saya rasa wajib dilakukan oleh Kerajaan kerana ini merupakan suatu alat untuk menjaga keselamatan orang ramai.

Oleh itu saya rasa dengan terbentuknya satu syarikat ini maka perkara-perkara seperti yang saya sebutkan tadi itu dapat diberi pertimbangan demi untuk keselamatan dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*4.56 ptg.*

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti), 1985 yang dibentangkan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar huraian yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tentang penswastaan ini. Apa yang kita perlukan bahawa penswastaan ini akan memberi harapan kepada kita bahawa telekomunikasi ini akan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kita dan selain daripada itu akan mengurangkan senarai-senarai menunggu untuk pengguna-pengguna telefon terutama di luar-luar bandar kerana dengan penswastaan ini kita berharap bahawa akan lebih ramai lagi rakyat kita menerima kemudahan ini kerana perkhidmatan ini adalah sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa orang rakan adalah perkhidmatan yang menguntungkan. Jadi semakin banyak perkhidmatan yang diberi maka keuntungannya akan bertambah. Jadi penswastaan ini mempunyai harapan penuh bukan sahaja khidmat yang baik tetapi akan mengurangkan senarai-senarai yang menunggu untuk memasukkan telefon-telefon ke rumah-rumah kerana ini adalah merupakan keperluan yang penting bagi perhubungan di zaman moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa peringkat pertama penswastaan ini syer-syer ataupun saham-saham akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan dan ini adalah amat baik sekali kerana penswastaan secara berperingkat-peringkat, dengan secara yang dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan dan dilepaskan sedikit demi sedikit dengan bentuk syer, ini akan boleh mengawal daripada dimasuki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menggagalkan penswastaan Kerajaan yang mempunyai harapan penuh bahawa penswastaan ini akan memberi keuntungan kepada negara dan juga kepada rakyat kita kerana dengan penswastaan ini tidaklah bermaksud bagi pihak Kerajaan akan memindahkan ataupun akan mengubah beban yang ditanggung oleh Kerajaan ini kepada Syarikat Pengganti sebagaimana yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini kerana kalau sekiranya beban-beban yang ditanggung oleh Kerajaan ini diserahkan kepada Syarikat Pengganti ini, maka beban-beban ini ataupun keadaan-keadaan ini akan sama dirasai, akan sama sebagaimana tidak dapat diatasi oleh Kerajaan sekarang ini.

Saya suka hendak menyebut beberapa perkara di dalam perkara Syarikat Pengganti ini. Pertama sekali saya menyokong penuh tentang saham yang dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan di peringkat pertama, tetapi pada satu masa nanti Syarikat Pengganti ini merupakan syarikat awam yang akan dijual saham-sahamnya atau syernya kepada orang ramai yang akan dikawal atau akan diawasi oleh Kerajaan dan modal-modal syarikat ini pula hendaklah dimodalkan daripada wang yang dihasilkan daripada negara kita, bukan kita menerima daripada modal asing sebagaimana setengah-setengah negara bahawa penswastaan telekomunikasi dalam negaranya itu menerima daripada modal asing ataupun badan asing yang mengendalikan perkhidmatan di dalam negaranya.

Bagi negara kita hendaknya tidak akan berlaku seperti ini, kerana ini adalah merupakan satu alat Kerajaan ataupun satu perkara yang kita tidak boleh menerima modal-modal asing kerana ini adalah untuk kepentingan awam dan kepentingan orang ramai yang memerlukan pengawasan daripada Kerajaan.

Selain daripada itu apabila sesuatu perkara berlaku atau sesuatu perubahan berlaku di bawah pengawalan Jabatan Kerajaan maka ianya bertukar kepada pengawalan penswastan. Sebenarnya pada peringkat awal tidak banyak berbeza kerana walaupun dalam penswastan tetapi pengawalannya akan jadi sama, semuanya dimodalkan oleh Kerajaan. Walaupun harta-harta tidak boleh dimiliki tetapi Kerajaan boleh memberi sekuriti atau jaminan untuk membuat pinjaman dan sebagainya bagi menguruskan syarikat-syarikat ini. Apa yang penting yang saya hendak sebutkan di sini ialah bahawa kalau kita tidak berhati-hati di dalam pengurusan syarikat pengganti ini, maka tanggungannya berat, kerugian yang akan ditanggung ialah Kerajaan, kerana Kerajaan akan memberi sekuriti, akan memberi jaminan untuk mendapat segala kemudahan atau kewangan bagi menjayakan projek ini. Lebih-lebih lagi kita kena ingat bahawa di dalam penilaian di antara alat-alat yang ada sekarang ini setengahnya mempunyai alat-alat lama iaitu alat-alat teknikal yang lama yang telah digunakan beberapa lama dan ini setengahnya patut diganti atau digunakan alat moden yang lebih baru. Penilaian ini hendaklah diserahkan kepada syarikat, kepada penswastan, ini juga harus dikaji supaya penswastan. Ini tidak akan merugikan pihak syarikat pengganti yang akan bertanggungjawab atas perkara ini.

Sebagai satu contoh, kalau kembali kepada satu benda yang baru misalnya kita kata perubahan, perkara yang kecil, perubahan daripada keadaan teknikal yang lama dengan memakai transmission yang lama diubah kepada automatic transmission yang ada sekarang inipun telah menyusahkan orang ramai, terutama di setengah-setengah tempat itu tuntutan telefonnya meningkat. Kalau kebiasaannya dengan memakai transmission lama, bayarannya antara \$200 — \$300, tetapi apabila diubah sahaja automatic transmission dengan keadaan yang ada ini, ia melambong sampai \$800 ke \$1,000. Perkara ini adalah kesilapan pihak Kerajaan. Perkara ini tidak boleh didiamkan dan perkara ini juga akan berlaku jika sekiranya ada perubahan kepada penswastan ini. Segala perubahan-perubahan dan segala keadaan-keadaan yang berlaku ini mesti ditanggung oleh Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam menentukan perkara-perkara seperti ini, dan kita

tahu, dari segi pengalaman yang telah berlaku dalam Kerajaan kita sekarang ini, sesuatu perkara yang kita swastakan, yang kita kontrakkan, misalnya Jabatan JKR menswastakan atau mengkontrakkan pembinaan jalan-jalan kepada swasta atau kepada syarikat. Memang dari segi cepatnya kita akan dapat bahawa pembinaan amat cepat, tetapi kemungkinan dari segi mutunya adalah rendah ataupun substandard yang tidak sama dengan mutu yang dikehendaki, walaupun cepat tetapi mutunya tidak sama. Begitu juga dalam penswastan Kerajaan, misalnya di dalam pembekalan barang-barang pembinaan bangunan maka ini berkehendakkan sesuatu penyeliaan.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri kata tadi, kawal selia — penyeliaan atau kawalan yang lebih rapi lagi. Misalnya bagi perkara-perkara yang boleh berlaku di dalam pemasangan kabel, benda itu semuanya berlaku di dalam tanah, mungkin pada masa pegawai itu ada, dia pasang kabel yang dikehendaki. Apabila sehari penyelia tidak datang, dia pasang kabel yang berharga murah. Ini boleh berlaku dan keadaan ini berlaku kepada kontrak-kontrak binaan. Pada masa penyeliannya datang atau pegawainya datang, dia bubuh simen yang cukup mengikat keadaan yang dikehendaki, apabila tidak datang dua hari maka simennya telah berlainan dan campurannya adalah kurang. Ini berlaku. Dalam perkara ini juga harus mendapat kawalan daripada pihak Jabatan ini. Walaupun ini merupakan satu Jabatan yang hanya mengawal selia sahaja tetapi ia merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menentukan bahawa ia berjalan dengan baik dan boleh menguntungkan serta tidak merugikan pihak ramai khususnya pihak Kerajaan sendiri.

Selain daripada itu juga di dalam penswastan ini, walaupun pada peringkat awal sahamnya dimiliki oleh Kerajaan tetapi di dalam satu masa benda ini akan berubah kepada syarikat. Syarikat-syarikat yang hendak memiliki saham ini mestilah syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang kaya dan syarikat-syarikat yang banyak wang dan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin akan tetap berada dalam keadaan kemiskinan.

Oleh kerana syarikat pengganti ini merupakan jaminan Kerajaan, yang paling penting bagi Kerajaan ialah kemampuan syarikat itu. Bukan kemampuan dari segi kewangan, kalau kemampuan dari segi kewangan maka banyak syarikat yang kaya-kaya akan mendapat keuntungan daripada penswastan ini tetapi ialah dari segi kemampuan dan kebolehan di dalam mengurus syarikat itu adalah penting untuk memberi atau memiliki di dalam penswastan ini. Kerana kita tahu kadang-kadang syarikat yang telah berjaya, berpengalaman, besar, ia telah mempunyai bebanan yang lain, sebab ia boleh jadi kaya, sebab syarikatnya telah besar, ia telah ada bebanan yang lain. Jangan kita menyerahkan satu beban yang lain pula.

Misalnya kalau satu syarikat A memiliki TV3, janganlah syarikat A juga untuk mendapat perkhidmatan telekomunikasi ini atau swasta jalan umpamanya, kadang-kadang syarikat A pun boleh, lepas itu kepada syarikat B, dan seterusnya kepada syarikat C tetapi akhirnya semuanya dalam group X. Serupa juga dua kali lima, lima kali dua, akhirnya pusing sana, pusing sini, orang yang untung akan bertambah untung, orang yang rugi akan menanggung kerugian dan tidak akan mendapat sesuatu faedah daripada penswastan apa yang diharapkan oleh Kerajaan sebenarnya.

Perkara ini berlaku dalam Kerajaan kita sekarang dan perkara ini tidak akan berlaku pada penswastan ini. Kita tidak akan dapat tudung perkara yang benar dan perkara yang berlaku kerana perkara ini merupakan percakapan umum dan telah dibincangkan di mana-mana dan kita tidak dapat menafikan bahawa pemilihan untuk menyertai penswastan ini tidak secara mendadak atau secara melulu atau secara tekanan bagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Selangor tadi, biarlah benda ini tidak akan merosakkan Kerajaan tetapi boleh menguntungkan negara dan janganlah imej Kerajaan terjatuh dengan sebab untuk penswastan ini diberi kepada satu-satu pihak tertentu untuk memberi faedah kepada mereka tersebut.

Selain daripada itu saya menyokong penuh tentang pegawai-pegawai dan juga kemudahan pencen ini tidak akan dikurangkan tetapi Jabatan Telekom ini merupakan jabatan

yang lawa dan janganlah beban yang ada di Jabatan Telekom itu hendak diserap kepada Jabatan Kerajaan. Kita tidak menyatakan semua tetapi mungkin ada sebilangan keccil yang penswastan ini tidak patut menerima orang-orang tertentu daripada Jabatan Telekom ini hendak dipindahkan ke dalam penswastan ini kerana apabila disebut penswastan yang penting ialah dapat menjamin kecekapan (efficiency) dalam perkhidmatan itu. Jadi, inilah cara Kerajaan akan memberhentikan mana-mana pegawai-pegawai yang tidak memberi perkhidmatan yang baik walaupun kita memberi pilihan tetapi tidak mesti pilihan itu diberi pertimbangan kalau perkhidmatan selama bertahun-tahun di dalam Jabatan Telekom ini tidak memberi perkhidmatan yang baik kerana kita tidak mahu memindahkan beban Jabatan Telekom ini kepada penswastan ataupun syarikat pengganti ini. Inilah satu cara bagaimana syarikat ini akan dapat menjalankan urusannya dengan lebih cekap dan baik lagi.

Dengan itu saya menyokong penuh penswastan ini dan berharap ianya akan memberi keuntungan dan kebaikan kepada kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu syarikat ini tidak akan mempunyai hak dalam memiliki tanah. Dan setengah-setengah tanah pula akan diberi untuk penggunaan kepada syarikat ini. Tetapi hendaklah penggunaan tanah ini tidak akan diberi kebebasan seluas-luasnya untuk digunakan bagi tujuan pembangunan. Biarlah penggunaan tanah ini diperuntukkan untuk telekom ataupun untuk telekomunikasi yang tidak akan dipergunakan untuk kepentingan-kepentingan lain. Ini adalah lebih baik kerana setengah-setengahnya kalau ada tanah kosong itu lebih hendak cari keuntungan lebih melibatkan syarikat itu di dalam pembinaan bangunan-bangunan pula. Misalnya banyak syarikat-syarikat. Saya tidak mahu contoh syarikat Kerajaan yang dibentuk dengan satu tujuan dan matlamat tetapi pergi beli kelapa sawit, pergi buat bangunan bertingkat-tingkat. Dengan ini matlamat Kerajaan telah lari. Akhirnya beban yang kecil untuk membantu orang-orang tertentu ini telah ditinggalkan tetapi beban untuk membayar hutang bangunan yang bertingkat-tingkat, untuk membayar ladang-ladang kelapa sawit yang beribu-ribu ekar itu merupakan satu beban baru yang

akan ditanggung oleh Kerajaan. Perkara ini juga patut diawasi supaya penggunaan tanah ini akan benar-benar digunakan untuk telekomunikasi, bukan digunakan untuk kepentingan lain dan melibatkan syarikat ini kepada kegiatan lain yang boleh menambahkan beban kepada syarikat tersebut. Biarlah kalau syarikat ini dibebankan dengan telekomunikasi bebannya ini sahaja. Jangan bebankan dengan bangunan tinggi, dengan ladang-ladang, dengan pembelian gedung-gedung dan sebagainya yang ini akan merupakan beban kepada syarikat pengganti ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Bagaimana kalau sekiranya kalau membeli ladang kelapa sawit ataupun apa-apa yang dibuat itu memberi untung. Agaknya macam mana pendapat Yang Berhormat, adakah boleh dilakukan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tadi sudah habis, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya beri penjelasanlah. Sebenarnya walaupun ladang kelapa sawit ini boleh menguntungkan syarikat tetapi biarlah syarikat lain yang membelinya. Sebab yang kita swastakan sekarang ialah telekomunikasi kalau kita kata Lembaga Urusan dan Tabong Haji, Lembaga Urusan dan Tabong Haji; kalau kita katakan swastakan untuk TV3, jangan TV3 itu pergi beli pula ladang kelapa sawit. Biarlah satu syarikat lain pula yang membeli kelapa sawit ini tidak apa. Jangan kita membebankan satu syarikat dengan beban yang banyak ini akan menyusahkan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.16 ptg

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini saya tidak dapat bukti yang menyentuh aspek keselamatan. Yang cuma ada security-security berkenaan dengan harta dan saham, tidak kena mengena dengan keselamatan yang penting. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, di Jepun telekomunikasi telah digunakan dengan sepenuhnya terutamanya oleh syarikat-syarikat raksaksa. Syarikat raksaksa Jepun ini mempunyai sistem komunikasi yang terbaik di dunia. Dan mereka dapat memungut butir-butir dan maklumat-maklumat daripada hampir seluruh dunia untuk kegiatan-kegiatan perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Sebab itulah mereka dapat menjalankan perniagaan dan perdagangan dengan lebih efektif dan lebih berkesan daripada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelengkapan yang moden banyak perkara yang dapat dilakukan melalui telekomunikasi dan di sini dengan adanya syarikat pengganti bolehkah Kerajaan menjamin bahawa keselamatan di dalam negeri tidak terjejas. Misalnya bolehkah Kerajaan memastikan bahawa syarikat pengganti ini tidak akan mengganggu dan mengelirukan telekomunikasi Angkatan Tentera Malaysia terutamanya semasa darurat dan perang. Dan adakah Kerajaan menyiasat kemungkinan syarikat pengganti ini melalui kelengkapan yang moden, mengintip rahsia-rahsia negara?

Perlu diperingatkan bahawa syarikat pengganti ini yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah syarikat yang besar mungkin mempunyai pertalian multi-national dan bolehkah Kerajaan menjamin bahawa syarikat pengganti ini tidak tertakluk kepada syarikat multi-national, bukan tertakluk kepada negara ini. Ini satu aspek yang saya berharap Kerajaan dapat meneliti dengan sedalam-dalamnya. Dan saya pun tidak tahulah mengapa ini tidak masuk di dalam Rang Undang-undang yang begitu penting ini. Saya menekankan sekali lagi kami tidak mempunyai masa yang mencukupi dan saya pun percaya Kementerian sendiri tidak mempunyai masa yang cukup untuk meneliti isu keselamatannya, hampir tidak ada bukti yang menunjukkan aspek ini disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 3, yang memperuntukkan bahawa:

“3.(1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh pemindahan dan pada tarikh itu, semua harta, hak dan liabiliti berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk sebelum sahaja tarikh itu, hendaklah menjadi, menurut kuasa seksyen ini, harta hak-hak dan liabiliti-liabiliti syarikat pengganti.”

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan yang disebutkan di sini tidaklah begitu jelas. Adakah pemindahan yang dijalankan secara berperingkat-peringkat atau secara beransur-ansur selepas ditandatangani suatu perjanjian pemindahan pada tarikh pemindahan yang akan ditetapkan ini, atau adakah perundingan-perundingan sudah diselesaikan sebelum itu dan pada tarikh yang ditetapkan itu pemindahan rasmi sahaja diadakan. Jika ianya begini, adakah pihak awam akan diberitahu tentang kemajuan setiap perundingan yang diadakan? Di sini tidak disebutkan mengenai sifat syarikat pengganti itu.

Perkhidmatan telekomunikasi merupakan sejenis industri yang mempunyai, dengan izin, natural monopoly, Tuan Yang di-Pertua, di mana ianya memerlukan saham modal berjuta-juta ringgit, mungkin juga dalam tahap berbilion-bilion ringgit. Oleh yang demikian, langkah-langkah untuk memastikan yang status monopoli tidak akan dieksploitasikan harus diadakan untuk menjamin kepentingan pihak awam. Selain daripada itu, adakah syarikat pengganti merupakan sebuah syarikat unggul sahaja yang mempunyai kepentingan pihak segelintir orang. Kita harus mengingati bahawa tujuan penswastan ini ialah supaya kemudahan-kemudahan telekomunikasi yang lebih baik dan yang mempunyai teknologi-teknologi yang lebih maju sekaliannya dapat dinikmati oleh pihak awam, hasil daripada kekurangan tenaga buruh yang pakar dan modal pihak Kerajaan untuk memajukan bidang ini. Oleh itu perkara-perkara atau point kemasukan bagi

mereka yang mempunyai alat penswastan sebegini tidak seharusnya diterhadkan kepada golongan yang tertentu, tetapi juga kepada pihak yang lain termasuk orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 mentafsirkan ‘tanah-tanah terkecuali’ dan Fasal 3 mentafsirkan ‘harta ditetapkan’. Di sini tanah-tanah terkecuali itu dinyatakan tidak dapat dipindahkan kepada syarikat pengganti kerana akan digunakan untuk maksud-maksud Persekutuan, berapakah luasnya bidang tanah sebegini yang akan disimpan dan apakah maksud-maksud Persekutuan untuk tanah Kerajaan ini. Walaupun Kerajaan akan menyediakan alternative yang lain bagi syarikat pengganti ini sekiranya didapati mereka memerlukan tanah untuk kegunaan mereka, adakah persediaan begini mengikut kesukaan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 6, memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memperolehi sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau apa-apa sekuriti mana-mana subsidiary syarikat itu atau hak untuk melanggakan sekuriti yang sedemikian dan berkenaan dengan pelupusannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Menteri Kewangan diberi kuasa untuk memperolehi sekuriti-sekuriti syarikat pengganti, adakah sekuriti-sekuriti ini terhad kepada satu tingkat sahaja atau tidak terdapat had. Sekiranya tidak ada hadnya, maka ini bermakna tidak terdapat perbezaan di antara pemilikan dan pengurusan. Perolehan security oleh Menteri Kewangan bererti bahawa penswastan ini tidaklah secara penuh, tetapi sebahagian sahaja, adakah ini benar? Ianya membawa maksud bahawa mungkin Kerajaan akan dapat kuasa untuk menguruskan syarikat itu, masalah-masalah seperti kordinasi dan penyesuaian akan timbul, hak yang diberikan kepada Menteri Kewangan untuk memperolehi sekuriti mana-mana subsidiary syarikat tidaklah merupakan satu insentif atau dorongan kepada syarikat swasta untuk menjadi syarikat pengganti, kerana ini akan menyebabkan mereka terlalul terdedah kepada pengaruh Kerajaan. Di sini saya tidak dapat tahu dan setelah meneliti Rang Undang-undang ini, saya kurang faham maksud Kerajaan dan tanggungjawab Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan melantik penama-penama untuk menjalankan fungsi-fungsinya yang tertentu. Adakah penama-penama ini bertanggungjawab dengan keputusan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan tugas mereka ini atau adakah tanggungjawab ini akan dibahagikan dengan Menteri Kewangan?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 8, yang memperuntukkan 'Struktur kewangan syarikat-syarikat pengganti', bagaimanakah Kerajaan akan mengelakkan daripada syarikat pengganti ini menjadi sebuah kes seperti kes Skandal BMF. Sekiranya industri telekomunikasi diswastakan, adakah Kerajaan mempunyai hak untuk menyelidiki semua akaun syarikat swasta itu. Inilah soal-soal yang pokok dan akhir sekali untuk hendak menekankan bahawa soal keselamatan hendaklah diperhatikan, kerana ini adalah penting bagi negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.28 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas keizinan yang diberikan untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia dan juga pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan ini kerana telah berusaha dan berjaya mengemukakan satu Akta yang dikenal dengan nama Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985.

Saya katakan begitu menerusi Akta ini kerana ia merupakan satu era baru dalam dekat 80an ke arah mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan Kerajaan selaras dengan kewujudannya sebagai sebuah negara yang pesat

membangun seperti Malaysia. Dan menerusi Akta ini juga bermakna akan menambahkan lagi bilangan dan jumlah Jabatan-jabatan Kerajaan di dalam memasuki bidang penswastaan sebagaimana saranan dan hasrat Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir.

Kita tahu pada masa ini tak salah saya bahawa MAS adalah salah sebuah jabatan yang sudah diswastakan dan seluruh rakyat di negara ini merasa bangga melihatkan perkhidmatan cemerlang yang ditunjukkan oleh MAS sebagai sebuah badan swasta. Kecemerlangan ini ialah jika dibandingkan dengan lain-lain syarikat penerbangan di dunia ini yang wujud dan bergerak atau beroperasi sezaman dengannya, mungkin ada syarikat-syarikat penerbangan yang lebih bagus dan lebih baik, tetapi kebanyakan daripada syarikat-syarikat itu telah wujud begitu lama di dalam bidang penerbangan atau syarikat penerbangan ini.

Apa yang saya harap bahawa sekiranya, dengan izin Allah, Jabatan Telekom ini sama ada sebahagiannya atau semuanya diswastakan, ianya akan dapat mengikut jejak langkah yang ditunjukkan oleh MAS. Kalaupun tidak ianya dapat menandingi kecemerlangan, kejayaan yang ditunjukkan oleh MAS, sekurang-kurangnya kita berharap dan rakyat berharap syarikat ini kelak akan dapat menyamai apa yang telah dicapai oleh MAS itu. Ini bermakna bahawa mana-mana juga syarikat yang dibentuk kelak akan memikul beban yang berat, cabaran yang tinggi bagi mengekal dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara.

Akta Perkhidmatan Telekom ini juga sebagaimana telah diperkatakan oleh ramai sahabat-sahabat saya adalah ekoran daripada konsep penswastaan itu dan tujuan hakikinya telahpun sama-sama kita maklum bahawa tujuan kita menswastakan sesuatu Jabatan Kerajaan ialah untuk meringankan bebanan Kerajaan di dalam masalah membina, mengurus, menyelia sesebuah jabatan itu, lebih-lebih lagi di dalam suasana keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini.

Selain daripada itu, oleh kerana hendak memenuhi tanggungjawabnya terhadap orang ramai supaya Jabatan-jabatan Kerajaan akan dapat memberikan sebaik-baik perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Tetapi walau bagaimanapun, sebagai manusia yang bersifat baru sudah pasti ianya tidak akan dapat memenuhi 100% kehendak setiap individu yang ada di negara ini.

Saya tekankan perkara ini kerana Wakil dari Kota Melaka telah menegaskan di dalam Dewan ini bahawa dengan adanya penswastaaan ini bolehkah memberikan perkhidmatan yang baik? Itulah soal dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, jawabnya, memang itulah azam kita tetapi soal boleh atau tidak, maka amatlah susah untuk dinilai kerana manusia biasanya selalu kalah dengan kehendak nafsu ataupun iblis dan syaitan. Inilah selalunya sifat manusia. Manusia yang sudah ditunggangi oleh nafsu ini memang tidak puas, kata orang tua-tua Melayu: Beri betis hendak paha, beri paha ....., tak berjawab, sampai bilapun tak puas. Kita beri baik macam manapun dia kata tak baik juga. Inilah masalah manusia. Cuma manusia yang di dalam Islam dia kata 'insan yang kamil', manusia yang sempurna, ianya faham bahawa apa sahaja yang berlaku terhadap dirinya, sama ada baik atau buruk, maka dia reda, terima itulah pemberian Allah. Orang ini sahaja yang tahu berpuas hati, bermakna bersyukur kepada Allah. Tetapi manusia yang tidak dikawal oleh iman, maka dia bukan 'insan yang kamil' dan manusia ini sememang tidak ada kuasa di dalam dunia ini walau bagaimana kaya, walau bagaimana kuat, dapat memenuhi kehendak setiap individu rakyatnya. Sekalipun DAP memerintah, harap tidaklah, insya Allah dia pun tak dapat memberi sepenuh kehendak setiap individu rakyat. Ini hakikat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya konsep penswastaaan ini maka kita berharap perasaan sikap tanggungjawab Jabatan Telekom ini tidak berubah. Janganlah hendaknya sekarang kita sudah rihat (relax), kerja itu sudah beri kepada syarikat, kita goyang kaki sahaja. Ini saya harap tidak begitu kerana apa yang kita buat ini dikatakan tadi untuk menolong meringankan bebanan kewangan Kerajaan, itu sahaja. Dan saya berterima kasih sebenarnya Yang Berhormat Menteri telah menerangkan

tentang fungsi Jabatan ini. Jadi tujuannya membuat ini untuk membolehkan supaya syarikat ini mengendali, menguruskan perkhidmatan ini, tetapi ini jaminan yang dibuat oleh Menteri, saya merasa bangga, untuk menyelia dan mengawal supaya syarikat ini benar-benar dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat akan tetap dijalankan oleh Jabatan ini — syabas. Inilah menunjukkan satu Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap rakyat dan negara walaupun DAP mengatakan selalu tak tanggungjawab, tetapi saya kata bertanggungjawab atas hujah yang saya kemukakan, bukan sentimen kerana Ahli UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana termaklum dan sebagaimana pendapat ahli-ahli ekonomi dan juga pendapat ahli-ahli masyarakat bahawa apabila sebut syarikat, konsepnya berniaga dan bila sebut berniaga, dia mahu untung. Inilah satu perkara yang menimbulkan sedikit rasa kerisauan kepada rakyat apabila Jabatan Telekom ini diwastakan kerana pada masa ini kita tahu di kampung-kampung oleh sebab Kerajaan ingin mempertingkatkan mutu hidup rakyat yang dahulunya tak pernah pegang gagang telefon ini, sekarang hendak diberi sepertimana orang di bandar juga, maka banyakkah pondok-pondok telefon awam didirikan di ceruk rantau di negara kita. Jadi yang menjadikan kerisauan tadi oleh sebab kita tengok pondok-pondok telefon di kampung-kampung ini, saya tak tahulah apakah sebabnya, bukanlah semua, setengah-setengahnya selalu rosak. Rosak ini setengahnya sengaja dirosakkan oleh setengah-setengah orang, barangkali kerana kurangnya didikan, kurangnya semangat kekitaan, dia kata ini Kerajaan punya, rosak tak apa, esok diperbaiki lagi ataupun sengaja ada orang yang suka tabiatnya merosak-rosakkan benda, bila ia rosak maka sudah tentulah orang-orang lain yang berkehendak menggunakan telefon ini terpaksa terhalang dan tidak dapat menggunakannya, maka untuk meneruskan perkhidmatan ini seringkali perkara ini dilaporkan kepada Jabatan Telekom supaya dapat segera diperbaiki.

Dan kalaulah telefon awam ini di kampung-kampung, walaupun dimasukkan wang tetapi banyak mana sangat orang kampung ini hendak pakai, tetapi mustahak. Sungguhpun wang

tidak banyak kita terima dan tempat rosak tinggal di pendalaman sudah tentulah kos untuk penyelenggaraannya tinggi. Jadi, jika sekiranya dikaji dari segi konsep sebuah syarikat yang berfungsi perniagaan tadi sudah tentulah dia kata ini lebih banyak modal daripada untung. Belanja hendak pergi mengurus telefon-telefon awam ini banyak sedangkan bukanya di dalamnya, setengah yang tak rosak itu ada berapa kupang sahaja didalamnya. Ini tak jadi. Dengan sebab itu dia pun lemah semangat. Apabila perkara-perkara ini dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan supaya segera diperbaiki telefon-telefon yang rosak ini kita bimbang kurang diberi perhatian oleh sebab kurang untung tadi.

Di dalam masalah ini saya menyokong salah seorang sahabat saya tadi yang telah bercakap terdahulu daripada saya supaya pihak syarikat ini jika ianya telah dipilih dan menjalankan operasinya hendaklah bersedia memberikan pengorbanan untuk kepentingan orang ramai terutamanya kepada telefon-telefon awam yang ada di merata-rata kampung-kampung ini. Barangkali kalau telefon awam yang ada di bandar-bandar ini tidaklah begitu sukar sangat kerana tempatnya senang dilihat dan duduknya dalam sekitaran bandar, kawasannya dekat tetapi bagi telefon di luar-luar bandar ini memang saya kata tadi menghadapi risiko yang tinggi, kosnya yang banyak. Kalau hendak kira untung rugi memanglah kalau sudah rosak itu lebih baik tak usah dibaiki, kita memang rugi; tetapi inilah harapan saya supaya Kerajaan dapat menekankan di samping mencari keuntungan, mereka juga mestilah bersedia berkorban untuk kepentingan rakyat kerana mereka mestilah sedar.

Kalau rakyat sudah hidup dalam tenteram, dia telah rasa mendapat layanan yang baik maka sudah tentu tidak menimbulkan apa-apa kekacauan, negara kita aman, bila negara aman barulah boleh syarikat ini menjalankan perniagaannya dengan baik. Kalau negara huru-hara apa dia hendak harap, tentulah dia akan menanggung kerugian yang besar terus-menerus. Jadi, dia mestilah ingat sungguhpun rakyat ini orang miskin tetapi sumbangan mereka, sikap mereka itu membantu mempertingkatkan operasi dan juga pendapatan mana-mana juga syarikat termasuklah syarikat yang

mengendalikan telekom ini di masa akan datang. Ini jangan lupa. Kalau satu, dua rakyat buat pesona bangun memberontak sudah tentu Telekom tidak dapat berjalan, perniagaan lain tidak dapat berjalan dan di mana kita harapkan untung. Jangan fikir rakyat itu tidak membantu menolong meningkatkan pendapatan kita pada keseluruhannya. Inilah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini kerana di dalam fasal 9, kalau kita baca di dalam fasal 9 (2) berbunyi:

“Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh pemindahan”

Ini adalah satu langkah yang positif dan sikap yang sungguh membina kerana dapat memberi satu jaminan kepada pekerja-pekerja yang sudah bersedia untuk memilih berkhidmat di dalam syarikatnya di masa akan datang dan Kerajaan tidak memaksa menawarkan dia. Awak suka masuk, masuk; awak tak suka masuk, tinggalkan. Ini adalah satu sikap yang sederhana dan tidak menekan dan sikap ini selalu saya tekankan di Dewan ini merupakan satu sumber kejayaan kita dalam membina sebuah negara yang makmur dan masyarakat yang harmoni sikap toleransi, sikap bertimbang rasa dan kita mesti teruskan. Setiap kali kita membuat Akta sikap seperti ini hendaklah dimasukkan sebagai satu ciri ke arah pembangunan negara pada keseluruhannya. Saya tahniah kepada Kementerian ini kerana memasukkan ciri ini walaupun nampaknya kecil tetapi implikasinya sangat besar ke arah pembangunan negara dan bangsa seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya dan juga harapan rakyat yang saya wakili, syarikat ini kelak hendaklah bersedia mengenalpasti akan masalah-masalah yang sering kali dialami oleh

rakyat di negeri ini di dalam penggunaan telefon ini kerana dengan mengenalpasti akan masalah-masalah ini ibarat seorang doktor dapat mengenalpasti akan penyakitnya barulah boleh mereka mencari ubat yang mujarab. Kalau tak mujarab satu, yang kedua, yang ketiga dan seterusnya tetapi mestilah mengenalpasti akan masalah ini merupakan satu perkara pokok waktu syarikat ini hendak menjalankan operasinya kelak.

Umpamanya bagaimana masalah yang dihadapi tentang kelewatan mendapat bekalan telefon hingga hari ini yang kita tahu beribu-ribu orang masuk dalam list menunggu. Mengapa? Ini mesti dikaji, dianalisis dan dari awal-awal lagi bersedia menyelesaikan masalah mengapa ramai orang yang masuk dalam list menunggu ini, mengapa dan kalau boleh dari masa ke semasa bilangan penunggu-penunggu ini akan dapat dikurangkan dan dengan demikian terbukti bahawa konsep pencswastaan ini benar-benar dapat memberi manfaat dan mencapai objektifnya yang sebenar. Kalau bilangan penunggu masih bertambah tahun demi tahun lebih banyak daripada apa yang wujud sekarang ini, pada hemat saya syarikat itu sudah gagal mencapai objektifnya yang sebenar.

Yang kedua, mengapa pengguna-pengguna telefon ini selalu bersungut waktu bercakap mendapat gangguan-gangguan. Kadangkala bila kita angkat telefon kita dengar orang berbual-bual dan kalau kita boleh dengar orang berbual-bual pada tanggapan kita, kita bercakap pun orang lain tentu boleh dengar. Kalau begitu keadaan di manakah letaknya rahsia-rahsia kita dan kalau orang awam bersimbang biasa hendak menjemput makan kenduri kahwin, itu tak mengapa. Kalau seorang pegawai keselamatan bercakap dengan seorang pegawai keselamatan, orang lain boleh dengar; kalau saya dengar tak mengapa, kalau didengar oleh kumpulan Pasukan Gerakan Bawah Tanah apa cerita? Lain maknanya. Saya dengar lain maknanya. Ini selalu berlaku.

Kadang-kadang menyeronokkan juga, kita telah runsing-runsing, bila dengar orang berbual-bual terutama orang-orang sedang berkasih-kasih, bukan main bahasanya, seronok juga. Jadi ini perlu dikenal pasti di mana letaknya yang boleh jadi begini.

Dan satu lagi susah hendak dapat telefon, saya bukan kata pegawai-pegawai ini tidak bagus, tetapi ini di luar bidang pengetahuan mereka. Ini perlu dikaji. Umpamanya, saya selalu bercakap daripada Grik ke Kroh di Hulu Perak. Jaraknya lebih kurang 30 batu lebih sedikit. Orang-orang di Grik, sekarang saya jarang telefon daripada Grik dia lebih suka pergi berurus dari Jabatan di Grik, ini dengan Kroh menerusi menggunakan motokar. Ada orang bertanya fasal apa bodoh, bukankah senang pakai telefon, eh, senang, sebenarnya untuk menjaga prestasi perkhidmatannya dia terpaksa buat kerana ada orang sudah pergi ke Kroh dan balik, orang ini masih belum dapat telefon, yang kita sudah selesai kita punya kes. Jabatan kita sudah settle siap, dia belum dapat jawab lagi kerana dia pakai telefon. Telefon punya fasal prestasi perkhidmatan jabatan menurun, baik gunakan motokar cepat selesai. Kamu selesai, selesai sudah, kamu buat macam mana, aku pergi sendiri, telefon, tidak guna telefon, condemn telefon. Ini mesti juga dikenal pasti mengapa sampai begitu sukar.

Barangkali semua ini kepada pegawai-pegawai telefon yang bijaksana sudah ada jawabannya, barangkali adalah masalah teknikal, masalah hendak duit dan sebagainya, masalah kurang pegawai tidak cukup, macam-macam. Ini saya harap tolong beritahu kepada pihak syarikat yang akan menjalankan, selain daripada kajian yang mereka lakukan, ataupun mungkinkah pengetahuan yang ada pada kita ini tidak sampai ke peringkat hendak membaiki keadaan-keadaan ini? Kalau ini saya tidak tahu hendak jawab melainkan tambah ilmu lagi.

Inilah perkara-perkara yang perlu sebagai contoh kalau kita mahu melihat perjalanan atau operasi syarikat yang bakal mengambil alih dan tanggungjawab dalam perkhidmatan telekomunikasi ini mengenal pasti akan masalah-masalah itu.

Dan selain daripada itu, saya berharap juga kerana ini sudah menjadi kebiasaan di dalam mana-mana negara bahawa oleh sebab keadaan itu selalu berubah-ubah, kemahuan manusia juga kadang-kadang bertambah, ini memerlukan pengetahuan-pengetahuan, pengalaman

yang lebih. Maka dengan sebab itu, saya berharap supaya syarikat itu kelak dari awal-awal lagi merancang satu program latihan yang sempurna kepada kakitangan-kakitangan mereka dan latihan-latihan mereka itu hendaklah diselaraskan dengan kemajuan telekomunikasi di negara-negara yang maju di dunia ini.

Dengan adanya usaha-usaha ke arah memberikan latihan-latihan yang wajar kepada kakitangan dari semasa ke semasa sudah pasti syarikat ini akan dapat memberi sebaik-baik perkhidmatan setanding dengan perkhidmatan yang dibuat oleh negara-negara maju dalam perkhidmatan telekomunikasi di dunia ini.

Inilah yang kita harap. Kalau ini berjaya, maka bertambah lagilah kecemerlangan dan nama baik negara kita di sisi masyarakat antarabangsa. Kita tidak hendak pelancung-pelancung yang datang ke negara kita amat sukar untuk membuat perhubungan dengan rakan-niaga mereka di mana-mana juga bahagian dunia ini ataupun lebih-lebih lagi kepada keluarga mereka yang ada di kampung kerana ini menjadi kebiasaan sebagai satu tanda kasih sayang kita kepada keluarga kita bila sampai di luar negeri, yang pertama kita hendak telefon balik ke rumah mengatakan kita ini selamat, supaya orang rumah yang kita tinggalkan, keluarga kita yang tinggal sentiasa berada dalam keadaan yang tenteram, dia tidak bimbang, kalau isteri yang tinggal, isteri sudah rasa seronok kerana abang atau suaminya selamat sampai ke tempat yang dituju. Dalam mengekalkan kasih sayang ini kita tidak kira, saya sendiri umpamanya satu ketika saya sampai di London, saya telefon balik ke kampung seronok bercakap, dua minggu tinggal rumah \$450, bayar tidak mengapa \$450. Jadi kita hendak keadaan macam ini juga bila orang-orang luar datang ke negara kita boleh bila-bila masa boleh bercakap dengan keluarga mereka di Afrika, di Eropah, di Amerika di mana-mana sahaja, kalau macam itu dia kata 'Malaysia best', kalau panggil diajak dia melancung dia senang.

Kalau di sini hendak balik berhubung ke rumah saya bukan hendak sebut, ada satu negara, saya segan hendak sebut, bila saya sampai ke negara itu, empat hari empat malam di negeri itu dekat sahaja buat kontek di rumah

tidak dapat, dalam hati saya, saya marah, negeri ini cukup koman, empat hari tunggu hendak bercakap telefon, tidak dapat. Padahal kalau kita bercakap macam negeri yang jauh dari Tokyo, dari Seoul kita dengar macam di balik dinding sahaja tetapi negara itu dekat empat hari tunggu tidak dapat bercakap, hendak bercakap tidak dapat, jangan Malaysia jadi macam itu. Kalau saya menyumpah negara itu maka orang negara luar menyumpah negara Malaysia, lebih-lebih kalau sudah swasta. Kita kata apa tujuan awak swastakan, kerana beri perkhidmatan yang baik. Tahi kucing, kata orang kampung, ini bahasa tahi kucing ini maknanya rendah. Digunakan bahasa tahi kucing ini, di tempat sayalah. Tengok hendak bercakap, tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat, tahi kucing?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ya, dia kata tahi kucing, maknanya rendah — tidak bergunalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tahi anjing macam mana?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tidak ada, tahi anjing tidak masuk dalam peribahasa. Jadi itulah harapan saya. Kemudian harapan saya pula kepada Jabatan Telekom sebagai kata saya pada awal ucapan saya tadi bahawa pihak ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak payah tengok jam, sila teruskan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Sebab saya tidak sembahyang Asar lagi, disebabkan telah dijanjikan oleh Menteri tadi akan menyelia. Jadi kalau hendak menyelia ini cukup senang tetapi sebenarnya orang yang hendak menyelia ini dia mesti lebih pandai daripada orang yang membuat kerja, kalau tidak pandai ditipunya. Dengan sebab itu, jabatan ini juga janganlah lalai daripada mengadakan program latihan. Kalau boleh saya hendak cadangkan supaya mengadakan satu unit khas kerja menyelia, mereka ini mesti diberi pengetahuan yang cukup di dalam bidang-bidang telekom ini.

Jadi mereka ini hendaklah dihantar bukan sahaja ke negeri-negeri, kalau boleh ke daerah-daerah supaya mereka ini benar-benar dapat memberikan penyeliaan yang berkesan kepada operasi-operasi yang dibuat oleh syarikat ini. Janganlah kita fikir, kita tak buat sekarang, kita hendak lantik orang yang baru lulus daripada sekolah boleh jadi Penyelia. Apa yang dia tahu? Apa yang dia hendak selia? Soal-soal teknikal dalam Telekom itu dia pun tak tahu.

Oleh itu mestilah diberi pengetahuan yang cukup melalui satu skim latihan dan unit-unit khas ini perlu diadakan dan untuk mendapat penyeliaan yang sempurna, saya rasa tidak memadai dengan hanya mengadakan pegawai yang dianggap cekap, terlatih, dedikasi atau bertanggungjawab semata-mata-mata, melainkan kita berkehendakkan kerjasama daripada orang ramai.

Untuk mendapat kerjasama daripada orang ramai dengan berkesan, kalau boleh saya mencadangkan patut diadakan satu peti aduan di mana rakyat boleh menulis kepada umpamanya Peti Surat Nombor 777. Ceritakan apa yang tak bagus. Jadi Pasukan Unit Penyelia ini boleh ambil maklumat-maklumat daripada sini, kemudian bolehlah melihat apakah aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai.

Dengan adanya kerjasama daripada orang ramai itu, dengan adanya sikap dedikasi, pengetahuan yang sempurna bagi kakitangan di Jabatan Telekom ini dan juga dengan adanya semangat pengorbanan dan keikhlasan di syarikat ini, maka objektif kita untuk mencapai satu perkhidmatan telefon yang berkesan, baik dan sempurna kepada rakyat dan negara ataupun kepada seluruh manusia sejagat insyaAllah lambat laun akan tercapai.

Maka dengan ini, saya menamatkan ucapan saya dan menyokong dengan sepenuhnya atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*6.03 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, apabila Yang Berhormat Menteri menggulungperbincangan dalam Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) 1985, beliau gagal memberi satu jawapan yang terang sama ada Kerajaan-ebelum mengambil keputusan untuk menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ada buat satu kajian, sama ada kecekapan perkhidmatan telekomunikasi boleh dicapai dengan satu bentuk organisasi yang berlainan daripada Jabatan Telekom ialah sebagai satu Corporation oleh kerana ada contoh di mana corporation ada berjaya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab memberikan perkhidmatan telekomunikasi di lain-lain negara di dunia ini.

Saya bertanya lagi sekali soal ini oleh kerana soal pokok ialah sama ada penswastakan telekomunikasi akan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, yang lebih baik daripada sekarang.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas ada berkata bahawa itulah tujuan kita, tetapi tak tahulah sama ada boleh atau tak boleh capai, ada iblis atau syaitan dan lain-lain, tetapi sebagai sebuah Dewan yang mulia yang diminta untuk buat keputusan sama ada mahu menswastakan telekom kita mahu satu jawapan yang terus terang sama ada perubahan ini akan mengakibatkan perkhidmatan yang lebih cekap, yang lebih baik dan bukan sekadar itu harapan kita, tak tahu boleh berjaya atau tidak boleh berjaya. Kalau itu sikap kita, saya rasa kita sudah cuai, kita sudah lalai dalam tanggungjawab kita untuk menjaga kepentingan orang ramai dan kepentingan negara.

Soalnya sekarang sama ada bolehkah Kerajaan memberikan jaminan dengan penswastakan perkhidmatan telekomunikasi akan lebih cekap, lebih murah, lebih baik, lebih accountable dan bukan kita akan mewujudkan satu badan private monopoly menggantikan public monopoly sekarang yang lebih tidak sensitif kepada hasrat-hasrat rakyat, yang akan lebih menjadi beban besar kepada rakyat, bukan kepada Kerajaan tetapi kepada rakyat oleh kerana kos-kos yang lain yang akan meningkat.

Sekarang pun selepas Kerajaan mengumumkan tujuan mengenai penswastaaan ada beberapa bahagian perkhidmatan telekomunikasi pun sudah diswastakan dan daripada apa yang kita boleh lihat daripada prestasi ini, kita tidak boleh dapat kepercayaan bahawa penswastaaan yang sepenuhnya akan dengan terus terang membawa faedah kepada rakyat daripada semua segi.

Dalam bulan Oktober, 1983 pihak Telekom ada swastakan kerja untuk pasang talian-talian telefon dan kalau saya tidak silap dalam bulan Oktober, 1983 Telekom ada memberikan kontrak-kontrak kepada 4 syarikat pemborong bumiputera untuk memasang 1.76 juta talian telefon dengan berharga, bernilai \$2.5 billion dan daripada langka itu pro rata harga untuk pasang satu talian telefon ialah \$1,443. Kalau angka ini tidak begitu tepat, Yang Berhormat Menteri boleh betulkan. Daripada kontrak itu untuk menswastakan kerja untuk pasang talian telefon harganya ialah \$1,443 untuk satu 'telephone line' atau 'cable pair', dengan izin, tetapi Telekom sendiri apabila memasang talian-talian telefon tidak perlu kos yang begitu tinggi, kos Telekom sendiri ialah \$674. Kalau angka-angka ini benar dan saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak akan menafikan bahawa angka-angka ini adalah didapati daripada satu laporan yang ada dikeluarkan mengikut angka-angka yang dibuat oleh Telekom yang menunjukkan bahawa selepas penswastaaan sebahagian perkhidmatan telekomunikasi kos-kos lebih tinggi, lebih dua kali lipat ganda.

Sungguhpun mungkinlah lebih cepat sedikit, tetapi kalau kos-kos atau peruntukan untuk Telekom pun ada ditambah dua kali atau tiga kali mungkin kerja itu boleh dijalankan dalam masa yang lebih pendek. Tetapi masalah ialah sama ada penswastaaan akan mengakibatkan kos-kos yang lebih tinggi dan menimbulkan satu lagi perkara dalam kontrak-kontrak untuk empat pemborong-pemborong bumiputera itu ialah bahawa tidak ada tender yang dipanggil apabila keempat-empat syarikat bumiputera itu diberi kontrak \$2.5 billion dibahagi kepada empat bahagian. Apa kriteria diadakan? Kenapa pemberian kontrak itu berbillion-billion ringgit dijalankan tanpa cara yang terbuka, dijalankan dengan restricted basis, dengan izin? Dan kalau itulah cara Kementerian Telekom

atau Kerajaan mengendalikan tugas-tugasnya apabila Telekom diswastakan, siapa akan dipilih untuk mengadakan saham-saham atau menjadi syarikat pengganti?

Kita ada banyak contoh. Dalam Wilayah Persekutuan, projek aerobus, beratus juta ringgit, satu syarikat bumiputera ada dipilih tanpa 'open tender'. Apa kriteria, apa basis dan lain-lain? Dan apa safeguard yang akan ada untuk mengelakkan penyelewengan, mengelakkan salahguna kuasa, mengelakkan segelintir orang yang ada hubungan yang baik dengan orang-orang yang tertinggi dalam Kerajaan atau Kementerian-kementerian berkenaan mendapat faedah. Saya tidak tahu kenapa Yang Berhormat Menteri begitu tergesa-gesa sehingga tidak mahu memberi Ahli-ahli Parlimen masa untuk kaji dan faham kandungan Rang Undang-undang mengenai penswastaaan Telekom. Adakah sekarang wujud orang-orang atau syarikat-syarikat yang menunggu untuk mengambilalih bahagian-bahagian atau untuk menjadi syarikat pengganti yang akan dinamakan Sistem Telekom Malaysia kalau tidak silap, STM. Dan harta STM apabila wujud bukan harta yang kecil.

Semalam saya ada cakap bahawa mengikut laporan Juru Audit, jumlah harta tetap atau fixed assets ialah \$2.6 billion, itu fixed assets. Tetapi apalah total assets Telekom. Adakah \$7 billion, \$8 billion dan kalau saya tidak silap, Yang Berhormat Menteri sendiri pun tidak tahu apa total assets oleh kerana ada beberapa merchant banking ada kaji, ada nilai sampai sekarang tak boleh capai apa total assets Telekom? Kalau sekarang sudah sampai tahu total assets, harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan ini apa total assets Telekom yang akan diswastakan, berapa? Yang pertama tahu atau tidak tahu? Kalau tahu, berapa dan berapa bahagian akan diswastakan. Dan itu satu angka yang besar mungkin selepas PETRONAS. STM akan wujud sebagai syarikat yang kedua besar sekali dalam negara ini. Apa safeguards sebelum lain-lain perkhidmatan diswastakan semacam mungkinlah Kementerian Pelajaran atau lain-lain bidang diswastakan.

Saya rasa ini satu perkara yang mustahak. Apabila satu syarikat wujud dengan kuasa yang begitu besar dan apabila ada harta berbilion-bilion ringgit, satu jenis kuasa tidak beza besar daripada kuasa yang ada dalam tangan Kerajaan. Dan apabila ada kuasa (power) mesti ada safeguard, monopoli, kontrol atas kuasa-kuasa telekomunikasi.

Kita ada lihat dalam dunia, satu kuasa amat besar (ITT), Syarikat Telekomunikasi di Amerika Syarikat, ada kuasa untuk mengguling Kerajaan Chile, Presiden Salvador Allende Gossens jatuhkan Kerajaan, private power. Kita sekarang di sini mahu sebenarnya pun mahu meluluskan satu Rang Undang-undang untuk mewujudkan private power. Apa, di mana countervailing power untuk menjaga kepentingan rakyat, untuk menjaga kepentingan negara. Dan kalau private power ini pakat dengan kuasa yang ada dalam Kerajaan jahanamlah kepentingan orang ramai, kalau ada conspiracy. Dan cara memilih sesiapa yang akan menjalankan, siapa yang akan menguasai syarikat pengganti. Tentulah akan mewujudkan satu sepakat private power ini dengan public power. Dan sebab itu saya rasa mustahak kita mahu lebih mendalam, kaji, faham implikasi penswastan perkhidmatan telekomunikasi bukan sahaja daripada segi masalah-masalah equiti, saham, kecekapan, kepentingan orang ramai, tetapi pun lebih besarnya kalau ada wujud private power yang begitu amat besar, apa safeguard, apa countervailing power. Yang Berhormat Menteri berkata Parlimen ini boleh jadi countervailing power. Dalam teori, ya. In fact, utter nonsense, Tuan Yang di-Pertua, utter rubbish, kalau itulah jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perenggan Fasal 9 mengenai bahawa pekerja-pekerja yang memilih untuk menjadi kakitangan-kakitangan syarikat pengganti tidak akan mendapati term dan syarat-syarat yang lebih kurang daripada apa yang mereka sekarang nikmati. Saya rasa sangat kesal bahawa sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk dibahas dan diluluskan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan tidak sekurang-kurangnya menghormati kesatuan-kesatuan yang berkenaan, Telekom, MTSU, supaya

memberi mereka masa untuk memberi pandangan. Memang mungkin ada beberapa mesyuarat diadakan dahulu tetapi sekarang Rang Undang-undang sudah digubal dan sekurang-kurangnya patutlah kesatuan-kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja Telekom patut diberi masa untuk kaji, menimbang Rang Undang-undang ini.

Saya mahu mengambil kesempatan ini untuk menanya Yang Berhormat Menteri sungguhpun di bawah Fasal 9 itu terma-terma dan syarat-syarat kakitangan yang memilih (opt) untuk masuk syarikat pengganti tidak akan dapat terma-terma, syarat-syarat yang lebih kurang, adakah Kerajaan masih tetap dalam jaminan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pekerja-pekerja Telekom bahawa pekerja-pekerja Telekom akan diberi satu ke dua tahun untuk membuat keputusan sama ada exercise option atau tidak bahawa mereka akan mengadakan satu tahun, dua tahun apabila bekerja dalam syarikat pengganti tahu menahu mengenai keadaan sebenar (actual) sebelum membuat keputusan? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan mengenai perkara ini oleh kerana tentulah ini juga akan involve satu perkara kepentingan pekerja.

Tadi saya ada menyebutkan mengenai mustahaknya bahawa kita juga menumpukan perhatian kepada consequent-consequent public apabila kita mewujudkan satu syarikat STM dengan kuasa yang begitu besar. Saya sebutkan begitu oleh kerana kalau saya tidak silap sebelum Kerajaan datang ke Dewan ini mengemukakan Rang Undang-undang untuk menswastakan Telekom ada syarikat-syarikat swasta sudahpun nampaknya berlagak sebagai syarikat yang ada kuasa untuk campurtangan dalam hal ehwal telekomunikasi. Bukankah benar bahawa ada syarikat swasta yang sudahpun berunding (consult) atau ada private consultant untuk mengkaji operasi-operasi Telekom sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan, sebelum Telekom diswastakan dan bukankah ini bererti bahawa ada orang-orang yang ada kuasa yang begitu tinggi mungkin dengan hubungan yang begitu baik dengan orang-orang yang kuat? Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri bolehlah menjelaskan beberapa masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Mas.

6.25 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Penganti) 1985 yang memberi kuasa supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan telekomunikasi dipindahmilik harta kepada satu syarikat swasta pada amnya sebagai satu dasar. Sebagai satu prinsip secara am langkah Kerajaan untuk menswastakan perkara-perkara mengenai telekomunikasi di negara ini adalah satu langkah yang baik memandangkan masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh negara kita pada masa ini oleh kerana akibat ekonomi dunia yang merosot. Oleh kerana itu, Kerajaan perlu membuat kajian dari masa ke semasa untuk mencari jalan bagaimana kita dapat meringankan beban-beban kewangan yang ada dengan Kerajaan pada masa ini.

Walaupun saya bersetuju dengan langkah Kerajaan untuk menswastakan sistem telekomunikasi di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa dalam langkah-langkah yang diambil itu dan procedures yang akan diambil nanti saya minta supaya Menteri berkenaan dapat membuat jaminan bahawa langkah-langkah diambil, procedure-procedure yang akan diambil nanti dalam proses penswastakan ini akan memberi keuntungan kepada rakyat jelata, kepada negara dan juga mutu perkhidmatan yang telah diberikan oleh Telekom pada masa sekarang ini akan dikekalkan ataupun mutu perkhidmatan diperbaiki. Oleh kerana apabla kita berbincang mengenai dengan penswastakan satu anggapan yang ada dalam fikiran orang ramai ialah penswastakan itu kononnya adalah sama (synonymous) dengan 'efficiency and good service', dengan izin, perkhidmatan yang akan memuaskan rakyat dan negara. Oleh kerana itu, dalam proses Kerajaan menswastakan telekomunikasi di negara ini perkara ini harus menjadi satu tumpuan penting kepada Kerajaan supaya jangan nanti selepas penswastakan diadakan mutu perkhidmatan jatuh dan confidence orang ramai kepada telekomunikasi di negara ini jatuh dan oleh kerana itu ini tidak akan membangun

negara kita dan ini tidak akan memberi satu gambaran yang baik kepada Kerajaan yang sekarang sedang melaksanakan dasar-dasar dan konsep penswastakan di negara ini. Kalau saya tidak salah mungkin penswastakan telekomunikasi di negara ini adalah langkah yang pertama yang diambil oleh Kerajaan semenjak dasar penswastakan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas membaca Rang Undang-undang yang saya telah sebutkan tadi kita terdapat beberapa peruntukan yang mecrupakan peruntukan yang am, peruntukan-peruntukan yang mengandungi perkara-perkara asas dan mengenai dengan banyak lagi peruntukan-peruntukan yang diperlukan dalam proses penswastakan ini, kita tidak dapat membacanya di dalam Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, besok boleh sambung. Saya menjemput seorang Menteri mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### Rancangan Pembangunan Jalan Raya/Parit di Jinjang

6.30 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, bekas Menteri Wilayah Persekutuan pernah menyebutkan bahawa wang sebanyak \$10 juta perlu untuk memperelokkan jalan dan

parit longkang di Jinjang. Kerja memperlengkap jalan dan parit longkang dianggarkan akan diperuntukkan secara langsungnya \$8,400,000 bagi jalan-jalan dan jambatan-jambatan, manakala bagi perparitan \$1,800,000 bagi seluruh Wilayah Persekutuan. Bagaimanakah pihak Kerajaan berupaya untuk membangunkan jalan-jalan raya serta sistem perparitan dengan cekapnya termasuk di Jinjang? Adakah Kerajaan dapat mendugakan keadaan kekurangan wang ini lalu telah merancang pilihan-pilihan yang lain bagi mengatasi masalah ini? Jika ada, apakah langkah-langkah tersebut, jika tidak ada, mengapa.

Kini keadaan jalan dan longkang di Jinjang masih buruk seperti sediakala. Sampai bilakah ia akan dibiarkan sebegitu sahaja? Sekian, terima kasih.

6.33 *ptg.*

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membawa tentang masalah perparitan dan jalan-jalan di kawasan Jinjang, Wilayah Persekutuan. Saya sedar bahawa dari segi anggaran perbelanjaan projek-projek itu ia memerlukan peruntukan yang banyak dan daripada anggaran-anggaran Kementerian sendiri ia akan memerlukan dalam kira-kira \$18 juta bagi membina jalan-jalan tersebut serta dapat mengadakan sistem perparitan yang lebih tersusun dan teratur.

Saya juga sedar bahawa kawasan Jinjang di sebahagiannya masih mempunyai kedudukan jalan yang kurang sempurna dan kurang memuaskan. Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan kewangan Kerajaan khususnya Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur terhadap kepada menetapkan jumlah kewangan yang boleh digunakan bagi penyelenggaraan jalan-jalan raya hanya kepada \$10 juta tiap-tiap tahun dan melihat kepada kedudukan rangkaian jalan-jalan raya yang begitu luas serta perparitan yang begitu luas di kawasan Wilayah Persekutuan ini, maka terpaksa kawasan-kawasan yang tertentu seperti di Jinjang dan beberapa kawasan yang lain menghadapi masalah dari segi penyediaan kemudahan asas yang tidak memuaskan.

Oleh hal yang demikian, terpaksa kerja-kerja ini dijalankan mengikut peringkat-peringkatnya dan bagi peringkat ini kita setelah menyediakan anggarannya dan segala perancangannya bagi peringkat tahun ini, kita akan mulakan bagi sebatang jalan raya yang terlibat iaitu Jalan Tanjung Malim di mana akan dibelanjakan lebih kurang juta bagi memperbaiki keadaan jalan tersebut iaitu jalan yang merupakan jalan tanah liat yang akan dinaikkan tarafnya kepada jalan yang ditar dan yang diturap supaya lebih sesuai berbanding dengan kedudukan jalan-jalan yang lain di Wilayah Persekutuan.

Oleh hal yang demikian, terpaksa kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan dan kerja perparitan itu dijalankan mengikut peringkat-peringkatnya dan kita akan mulakan kerja itu pada tahun ini mengikut peringkatnya dan sebagaimana yang saya katakan, pada tahun ini kita akan belanjakan \$½ juta bagi tujuan membaiki jalan yang berkenaan. Ini tidak bermakna bahawa kita akan berhenti setakat itu sahaja, bahkan kita akan meneruskan projek meningkatkan mutu jalan dan perparitan di kawasan Jinjang dan kawasan-kawasan yang lain dari semasa ke semasa dan juga mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Lam Thye: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Beri Setiausaha baca dahulu, jangnan gopoh sangat!

**ORDINAN K.W.S.P., 1951—Pindaan**

6.35 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk menyuarkan perkara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dalam hubungan ini saya ingin bertanya Kementerian yang berkenaan soal kelewatan untuk memperkenalkan pindaan ke atas Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 bagi tujuan untuk menyediakan lebih banyak faedah kepada pencaharum-pencaharum KWSP.

Pindaan-pindaan yang memberi banyak faedah kepada pencarum dijangka dibentangkan di Parlimen pada bulan Mac/April tahun ini tetapi malangnya sehingga ke hari ini kita masih belum mendengar apa-apa berita mengenai pindaan ini. Pindaan-pindaan ini diperlukan untuk mendatangkan lebih banyak faedah untuk pencarum-pencarum dan juga untuk menjadikan Ordinan KWSP, 1951 lebih memanfaatkan pencarum.

Pindaan-pindaan yang dikehendaki, antara lain, ialah memberi peruntukan yang membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan lebih banyak wang daripada apa yang dibenarkan sekarang untuk membeli rumah. Pada masa ini pencarum-pencarum hanya boleh mengeluarkan wang mereka sama ada 45% dari jumlah caruman dalam simpanan mereka atau 10% daripada harga membeli rumah, yang mana satu yang lebih rendah. Kadar faedah ke atas caruman KWSP sekarang ialah 8.5% setahun dan ini hendaklah dinaikkan. Pencarum hendaklah juga dibenarkan mengeluarkan 1/3 dari caruman mereka pada umur 45 tahun dan tidak lagi pada umur 50 tahun.

Sekian.

6.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan yang diberikan untuk memberikan lebih faedah kepada pencarum-pencarum KWSP.

Saya ingin menjelaskan di sini, adalah langsung tidak benar ada kelewatan untuk menyedai pindaan-pindaan kepada Ordinan

KWSP ini dan apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi ialah berita melalui suratkhobar. Kementerian saya tidak bercadang dalam peringkat sekarang untuk mengadakan pindaan-pindaan, tetapi sepertimana yang saya sebutkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, kita dari masa ke semasa ada membuat kajian dan juga ada memberikan perhatian ke atas cadangan-cadangan yang telah diberi kepada Kementerian berkenaan mengadakan lebih lagi faedah kepada pencarum dan cadangan-cadangan ini jikalau difikirkan wajar, kita akan membuat pindaan-pindaan yang sewajarnya.

Oleh kerana itu, Kementerian saya dalam peringkat sekarang fikir benefit yang telah diberi sekarang adalah cukup memuaskan tetapi satu Jawatankuasa ada ditubuhkan untuk mengkaji cadangan-cadangan yang telah diterima di dalam Budget Dialogue yang ada sekarang dan juga kita akan mengkaji cadangan-cadangan yang baru ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.*